



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS

16 OKTOBER 2020 (JUMAAT)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

16 OKTOBER 2020 (JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 35 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	6
Soalan No. 36 – Ahli Kawasan Pengkala Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen)	7
Soalan No. 37 – Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	11
Soalan No. 38 – Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	12
Soalan No. 39 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	14
Soalan No. 40 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	17
Soalan No. 41 – Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	18
Soalan No. 42 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad)	20
Soalan NO. 43 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	22
Soalan No. 44 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad YUsoff Bin Mohd Noor)	24
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH YAB. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	29
SESI PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2021 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021	
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	34
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	46
DEWAN DITANGGUHKAN	

Kandungan	Muka Surat
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) menyambung semula sesi penggulungan	49
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	57
YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	67
YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	74
DEWAN DITANGGUHKAN	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 16 Oktober 2020 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Sri Pinang,
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah
Pulau Pinang.

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
23.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
24.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
25.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
26.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
27.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
30.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
31.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
32.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
33.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
34.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
35.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
36.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
37.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
38.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Aceh
39.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
40.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang

TIDAK HADIR

Bil.	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Abdul Razak bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Kita masih dalam sesi soalan lisan untuk pagi ini. Saya ingin persilakan Yang Berhormat Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya, soalan No. 35.

35. Kerajaan Negeri telah menetapkan kuota dua (2) orang belia (seorang lelaki dan seorang wanita) yang berumur 21 – 35 tahun dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) mulai tahun 2021.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji penetapan kuota dua (2) orang belia tersebut adalah diluar kuota 30% wanita yang telah ditetapkan sebelum ini supaya menggalakkan lebih ramai belia wanita untuk menyertai MPKK?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakatuh dan salam sejahtera, selamat pagi. Soalan daripada Yang Berhormat Air Itam berkaitan dengan kuota dua (2) orang belia, seorang lelaki dan seorang wanita yang berumur 21 hingga 35 tahun dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung mulai tahun 2021. Adakah kuota 30% wanita yang telah ditetapkan sebelum ini, akan dikaji semula untuk menggalakkan lebih ramai belia wanita menyertai MPKK?

Bagi menjawab soalan, perkara ini telah pun disentuh dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Padang Lalang dan juga Yang Berhormat Bagan Jermal semalam. Penetapan kuota dua (2) orang belia, seorang lelaki dan wanita, yang berumur 21 hingga 35 tahun ini mula ditetapkan diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan berkuatkuasa mulai 2021 iaitu mulai Januari depan. Justeru, Kerajaan Negeri akan mengkaji penetapan kuota ini sama ada dapat diikuti oleh MPKK di seluruh Negeri Pulau Pinang. Dan sekarang ini, *exercise* ini sedang berjalan. Kalau tidak ada masalah, kita boleh mengkaji semula untuk meletakkan ataupun menggalakkan lebih banyak belia wanita dicadangkan dicalonkan untuk menduduki MPKK.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih, Yang Berhormat Pinang Tunggal, soalan tambahan saya, apakah peratusan anggota belia yang berumur antara 21 hingga 35 tahun yang berada dalam MPKK buat sekarang waktu? Dan juga adakah Kerajaan Negeri bercadang ingin mempertimbangkan untuk menyediakan peruntukan khas buat aktiviti atau program golongan belia di dalam peruntukan yang akan diberikan untuk membantu MPKK menjalankan aktiviti-aktiviti ini? Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Buat masa sekarang, kita belum ada lagi statistik tentang penyertaan belia wanita bawah 35 tahun di dalam MPKK. *Exercise* ini baru, hanya diperkenalkan sekarang dan bermula *effective* Januari tahun hadapan. Jadi buat masa sekarang kita mendapati ada beberapa MPKK yang mempunyai masalah untuk melaksanakan *recruitment* dua (2) orang belia, terutama sekali belia wanita. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Air Itam mengenai peruntukan khas yang disediakan untuk kumpulan ini, EXCO telah meluluskan penetapan setiap ADUN untuk menyediakan lebih kurang RM3,000.00 untuk Biro Belia tiap-tiap MPKK untuk dibelanjakan oleh tiap-tiap MPKK, bagi setiap ADUN, jadi pemantauan program ini atau pun perbelanjaan ini akan dibuat oleh MMK Belia. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan Tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Langkah untuk memberikan ruang kepada belia dalam kepimpinan adalah satu langkah yang cukup baik, kerana ia mampu untuk melahirkan bakal-bakal pemimpin. Jadi soalan saya, untuk kita dapatkan pemimpin belia yang mampu menjalankan tugas yang betul-betul berkesan, sebab tugas ini bukan tugas yang mudah dia kena bergaul dengan masyarakat dan sebagainya.

Jadi, apakah kaedah yang akan digunakan untuk mencari, mengenalpasti, melahirkan pemimpin-pemimpin belia yang mampu untuk melaksanakan tugas? Kita tak mahu kita lantik tapi dia tak memberi apa-apa kesan kepada pembangunan kampung ataupun kawasan MPKK yang berkaitan, terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dua (2) orang belia yang dilantik ini, mereka akan menduduki Biro Belia di setiap MPKK, dan salah seorang sama ada wanita ataupun lelaki yang akan mengetuai biro tersebut. Jadi di situ ada latihan untuk dilatih sebagai pemimpin.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan Yang Berhormat Pengkalan Kota, silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan Pengkalan Kota soalan No. 36.

36. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- (a) Apakah pencapaian yang telah dicatatkan oleh kedua-dua PBT selepas mencapai status bandaraya?
- (b) Huraikan usaha yang telah diambil oleh kedua-dua PBT untuk membendung wabak COVID-19.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Speaker. Selamat pagi kepada rakan saya, kepada Yang Berhormat Pengkalan Kota, *thank you very much* kepada soalan yang begitu penting sekali, iaitu menanya berkenaan status Pihak Berkuasa Tempatan, dan apakah pencapaian yang telah dicatatkan oleh kedua-dua mereka setelah mereka mencapai status Bandaraya? Dan terutamanya seperti mana saya mula pada hari Isnin dan pada hari Jumaat ini, *5 day's later* yang terpenting kita perlu lihat dalam keadaan yang baru iaitu norma baru bagaimana kita boleh cuba di dalam apa pun usaha kita untuk membendung COVID-19, itu adalah keutamaan kita di Negeri Pulau Pinang.

Untuk maklumat Dato' Speaker, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencapai pelbagai kejayaan dari dalam dan luar negara sejak mendapat status bandaraya masing-masing, yang pertama was Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 1 Januari 2015 dan yang kedua ialah Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 19 September 2019. Saya begitu gembiralah Dato' Speaker, untuk menyatakan bahawasanya apabila saya diberikan amanat untuk jadi EXCO Kerajaan Tempatan, salah satu keutamaan saya ialah untuk menjadikan Majlis Bandaraya ataupun pada waktu itu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjadi satu bandaraya, dan sebelum itu pun Ketua Menteri saya yang EXCO Kerajaan Tempatan dahulu telahpun buat pelbagai usaha tapi ada kekangan dari pusat, tetapi nasib kita baik ada tempoh apabila pusat bersama dengan kita, dan proses itu dilaksanakan dan telahpun berjaya. Satu tepukan pada Dato' Bandar kerana dia sekarang bukan YDP dia Dato' Bandar, Dato' Rozali (**Ahli Dewan menepuk meja**).

Tetapi dengan tanggungjawab ini apabila, kita menjadi Majlis Bandaraya ada lebih bebanlah di atas bahu seperti mana saya selalu nyata, tetapi berbalik kepada Pengkalan Kota, kita ada pelbagai pengiktirafan kalau saya nak baca pun saya ingat susah, saya tak akanlah, tapi ada satu senarai mungkin *I will just stress one or two* di mana setakat ini Dato' Speaker, MBPP pada keseluruhannya telah pun memperolehi sebanyak 55 pengiktirafan dan penganugerahan. Manakala MBSP telahpun mencapai 10. Sehingga kini, tetapi *I think that number might..it's not, maybe when I answer the question about two weeks ago* mungkin lebih kerana mereka selalu mencapai pelbagai pengiktirafan kedua dua (MBPP) Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan (MBSP) Majlis Bandaraya Seberang Perai semua ada dalam lampiran. Nanti saya akan sebut satu atau dua yang penting pada saya.

Dato' Speaker, *straight to the question* berkenaan apakah usaha mereka untuk membendung wabak COVID-19? *I would like to state* di sini, kita di Negeri Pulau Pinang, apabila saya nyatakan Dato' Speaker, *why is this question so important?* Apabila saya nyatakan keutamaan kita adalah keutamaan untuk keselamatan awam dan keselamatan kesihatan itu adalah begitu dekat dengan hati saya. *It is very important for us to understand* dalam pandemik ini. *Again, I will give some numbers* semalam. Saya lihat dalam dunia sudah pun hampir 1.2, kematian kita hampir 40 juta kejangkitan, kalau kita lihat dalam beberapa hari sebelum ini, di Malaysia *I think* pertingkatannya adalah *worrying* lah, membimbangkan.

Let us be realistic, all of us here let us be realistic, ini COVID-19 peperangan ini adalah bukan satu peperangan politik, ini adalah satu peperangan yang semua kita perlu ganding bahu sama-sama memeranginya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, saya lebih suka...

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I know, I know,... that's why the question is apakah usaha daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan untuk membendung COVID-19? *That's the question and I give a little bit of perspective and context why it's is so important, what would my Mayors and my workforce down on the ground is doing, Dato' Speaker...(dengan izin).*

Antara lain Dato' Speaker, kita sedang mempergiatkan *publicity* dan penerangan tentang *standard operating procedure* kerana kita ada pelbagai SOP yang telah pun saya nyatakan, di mana di Pulau Pinang, di bawah pelantikan saya untuk mempengerusi Jawatankuasa SOP, kita ada pelbagai SOP tetapi ada mungkin sektor yang perlu kita perhalusi lagi dan kita akan buat hebahan tentang SOP ini melalui saluran media, terutamanya *facebook* dan media massa dan juga kita akan seperti mana saya nyatakan sebelum ini, kita juga akan menggunakan CCTV untuk membuat pemantauan akan pematuhan semua SOP tersebut di mana terutamanya di mana hotspot di kawasan *hotspot* Dato' Speaker.

Nombor 2, kita juga akan mempergiatkan operasi kawalan Perintah Kawalan Pergerakan ataupun PKP ataupun MCO di pasar awam dengan kerjasama persatuan peniaga, RELA dan sebagainya. Untuk makluman Dato' Speaker, apabila MCO pertama berlaku, Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang pertama di mana saya sendiri pergi tutup satu pasar awam, dan itu menunjukkan bahawa kita memang mengutamakan keselamatan awam dan kesihatan. Kalau mereka tidak patuh, kita akan ambil tindakan, dan itu saya telah maklum kepada kedua-dua Datuk Bandar saya untuk pastikan ada pemantauan, untuk memastikan ada pematuhan kepada SOP.

Nombor 3 Dato' Speaker, *of course* selain daripada MBPP soalan ini tertumpu kepada kita punya MBPP dan MBSP. *I would like to again the reason why I started out* kita akan memberi pengiktirafan yang tertinggi kepada petugas hadapan kita kerana dalam usaha kita untuk membendung wabak ini. Walaupun saya ada tenaga kerja yang selalu ada di padang, Dato' Speaker, kita punya wira baju kuning, wira baju hijau, wira baju *orange*, wira baju jingga, *we have 5000 of them* tetapi kita tidak boleh melakukannya sendiri. Kita lakukan dengan agensi lain, Dato' Speaker dan kita oleh demikian sedang mempergiatkan operasi penguatkuasaan bersepadu di semua premis-premis perniagaan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) *I think* kita perlu beri pengiktirafan kepada semua agensi termasuk PDRM. Selain daripada banyak agensi lain *but I will come to that one by one and of course i said* kita telahpun ambil, akan terus ambil, tindakan untuk menguatkuasakan termasuk menutup premis yang tidak mematuhi SOP and *of course one of the SOP's* Dato' Speaker, *infact one of the main SOP's is* kalau saya tanya siapa di sini *I'm sure you understand the SOP number one* yang lazim kepada semua sektor ialah penjarakan sosial, *that is number one through out the world, it is about a social distancing earlier it was 3 feet but now they saying 6 feet...(gangguan).*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Ahli Kawasan Datuk Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, I'm coming to that.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Ahli Kawasan Datok Keramat, anda sedang menjawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No, why I'm saying that is the next answer is important.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Please answer this.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Apabila kita lihat kepada SOP itu kita inovasi di *Penang*, kita hendak lihat bagaimana kita beri galakan *social distancing* itu, *very difficult, sometimes we have big problem now in* Penjara Pulau Pinang, *you cannot social distance in the prison, a prison means your liberty is curtail* (dengan izin)...*so you cannot social distance but anyway that is secondary issue. How we try to assist* dalam pada ini, kita menggalakkan aktiviti perniagaan secara e-dagang. *That is the reason why* konteks perspektif. Dato' Speaker *so we understand* apabila saya cakap tentang e-dagang kita bercakap tentang transaksi tanpa tunai because *then you do not sentuh we do not come close into contact, come back to number one SOP social distancing and of course* kita ada perlu *business as usual*. So, kita buat banyak kerja kita melalui pembangunan kapasiti, melalui video *conferencing zoom* dan sebagainya. Kita ada banyak yang sudahpun berlaku di peringkat kerajaan dan kita harap semua juga boleh ikuti apa yang kita sedang buat kerana ini adalah selaras dengan apa yang perlu.

Dato' Speaker, selain daripada itu, di MBSP *I think* sama juga tetapi MBSP pun ada banyak yang telah pun dicapai dan saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk merekodkan terima kasih kepada Datuk Bandar yang selalu prihatin. *I will not go through it all Dato' Speaker but we had taken action like I said similarly MBPP is concern and we will continue to do that. In fact MBSP*

if you look at the numbers, this is amazing, very-very amazing we have many, many langkah yang telahpun diambil dan sedang dan akan terus diambil.

Penganugerahan Dato' Speaker, *if I can just quickly take to lampiran, I mean there around 60 to 70, I don't want to go into it, but thats from 2015 kita terus pergi mungkin kepada tahun 2018, apabila pertama kali kita mencapai di Majlis Bandaraya Pulau Pinang di atas pimpinan Datuk Bandaraya iaitu kita punya Dato' Ar. Yew Tung Seang, achieve The Asian Cleaness Tourist City (ACTC) on 26 January. That is the first time dan saya percaya kita mencapai kali ke-2, first time was in Thailand that time Dato' went, the second time I went personally to get it in Brunei but this is an example of how we can continue, I always said* apabila kita capai satu pengiktirafan itu yang sukar sekali adalah untuk kekalkan dia tetapi dengan ini, ini adalah bukti bahawa kita akan terus buat sedemikian. Ini adalah antara beberapa perkara yang telah pun kita capai *of course if we look at MBSP I think MBSP* telahpun memenangi pelbagai pengiktirafan, termasuk antara majlis bandaraya yang paling *effective. Let me just put it very generally*, yang paling efektif di negara Malaysia, *MBSP I think, congratulation and my hats off to Datuk Bandar for continuing be your very good work.* Terima kasih Dato' Speaker, itu sahaja yang hendak saya nyatakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, silakan YB. Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada jawapan yang begitu teliti yang telah diberikan Datuk Keramat khususnya tentang langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membendung wabak COVID-19 ini. Jadi persoalan saya adalah berhubung dengan perjawatan khususnya di Pihak Berkuasa Tempatan, saya bagi satu contoh yang realistik, menurut jawapan bertulis yang saya terima ini, di kawasan Pulau iaitu di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya, kita mempunyai sebanyak 326 badan pengurusan bersama (JMB) dan juga kita mempunyai sebanyak 645 Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*), jadi yang menjadikan jumlahnya 971 projek.

Namun demikian, memetik statistik yang kita ada iaitu di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan di kawasan MBPP ini kita hanya mempunyai 17 anggota, dan secara purata seorang anggota pekerja di bawah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan itu terpaksa mengendalikan 57 projek secara puratanya. Jadi persoalan saya adalah, apakah perancangan pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan lagi perjawatan di semua sektor supaya dapat meningkatkan lagi prestasi dan juga untuk memastikan SOP-SOP untuk kita membendung COVID-19 ini dapat dijaga dengan rapi? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker, terima kasih memberi saya ruang untuk menjawab soalan tambahan daripada rakan saya, daripada YB. Ahli Kawasan Pengkalan Kota, yang begitu baik sekali dan *I think very current like I said everything must fall back to the position we are in* pandemik era COVID-19 ini dan mengapa saya sekali lagi sebut itu kerana relevan kepada soalan.

Apabila saya nyatakan keutamaan kita sekarang adalah keutamaan keselamatan awam dan keselamatan kesihatan, untuk makluman Dato' Speaker, saya hendak maklum kepada semua rakan saya di sini, di bahagian Majlis Bandaraya Pulau Pinang, kita ada 1991 pekerja yang senantiasanya ada di lapangan. *We have 1991 workers here our frontliners at the MBPP, that is our Penang Council.* Di bahagian Seberang pula, kita ada 3000, kita ada pada setiap masa 3000 pekerja di lapangan. *So we have about around 5000* tetapi saya hendak nyatakan Dato' Speaker, kita dalam bulan 8 menghadapi pandemik era dan memerangi COVID-19 yang mana itu adalah keutamaan semua kita sebagai manusia *and I think* mungkin apa yang ditanya oleh rakan saya daripada Pengkalan Kota perlu kita ambil kira dengan serius, *why?* Kerana Dato' Speaker, dari mula apabila ia berlaku, kita ada MCO 1, MCO 2, *then* kita ada PKPP, *then PKPB then now we are PKPP.* Kita ada empat (4) sudah kita jalan, *and now in certain places* ada TEMCO juga. *In Penang also you know what happened, Dato' Speaker let me go back not back to the future back*

to the past the first one MCO, apa jadi tenaga kita di MBPP? Tenaga kita di MBSP, semua digunakan untuk memastikan pematuhan SOP di tempat-tempat awam, seperti di pasar awam seperti penjaja-penjaja awam, seperti restoran dan sebagainya.

It took a lot from us you know, it's took a lot from us, let me tell you that sometimes I feel for them, I really feel for them and today as I speak Dato' Speaker, it is happening in my area in Datuk Keramat, kerana ada TEMCO, 3 jalan ditutup saya dengar ada anggota daripada kuarters penjara yang saya lihat daripada Star hari ini, ada laporan kata mereka tidak dapat makanan. I don't know whether that is true...(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Ahli Kawasan Datuk Keramat, soalan dan masalah susah dituju, beri jawapan sudah.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I will answer, let me give a perspective, selalu mesti ada konteks then only you understand.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tetapi saya dengar masalah sahaja.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, I'm saying that how important it is today my workers again from MBPP are there at the prison also trying to ensure the surrounding area ada pematuhan dan pemantauan, they must understand the context otherwise no point me answering, I can give jawapan but the point is this, if we going to continue kalau berterusan pandemik ini cukup atau tidak? Itu soalan daripada YB. Pengkalan Kota, cukup atau tidak kita punya tenaga? Dan saya setuju dengan Pengkalan Kota rakan sahabat karib saya bahawasanya tidak cukup dan saya akan arahkan kedua-dua Datuk Bandar saya supaya lihat bagaimana kita boleh pertingkatkan pengambilan lebih tenaga daripada 5000. We have to look, we have to be realistic, you know why Dato' Speaker, it not just about pematuhan dan pemantauan pematuhan tersebut kita juga ada core business. Mereka juga perlu jaga rakyat Pulau Pinang, pembersihan dan sebagainya, but now we are suffering from this COVID-19 it is taking a toll on us...(dengan izin). So saya setuju sepenuhnya bahawa saya akan bincang dengan kedua-dua Datuk Bandar saya dan saya percaya bahawa mereka secara prinsip akan setuju dengan saya bahawa kita perlu mempertingkatkan tenaga kerja kita di kedua-dua majlis bandaraya. Sekian terima kasih. Thank you very much.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, dipersilakan YB. Ahli Kawasan Bayan Lepas.

YB. Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Assalamualaikum dan selamat pagi, terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 37

37. Apakah status pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar?

- (a) Sila huraikan jadual pelaksanaan projek tersebut.
- (b) Apakah benar projek tersebut tidak diberikan keutamaan dan menghadapi pelbagai karehah?
- (c) Apakah perincian RM1 Juta dalam ucapan Bajet Tahun 2021 oleh Dato' Bandar berkaitan pasar Teluk Kumbar tersebut?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada Dato' Speaker, dan terima kasih kepada rakan saya daripada Bayan Lepas berkenaan satu soalan iaitu status pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar.

Dato' Speaker, saya ringkas. Status terkini pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar adalah tender yang telah dikeluarkan pada bulan Februari tahun ini telahpun dibatalkan Dato' Speaker, pada bulan Ogos 2020 atas sebab-sebab teknikal yang kita tidak dapat elakkan. Dan

Dato' Speaker, *for your information also to my friend from* Bayan Lepas, panggilan tender baru kita jangka akan dibuat semula pada akhir tahun ini. *Hopefully by next month*, November. Kita harap.

Nombor dua, projek ini Dato' Speaker, memang sentiasa kita beri keutamaan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan. Namun kita dengan apa yang kita sebutkan tadi, kita akan terus komited untuk melaksanakan projek pembinaan ini. Itu sahaja Dato' Speaker, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Dato' Speaker, ada soalan (c), Apakah perincian RM1 juta masih tidak dijawab. Nombor 37, *part* (c) berbunyi, "Apakah perincian RM1 juta dalam ucapan Bajet Tahun 2021 yang dibuat oleh Dato' Bandar berkaitan Pasar Teluk Kumbar", masih tidak dijawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tak. Sememangnya saya nyatakan tadi, perincian RM1 juta itu adalah untuk projek ini, tetapi sepertimana saya nyatakan, ia tidak dapat diteruskan kerana ada isu teknikal tetapi kita akan panggil tender barulah. Jadi ia adalah sama. Cuma kita tunggu tarikh yang akan datang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih kepada Datok Keramat yang telah menjawab persoalan mengenai pembinaan Kompleks Pasar Awam di Teluk Kumbar. Saya menyambut baik keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan yang diadakan pada 5 Oktober yang telah meluluskan untuk *market* ini ataupun Pasar Awam Teluk Kumbar ini ditender pada November tahun 2020.

Namun begitu, untuk perhatian Dato' Speaker dan Yang Berhormat Datok Keramat, saya telah menerima sesalinan memorandum yang telah diberikan kepada saya, yang dialamatkan kepada Datuk Bandar oleh lapan (8) orang Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap, memohon agar keputusan yang dibuat pada 5 Oktober itu diteruskan dengan jayanya. Jadi saya sebagai wakil kepada penduduk di Teluk Kumbar harap Kerajaan Negeri seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datok Keramat tadi terus komited, *Insyallah*. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Oh! Bukan soalan. Persilakan Yang Berhormat Air Putih.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor 38.

38. Sila nyatakan status projek-projek Kerajaan Persekutuan yang diluluskan untuk Pulau Pinang dalam Belanjawan 2020 khususnya Projek Kabel Perbadanan Keretapi Funikular Bukit Bendera.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Air Putih. Berdasarkan kepada laporan prestasi dan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dijanakan daripada Sistem Pemantauan Projek 2 (SPP 2), jumlah keseluruhan projek Kerajaan Persekutuan yang diluluskan untuk Negeri Pulau Pinang dalam Belanjawan 2020 sehingga 2 Ogos tahun ini ialah sebanyak 167 projek dengan kos keseluruhan sejumlah RM14.90 bilion. Projek ini terdiri daripada 126 projek baharu dengan kos RM10.52 bilion, manakala 41 projek sambungan dengan kos RM4.38 bilion, yang mana melibatkan sebanyak 148

fizikal dan 19 projek bukan fizikal. Status pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Dalam Perancangan - 13 projek
- (ii) Ikut Jadual - 122 projek
- (iii) Telah Siap - 25 projek
- (iv) Lewat Jadual - 6 projek
- (iv) Projek yang sakit - 1 projek

Jumlah: 167

Manakala bagi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera, permohonan peruntukan bagi projek ini telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 pada bulan Oktober 2019. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 3 April 2020 telah menyatakan bahawa permohonan tersebut tidak mendapat pertimbangan daripada pihak Kementerian dan tidak dapat diteruskan.

Kerajaan Negeri melalui pejabat saya telah kemukakan rayuan pada 10 Jun kepada Kementerian Kewangan bagi meneliti dan mempertimbangkan semula permohonan peruntukan bagi cadangan pelaksanaan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera di Negeri Pulau Pinang dan tiada makluman balas yang diterima sehingga kini. Bagi meneruskan projek tersebut, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bukit Bendera akan mengeluarkan *Request for Proposal (RFP)* untuk bekerjasama dengan pihak swasta secara *Public Private Partnership* dan panggilan RFP ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan November tahun ini dan projek ini dijangka akan ambil masa antara tiga (3) hingga empat (4) tahun untuk siap sepenuhnya dan mula beroperasi. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Air Putih, sila.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Yang di-Pertua. Dalam aspek pembangunan, projek-projek pembangunan yang telahpun diluluskan oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ditukar kepada Kerajaan PN. Adakah pihak kementerian mengatakan sebab mengapa itu projek-projek ini dibatalkan? Selain daripada projek kereta kabel, kita pun tau ada satu lagi projek di mana pihak Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini telahpun memberikan jaminan untuk pinjaman sebanyak RM10 bilion untuk projek *Transport Master Plan* dan saya difahamkan bahawa jaminan pihak Kerajaan Persekutuan untuk memastikan projek untuk mengurangkan kesesakan *traffic* ini di Pulau Pinang pun telah dibatalkan. Sama ada alasan diberikan supaya tidak menimbul pandangan bahawa ia adalah semata-mata satu tindakan balas, hasad dengki dan balas dendam daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan dalam aspek ini, apakah jalan lain yang boleh kita usahakan untuk memastikan projek-projek kesesakan *traffic* ini dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, sila.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih. Kerajaan Negeri tidak menerima keputusan Kerajaan Persekutuan tentang penarikan atau pembatalan peruntukan dengan begitu saja. Dan telah disusuli dengan rayuan kepada Kementerian ataupun Perdana Menteri berhubung dengan beberapa isu termasuk dua (2) isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tetapi setakat ini masih belum ada berita yang baik atau menggalakkan supaya dapat membolehkan pihak Kerajaan Negeri meneruskan projek-projek berkenaan. Tetapi kita masih menyusuli dengan rayuan termasuk untuk mendapat *guarantee* pihak Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Negeri menerima pinjaman atau bon supaya projek-projek pengangkutan awam dapat dilaksanakan kalau bukan sepenuhnya untuk membiayai projek, kalau membiayai projek melalui

development estimate, itu amatlah membanggakanlah tetapi nampaknya Kerajaan Persekutuan tidak akan buat sedemikian. Memang tidak memasukkan projek-projek ini dalam *development estimate* dan kita pun sebenarnya masukkan projek-projek ini dalam permohonan RMK-12 dan RMKe-12 masih belum dimuktamadkan lagi dan cuma kita akan tahu keputusan menjelang bulan Januari akan datang.

Jadi kita masih berharap berdasarkan betapa pentingnya projek-projek ini untuk pembangunan masa depan Negeri Pulau Pinang, projek-projek ini dapat diberi pertimbangan selari dengan semangat yang telah banyak kali disuarakan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya tempoh hari. Jadi itulah kedudukan terkini, tetapi pihak Kerajaan Negeri tidak boleh duduk dan menunggu sahaja. Kita mahu satu muktamadnya apa-apa juga keputusan supaya kita dapat mengambil langkah-langkah alternatif yang dirangkakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, satu lagi.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker* dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menyatakan tadi ada projek-projek telah disenaraikan dalam RMKe-12, Rancangan Malaysia Kedua Belas. Saya ingin dapatkan jawapan daripada Yang Amat Berhormat, sebab Kerajaan Persekutuan sebelum ini pernah meluluskan beberapa peruntukan, bukan sahaja untuk Pulau Pinang, untuk Kelantan dan Terengganu, RM400 juta, RM200 juta. Itu semua tidak disentuh langsung. Yang disentuh adalah Pulau Pinang. Kenapakah keadaan ini berlaku? Kenapa Kerajaan Perikatan Nasional ini seolah-olah menghukum Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan seperti yang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri nyatakan tadi, boleh kita dapatkan satu senarai tentang projek-projek yang telah dimohon untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas? Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Tidak bermasalah kita kemukakan senarai penuh. Permintaan ataupun permohonan dari pihak Kerajaan Negeri serta agensi-agensi di Negeri Pulau Pinang untuk diberikan kepada Yang Berhormat. Tentang mengapa adanya projek di Negeri Pulau Pinang ditarik balik, sedangkan projek-projek lain yang diluluskan kepada lain-lain negeri diteruskan, saya tak ada jawapan selain dari menyatakan ia semestinya ada unsur-unsur politik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Yang Berhormat Berapit. Silakan soalan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih Dato' *Speaker*, soalan saya soalan 39.

39. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur luar negara (FDI) untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang?
- (a) Adakah tanah perindustrian semasa mencukupi untuk digunakan dalam tempoh 10 tahun lagi?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, terima kasih Yang Berhormat Berapit. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menarik pelabur luar negara, *foreign direct investment* dalam jangka masa pendek adalah pertama adalah memanfaatkan US-China Trade War dan juga US-Europe Trade

War. Kalau kita lihat perkembangan 2019, 2020, kita juga mendapat pelaburan dari United Kingdom, Germany dan juga Switzerland, so ada ruang untuk kita menarik pelabur atau ke tempat ini. Mengambil kesempatan daripada krisis perang dagang. Dan kita punya kelebihan dari segi lokasi yang *strategic* dan *talent* yang kita ada serta eko-sistem *industry technology* dan *supply chain* yang sedia ada.

Seterusnya kita juga dalam tempoh MCO/PKP ini akan meminta apa, supaya MKN menimbang *restriction*, kemasukan *expatriate* yang mana mereka telah komitmen untuk melabur di sini. Keluar masuk mereka sekarang ini agak terhad.

Ketiga ialah memberi fokus kepada industri galakan dan meningkatkan khidmat kepada pelabur sedia ada dengan memberi tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang E&E serta semikonduktor. Kita tahu kelebihan kita dalam E&E. Saya juga sebut semalam dan kita nak lihat kepada *high growth potential* dalam bidang-bidang *life sciences, IOT, machine & equipment*. Juga *rail* ataupun pengangkutan, *defense* dan juga *avionic*. Di samping itu perkhidmatan GBS ataupun *Global Business Services* dan *research & development* serta *design development and software development* adalah *new growth area* ataupun satu fokus kepada sektor yang berdaya tumbuh.

Seterusnya ialah memperkukuhkan kerjasama dengan dan sinergi dengan agensi-agensi yang Kerajaan Pusat di Pulau Pinang. Kita ada *Invest Penang* dan agensi-agensi yang menarik pelabur ke Malaysia seperti MIDA/MITI dan NCER kita akan terus memperkukuhkan lagi. Mungkin Seberang Jaya boleh membantu sebagai Pegawai Khas kepada MITI. Boleh ya, Seberang Jaya?

Seterusnya ialah walaupun misi Pelaburan Antarabangsa saya dah jawab semalam sikit. Kita tidak dapat, teruskan tetapi kita teruskan dengan sesi Webinar dan pada tahun ini juga, penganjuran Penang (WCIT) *Tech Fest. Round up to Tech Fest, Round up to (WCIT) World Congress Information Technology* yang dijadualkan pada 2020 tidak kita bagaimanapun ada Penang (WCIT) *Tech Fest* yang akan diadakan pada 18 hingga 20 November. Ini adalah satu *virtual conference* yang kita akan memanfaatkan untuk menarik pelabur luar.

Seterusnya, sekarang ini kita dah ada *Business and Industrial Parks Enhancement Council* yang ini ialah sebagai satu *council* yang akan melihat kepada penyelarasan daripada pelabur, pihak PDC dan PBT. Apa-apa masalah dalam masa pelaburan. Pelabur masuk ke *Penang* dan isu-isu yang timbul dalam peringkat awal pelaburan.

Seterusnya kita juga telah menubuhkan Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang iaitu *Penang Strategic Investment Advisory Council* untuk melihat bagaimana kita nak menangani isu-isu yang dihadapi pelabur dan bagaimana untuk memastikan Pulau Pinang tidak tertinggal akibat pandemik COVID ini.

Perancangan Jangka Panjang kita, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengekalkan apa pastikan kelebihan bakat *Talent Development* itu kita teruskan. Ini penting kerana salah satu saya sebutkan tadi ialah kelebihan Pulau Pinang ialah kerana kita ada *talent* kita tak nak pelabur datang, kita tidak mempunyai Jurutera-Jurutera ataupun *Design Engineers* untuk menampung keperluan jawatan mengisi kekosongan ini. Dan di sini kita ada *Pusat Career Assistance and Talent Centre*, dan juga keperluan untuk *reskilling*. *Reskilling* pekerja yang kita ada dan kita kena *review education system* kita yang mana TVET kerjasama dengan TVET untuk memenuhi. Kita tak mau ada *mismatch* antara graduan *field* yang di apa graduan yang keluar daripada universiti dengan keperluan industri.

Seterusnya kita ada Pusat S.M.A.R.T (*SME Market Advisory, Resources and Training Centre*) ini dikeluarkan oleh InvestPenang. Ini memainkan peranan utama dalam memantapkan ekosistem industri sokongan di Pulau Pinang dengan menyediakan fasilitasi kepada syarikat pengilang multinasional dan pelabur yang baru berminat untuk mencari pembekal tempatan.

Seterusnya untuk memastikan *the ease of doing business* supaya Pulau Pinang ini menjadi satu tempat yang mudah untuk pelabur. Kita tahu bahawa sekarang ini ini *emerging* ekonomi ini salah negeri Asia, Singapura Vietnam, Thailand Indonesia dan Philippine. Kita berharap

untuk terus kolaborasi mengadakan kolebrasi dengan negara-negara ini supaya ada kompetitif *advantage* antara negara-negara ini. So Pulau Pinang kena menyediakan infrastruktur yang apa menarik minat pelabur.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang keperluan *high speed broadband* ini. Kalau kita ikut MCMC ini kekangan kita *Route Out Fifth Generation 5G* ini...(ganguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Yang Berhormat juga bagi jawapan ini sudah yang sekarang dalam sesi jawab yang sudah sebut dalam kandungan itu boleh dielakkan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):

Tak pa. So saya habiskan. So ini penting kerana produktiviti. Kalau kita lihat *University of Education*, dalam *survey* mereka yang mengatakan hanya (36%) pelajar tidak ada *device* untuk *E-Learning* ini. So bayangkan bagaimana kita nak hasilkan *talent* kalau perkara-perkara ini kita tak atasi. Saya telah jawab tentang apa keperluan tanah untuk pelabur dimasa yang akan datang. Kita ada *Land Bank* untuk tempoh 10 tahun ini, yang membolehkan memenuhi kehendak pelabur.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Terima kasih. Saya ingin mempersilakan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Soalan tambahan. Okey. Yang Berhormat Batu Maung. Tadi pelbagai saya nampak inisiatif yang akan dibekalkan daripada Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur asing. Dan saya nampak di Bajet daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Pulau Pinang menyumbang RM842 billion atau 47% daripada keseluruhan pelabur asing negara dalam tempoh Januari sampai Jun tahun ini. Ini menunjukkan pelabur asing adalah sangat penting untuk menyumbang ekonomi Pulau Pinang.

Tapi di sini tadi mengatakan tanah industri cukup digunakan dalam tempoh 10 tahun. Tetapi saya agak keliru di sini dengan betapa besarnya tanah industri yang akan disediakan dan dibahagikan pula kepada berapa fasa untuk menyampai untuk mencapai tahap 10 tahun untuk supaya cukup guna. Adakah Kerajaan Negeri ada hasrat untuk mengadakan bandar satelit yang baru bersama dengan pembangunan industri tanah industri ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):

Berapit. Semalam saya sebut tentang VKIP2 dan seterusnya juga saya sebut tentang 800 ekar tanah dibawah Projek ESR yang bila siap nanti dapat menampung keperluan ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih atas jawapan yang telah jelaskan tentang FDI, Rancangan Jangka Panjang Pendek. Cuma saya nak tanya satu sahaja. Dimana-mana negeri kita sering mengadakan lawatan ataupun delegasi untuk kita menarik pelabur dan menerangkan apa kemudahan yang kita ada di Pulau Pinang. Jadi adakah Kerajaan Negeri mengadakan delegasi berkaitan dan berapa banyak yang kita dapat melalui delegasi yang kita laksanakan untuk kita tarik pelabur asing masuk ke Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):

Kalau kita lihat pada tahun lepas, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengetuai delegasi ke Amerika dan juga ke French, ke Eropah itu pada 2019 sebelum berlaku COVID dan lawatan Yang Amat Ketua Menteri pertama ialah melawat industri-industri yang sedia ada di Pulau Pinang. Kita kena pelihara menjaga orang kata kita *customer* kita yang sedia ada ini. Itu dan juga ke Eropah, ke Paris, dan setakat ini itulah yang saya sebutkan tadi menampakkan tahun lepas dan

tahun ini pelaburan-pelaburan baru dan juga apa *reinvestment* daripada pelabur-pelabur daripada Europe. Untuk tahun ini, kita ada hanya dapat mengadakan sesi Webinar, dengan kerjasama MIDA, dengan apa ni untuk menarik pelabur ke Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Bismilahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya No 40.

40. Mohon pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan keupayaan belia-belia dalam ekonomi Gig?

(a) Sila nyatakan insentif khusus yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu golongan/pemain ekonomi Gig?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Speaker, saya menjawab soalan Yang Berhormat Permatang Pasir, soalan 40. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang iaitu PYDC telah melaksanakan pelbagai program dan kursus dalam meningkatkan keupayaan belia-belia dalam ekonomi Gig. Antara program dan kursus yang dianjurkan oleh PYDC adalah seperti berikut:

- *Phyton Programming Essentials;*
- *Search Engine Optimization and Mobilegraphy Video;*
- *How to win when Start Small with Limited Resources in e-Marketplace;*
- *LiveNow Kol Livestreaming Training Programme;*
- *How to Start Livestream Successfully and Strategik your Content in e-Marketplace;*
- *How to Create a Winning Social Media Strategy and Lets's Build a Website;*
- Bengkel E-dagang;
- *Industry Revolution 4.0 Awareness Workshop;*
- *Pemeriksaan Belia melalui Ekonomi Digital dan juga Live Streaming King Competition.*

Dalam era digitalisasi ini, PYDC telah melancarkan satu Platform Bakat Digital Belia Pulau Pinang bagi mewujudkan 1,000 orang belia yang mempunyai bakat digital dalam tempoh masa dua (2) tahun. Program ini adalah berobjektif untuk mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan dari segi untuk membangun belia melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi gig. Di negara kita, memang bukan saja negeri Pulau Pinang, dan negara Malaysia juga memerlukan belia-belia yang akan menceburi dalam bidang ekonomi Gig ini.

Platform Bakat Digital ini juga berfungsi sebagai medium bagi memadankan bakat-bakat digital dengan perkhidmatan-perkhidmatan digital yang diperluas oleh para pengusaha dalam negara dan juga luar negara. Melalui platform ini, perkhidmatan juga ditawarkan adalah secara *freelance*, separuh masa atau berdasarkan projek jangka pendek, yang ini sebagai satu *trend* untuk masa sekarang dan kebanyakan belia yang berminat dan menceburi adalah dalam digitalisasi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Antara kekangan kepada pemain-pemain *economy* Gig ini adalah *employment security* sebagai contoh tiadanya EPF SOCSO dan sebagainya. Kita seketika mana memerintah di Putrajaya selama 22 bulan. Saya percaya Air Putih telah membuat satu anjakan yang begitu baik kepada rakyat, di mana dibuat pindaan kepada EPF

untuk membolehkan pekerja gaji harian mencarum dalam EPF dan ini telah kita sambut dengan memastikan nelayan-nelayan di bawah LKIM juga mendapat manfaat yang sama.

Jadi soalan saya, adakah Kerajaan Negeri ada apa-apa perancangan atau inisiatif memastikan pemain-pemain ekonomi Gig ini juga terlibat ataupun diberi maklum tentang manfaat ini iaitu caruman gaji harian? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih. Soalan tambahan daripada Permatang Pasir. Memang dari segi ekonomi Gig ini, talian-talian ini yang juga perkhidmatan-perkhidmatan itu, dan golongan belia yang melibatkan buat sementara waktu dari segi PYDC telah sediakan platform ini, dan kita juga membuat satu titik permulaan iaitu menandatangani perjanjian persefahaman MOU dengan *big* bank untuk melibatkan dan juga memberikan pandangan industri, dan juga peluang pekerja yang disasar kepada belia dan saya rasa pada masa akan datang, kita juga akanlah membukakan platform-platform ini, supaya belia-belia itu dapatlah menceburi dan juga bidang tersebut atau pembangunan belia.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, Dato' Speaker. Bagan Jermal. Tadi kita juga ada sebut tentang insentif dan apa, apa yang boleh kita bantu untuk meningkatkan keupayaan. Semalam dalam pergulungan, saya pun ada tanya tentang undang-undang untuk melindungi pekerja-pekerja Gig ekonomi ini dan saya dapati saya sudah semak dengan parlimen dan memang MP-MP lah, memang Kerajaan yang baru ini tidak merancang untuk menggubal undang-undang untuk pekerja-pekerja Gig ekonomi ini, disebabkan oleh pertukaran Kerajaan.

Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menggubal undang-undang untuk Negeri Pulau Pinang? Memandangkan pekerja-pekerja gig ekonomi ini juga banyak terdapat di Pulau Pinang. Bolehkah *Penang Leads* untuk menggubal undang-undang khas untuk melindungi pekerja-pekerja gig ekonomi ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan daripada Machang Bubuk. Soalan ini, isu ini saya akan bincang lebih lanjut dengan Dato' PUU daripada kepada undang-undang Negeri Pulau Pinang ini, supaya kita duduk bersama untuk merangkakan satu undang-undang untuk memberi perlindungan kepada golongan belia yang melibatkan bisnes gig, ekonomi gig ini.

Walaupun Kerajaan Persekutuan masih belum bersedia, mungkin mereka masih belum bersedia. Tapi, *I think Penang we can lead it. And I discuss this with the Dato' PUU...(dengan izin), Dato' Speaker, thank you.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan yang seterusnya, Sungai Acheh saya persilakan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya, nombor 41.

41. Berapakah jumlah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengenai isu premis judi di Pulau Pinang?
 - (a) Sila nyatakan jumlah premis yang masih aktif beroperasi mengikut daerah sejak tahun 2016 hingga sekarang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih, Dato' Speaker dan rakan saya daripada Sungai Aceh atas soalan berkenaan jumlah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Polis DiRaja Malaysia berkenaan isu premis judi di Pulau Pinang. Saya ringkaskan Dato' Speaker.

PDRM ataupun Polis DiRaja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang, telahpun melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap premis judi di Negeri Pulau Pinang, di mana sejak tahun 2016 sehingga Ogos 2020. Ada saya telahpun nyatakan di dalam jawapan, tapi saya cuba ringkaskan. Kita ada serbuan yang telahpun dibuat. 2016 (1,648), 2017 (1,631), 2018 (1,265), 2019 (1,319) dan 2020 (621). Itu adalah serbuan Dato' Speaker. Berkenaan tangkapan yang dibuat ialah, 2016 (2,127), 2017 (2,084), 2018 (1,837), 2019 (1,793) dan 2020 (1,042).

Dato' Speaker. Mengikut rekod, kita ada 87 premis judi berlesen aktif dan kita tiada premis judi tanpa berlesen dalam negeri. Jumlah premis judi yang aktif dan beroperasi, mengikut daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2016 adalah seperti berikut iaitu di SPU kita ada 19 berlesen, SPT 33 berlesen, SPS 9 berlesen, DTL 18 berlesen dan DBD 8 berlesen. Sekian, Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih pada jawapan daripada Datok Keramat. Cuma saya juga ucap terima kasih kepada PDRM yang baru-baru ini juga telah buat satu penangkapan yang besar di SPS, kes judi *online*. Cuma soalan kat sini, berapakah jumlah apa nama premis ataupun kawasan-kawasan yang telah dilaporkan sama ada pada peringkat Majlis ataupun PDRM yang diambil tindakan yang berselindung di sebalik operasi kedai-kedai lain?

Maksudnya, dia buka kedai makan ataupun kedai runcit, tetapi dia membuat orang kata apa, jualan nombor ataupun apa nama judi *online* secara haram, berselindung disebalik perniagaan lain. Jadi, kalau ada rekod boleh kita *share* di sini. Dan kalau ada, apakah tindakan di pihak Majlis kepada premis tersebut yang lebih tegas?

Makna kata, sebab ada yang dibuat tangkapan oleh PDRM, sama ada di kedai runcit ka, ataupun kedai kopi yang apa nama membuat judi haram ini, tetapi lepas tu dia beroperasi balik. Dan orang sekitar tu tau, tetapi penguatkuasa mungkin lebih ketat kita perlu ambil, mungkin penglibatan PBT sendiri supaya tindakan tegas boleh diambil di bawah peraturan ataupun apa nama kuasa-kuasa PBT sama ada apa-apa sahajalah, tindakan yang lebih tegas pada premis-premis ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih sahabat saya daripada Sungai Aceh. *Thank you very much*. Sememangnya ingin saya nyatakan daripada permulaan, bahawasanya kita tidak akan kompromi di dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana premis yang menjalankan aktiviti judi secara haram, kerana peringkat kita lihat sekarang, apabila kita ada perbincangan Dato' Speaker, *when we have discussion the conversation is* ia adalah satu perkara yang membawa gejala sosial yang tidak boleh kita terima.

Ingin saya nyatakan, untuk rekod pada semua rakan saya di sini, dan di sana juga. *So, please don't get us wrong*. Kita sedang ambil tindakan. *I have given tadi of cause the numbers*. Tetapi *I think* Sungai Aceh, *I like your question because there are many places premise* yang

berselindung. *I like that word*lah. Mereka menjalankan aktiviti tersebut, tetapi secara berselindung.

That's means they use a cover lah, it's a cover, it's a cover that's what I think you are saying. And it's correct. It's a front, ya. Yes. So, correct Dato YAB. CM. *So, we know. We know that is happening, but we will continue.* Kita akan teruskan dengan aktiviti pemantauan untuk lihat, dan saya seru kepada rakyat Pulau Pinang kerana sebagai ahli keluarga, sebagai ibu, sebagai bapa, kita tidak mau kita punya kanak-kanak terjerumus dalam gejala sosial sebegini.

You are our ears, and you are our eyes. Kalau ada aduan, maklum pada kita. *Then I will definitely* arahkan, dan kerahkan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan yang bersepadu dengan Polis DiRaja Malaysia, untuk ambil tindakan.

For information there two things, I want to clarified here. Untuk tindakan terhadap premis judi yang tidak berlesen itu adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia, kerana lesen dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. *For your information, number one. Number two,* Pihak Berkuasa Tempatan boleh ambil tindakan, kerana mereka membenarkan ataupun memberikan lesen untuk premis. *So, there's a two prong way can look at it. And that's why there is action* bersepadulah antara kedua-dua PBT dan juga PDRM. *But, thank you very much* pada sahabat karib saya daripada Sungai Acheh. *Very good question.* Kita bekerjasama untuk atasi masalah ini. Sekian, terima kasih. *Thank you very much.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 43. 42.

42. Apakah tindakan yang diambil untuk membantu nelayan, petani dan penternak yang terkesan akibat pandemic COVID-19?

(a) Nyatakan peratusan dan langkah-langkah yang telah diambil.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat. Yang Berhormat Penanti. Sila jawab. Kalau ada bahagian yang telahpun jawab, dalam waktu sesi Yang Berhormat dalam Penggugungan boleh saya benarkan untuk ringkaskan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ini id 674 ke?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan 42.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Oh, 42. Okey. Jawapannya ialah, Kerajaan sedia maklum akan kesan pandemik COVID-19 terhadap nelayan, petani dan penternak apabila Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan bermula bulan Mac 2020. Tindakan yang telah diambil untuk membantu nelayan ialah, Kerajaan Negeri telah melancarkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang Fasa 1, 2 dan 2.1 dengan memberi bantuan kepada penduduk negeri termasuk nelayan, petani dan penternak bagi memastikan kebajikan golongan tersebut, sentiasa terjaga sepanjang PKP dan selepas PKP.

Antara langkah-langkah yang telah diambil, dan peratusan penerima bantuan di bawah sektor ini adalah;

Satu melalui Pakej Bantuan Rakyat 2.0. Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan wang tunai sebanyak RM400.00 kepada 3,998 nelayan pesisir pantai (Zon A), dan bantuan kotak insulasi kepada 250 nelayan darat dan sungai dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.644 juta.

Dianggarkan sebanyak 5,814 nelayan pantai (Zon A), yang merangkumi nelayan yang berlesen dan tidak berlesen layak menerima bantuan tersebut.

Walau bagaimanapun, hanya 98.8% daripada anggaran asal tersebut telah menerima bantuan secara EFT ataupun dimasukkan dalam bank akaun, dan yang hadir serahan tangan melalui dua program penyerahan bantuan yang dijalankan serentak di bahagian Pulau dan Seberang iaitu sebelum raya dan selepas raya. Manakala, bagi bantuan kotak insulasi, 100% nelayan darat dan sungai yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan telah menerima bantuan iaitu *actually* 270 orang.

Menurut Jabatan Perikanan Pulau Pinang, antara bantuan yang telah dilaksanakan di bawah Pakej Bantuan Rakyat 2.0, adalah bantuan sebanyak RM180.00 dalam bentuk penyerahan kotak insulasi kepada nelayan yang berkelayakan. Selain itu, kerajaan telah menyalurkan bantuan yang RM400.00. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200,147.00 dengan tujuan untuk menjaga kebajikan penternak tradisional yang berkelayakan.

Untuk petani, Jabatan Pertanian Negeri telah menyediakan bantuan dalam bentuk input pertanian dengan kadar RM400.00 per petani yang berdaftar dengan pihak jabatan. Kaedah penyaluran bantuan, adalah bersifat bersasar kepada kumpulan petani yang mengusahakan tanaman buah-buahan tidak bermusim, sayur-sayuran, kontan dan tanaman industri seramai 1,142 penerima berbanding 6,637 petani bagi semua komoditi dan 462 usahawan Industri Asas Tani.

Mengikut Daerah SPU, penerima bantuan RM400.00 dalam bentuk input pertanian, adalah sebanyak seramai 228 orang petani. SPT, 205 petani. SPS, 198 petani. Barat Daya, 464 petani. Timur Laut, 47. Keseluruhannya 1,142.

Di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.1, kerajaan telah memberi bantuan berbentuk input pertanian kepada semua petani berdaftar dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM456,800.00. Insentif ini adalah merupakan tambahan kepada insentif sedia ada, di bawah program dan projek pembangunan pertanian tahunan Jabatan Pertanian Negeri. Penyerahan bantuan ini masih berjalan, dan dilaksanakan secara berperingat oleh Jabatan Pertanian Negeri.

Di samping itu, Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang turut memberi peluang kepada golongan petani, penternak dan nelayan yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan menjalankan Industri Kecil dan Sederhana menerusi bantuan iaitu Skim Pinjaman Tanpa Faedah, Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (Skim Peka PKS) kepada perusahaan Industri Kecil dan Sederhana, RM30 juta telah diberi.

Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman di bawah Tabung Usahawan Tani selama tiga (3) bulan. Ketiga, kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ataupun NCER, melalui Program PENJANA NCER Jom Niaga iaitu program *fast track* yang bertujuan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan melalui keusahawanan bagi golongan sasaran dalam tempoh tiga (3) bulan, selepas menjalani latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan di dalam Industri Kecil dan Sederhana ataupun industri kecil, perusahaan ataupun industri.

Untuk penternak, Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 sejumlah 988 orang penternak ruminan, unggas dan babi berskala kecil di Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan Jabatan Veterinar Pulau Pinang, telah menerima manfaat dalam bentuk makanan ternakan dan makanan tambahan ternakan yang bernilai RM200,000.00. Bantuan ini dilihat dapat menampung bebanan kos makanan ternakan bagi para penternak. Bantuan ini telah disalurkan kepada 100% daripada keseluruhan penternak ruminan, unggas dan babi berskala kecil di Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Veterinar juga telah menanggungkan pelaksanaan kadar *charge* bayaran Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) bagi tujuan pemindahan ternakan ruminan dan babi yang bermula pada 1 April kepada 1 Ogos 2020. Pelaksanaan penangguhan ini dianggarkan telah dimanfaatkan 100% oleh sejumlah 1,151 orang penternak ataupun pengusaha ternakan ruminan dan babi di Negeri Pulau Pinang dengan anggaran implikasi kewangan sebanyak RM284,355.00.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Terima kasih, saya ingin persilakan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 43.

43. Apakah rancangan penuh Kerajaan Pulau Pinang untuk projek Gurney Wharf dan apakah *timeline* persiapan penuh kemudahan-kemudahan awam projek itu supaya rakyat boleh menikmatinya?

Ahli Kawasan Dato Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih kepada rakan saya daripada Pulau Tikus yang menanya satu soalan berkenaan, "Apakah status projek Gurney Wharf dan *timeline* persiapan yang mempunyai pelbagai kemudahan dan sebagainya". *Very, very important question, I think everybody would like to know.*

Untuk makluman Dato' Speaker, kawasan tambak berhampiran Bulatan Gurney Drive, Seri Tanjung Pinang 2 ataupun STP2 telah dikenal pasti sebagai Pembangunan Projek Gurney Wharf. *In fact*, dikenal pasti dan diberi nama itu oleh mantan Ketua Menteri rakan saya daripada Air Putih. Dan untuk makluman semua kita ada *in fact everybody can see*, secara fizikal sememangnya telahpun dibangun penambakkan tersebut. Dan kita *committed* Dato' Speaker untuk menyediakan satu kawasan hijau dan lapang bagi tujuan rekreasi dan serta riadah untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang. Dan projek pembangunan projek Gurney Wharf ini kita dijangka akan menjadi satu ikonik kawasan awan di dalam bandar di hadapan laut iaitu di kawasan Gurney Drive yang asal dan Kerajaan Negeri kita telahpun ada beberapa komponen yang kita telahpun dikenal pasti di mana adalah seperti berikut, Dato' Speaker:

- (a) Penyediaan kawasan *promenade* untuk pejalan kaki;
- (b) Penyediaan kawasan permainan, *skate park*;
- (c) Penyediaan kioks, tandas awam, kedai serbaneka dan *viewing deck*;
- (d) Penyediaan kawasan permainan kanak-kanak;
- (e) Seterusnya penyediaan sistem perparitan dan saliran yang perlu dibuat; *Of course*,
- (f) kita juga ada hasrat untuk menyediakan *wetlands* di kawasan tersebut; *Of course*
- (g) kita *akan ada* seperti mana saya nyatakan *foothpath* untuk orang ramai *and without,.. with a without needing to be said of course* kerana kita ada ramai orang awan akan datang kita juga akan sediakan tempat letak kereta untuk mereka; *and of course*
- (h) menurut SDG kita juga akan pastikan ada penyediaan tangga dan laluan *ramp* untuk Orang-orang Kurang Upaya, Dato' Speaker; *and* kita akan *of course*
- (i) kita akan menyediakan *turfing* di keseluruhan kawasan termasuk *paved road* yang di juga rancang tetapi tidak akan dilaksanakan di peringkat ini tetapi sementara itu kita akan *turfkan* sementara *Paired Road* tersebut; *and of course* ada
- (j) *facility like* tanda awam dan sebagainya.

Kita dalam perancangan projek Gurney Wharf ini telah melihat setelah sekali lagi, *every answer I see I have to mention pandemic* dan era COVID-19 yang kita hadapi. Bagaimana kita boleh jadikan dia *COVID-19 proof*. *That is what we have to look at now and every aspect of planning* Dato' Speaker. *So we have look at that because it was in the stage of actually I was hoping by the end of this year but let me be very frank everything has been* tergendala *and things looks like its not getting any better*. *So, definitely end of the year may be not but we hope by next year. We have also included* beberapa perkara baru, komponen baru dalam fasiliti ini iaitu:

- (i) Kita nak naik taraf *hawker centre* dan *food & beverage area* yang sekarang berada di bulatan Gurney Drive yang terkenal tu. Kita hendak jadikan ia lebih baik untuk peniaga dan juga untuk pengunjung;
- (ii) Juga di kawasan yang kita sudah rancang itu. Kita akan ada *retail area* yang *of course I always say* mesti mampu milik la. Saya tak mau itu *high end* punya kerana kita hendak semua orang dapat menikmati satu kawasan tersebut; *and*
- (iii) *of course* perancangan kita juga termasuk teksi air di mana kita akan ada satu jeti untuk penyediaan perancangan teksi air tersebut di kawasan tersebut, Dato' Speaker.

So, that are few things that has been added on. Walau bagaimanapun kita perlu melihat bagaimana kita boleh teruskan dengan projek ini walaupun ada telah tergendala, Dato Speaker, sebenarnya *like I said that was the timeline but unfortunately with everything else, timeline* itu tak boleh kita patuhi *but we are monitoring very closely.*

Untuk makluman Dato' Speaker dan rakan saya, di peringkat ini kita telahpun melantik Tanjung Pinang Development Sdn.Bhd. sebagai *project management office* untuk projek ini kerana mereka telahpun melakukan penambahkan untuk STP 1 dan sekarang STP 2. *So* mereka ada *manpower on the ground.* Tetapi kita akan pastikan pelantikan semua kontraktor yang perlu melaksanakan kerja-kerja komponen yang saya nyatakan tadi itu dibuat secara tender terbuka dan itu sedang berlaku di mana kita dalam sekarang proses penilaian dan pelantikan *consultant,* Dato' Speaker, dan kita harap ini dapat juga diselesaikan dengan tercepat mungkin *but everything is delayed now due to COVID-19.*

Dan Dato' Speaker, *I think hopefully* kalau saya boleh nyatakan satu garis masa kerana itu soalan pokok daripada rakan saya daripada Pulau Tikus. *We want to expedite this project. Let me make it very clear,* Dato' Speaker. *This project is the project is for the people of Penang.* Apabila saya mulakan projek ini, apabila kita mulakan projek ini saya diarahkan, saya diarahkan untuk ambil satu *survey* daripada orang ramai sama ada mereka setuju atau tidak. Dan memandangkan projek ini adalah satu projek untuk membekalkan kemudahan awam *that is the bottom line,* ingin saya nyatakan dalam *survey* yang saya lakukan itu lebih daripada 95% setuju dengan projek Gurney Wharf. Bukan saja itu, sehingga sekarang *but they understand.* Tanya soalan bila akan siap? Memang ini satu projek untuk rakyat Pulau Pinang dan kita akan teruskan. Kalau minta garis masa Dato' Speaker, kita harap, kita harap sekarang pembinaan komponen akan bermula awal tahun depan 2021, Dato' Speaker *and we are estimating* ia dapat disiapkan dalam tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun. Ada banyak komponen saya nyatakan Dato' Speaker, *won't be overnight all but maybe in the first year we can see some of the component ready to be use and enjoy by the people of Penang.* Sekian, terima kasih. *Thank you very much.*

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Tambahan boleh? Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Keramat kerana memberi penjelasan itu. Saya nak menanya soalan, adakah Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa kawasan-kawasan hijau yang telah dirancang akan dikekalkan? Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kawasan hijau? Adakah kawasan hijau akan dikekalkan?

Ahli Kawasan Dato Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I couldn't hear the question.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Okey, okey. Yang Berhormat Datuk Keramat saya *just* nak mendapat *assurance* la daripada Kerajaan Negeri kerana kita projek Gurney Wharf ini juga ada kawasan-kawasan hijau, *just* nak dapat *assurance* untuk kawasan-kawasan tersebut lah dalam rancangan Gurney Wharf.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya..ya. Memang, sememangnya saya nyatakan tadi Gurney Wharf adalah satu kawasan di mana hampir 40 lebih ekar adalah kepunyaan Kerajaan yang akan diberikan kepada rakyat, di mana kita ada pelbagai komponen yang saya nyatakan dan saya tak mau ulangi, tetapi semua komponen itu mempunyai unsur hijau kerana visi Pulau Pinang, matlamat pertama perkataan yang pertama ialah visi Pulau Pinang kita adalah, untuk menjadi satu negeri hijau yang pintar, berfokuskan keluarga yang akan memberangsangkan keseluruhan Malaysia, dan Gurney Wharf ini adalah bukti bahawa semua itu akan berlaku. Kita ada unsur hijau, unsur pintar dan berfokuskan keluarga. Saya akan jemput rakan dari Pulau Tikus dan seluruh keluarga kita pergi turun apabila padang itu siap. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Terima kasih. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 44.

44. Sila senaraikan semua kerja kontrak atau projek yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri secara rundingan terus daripada 2008-2020.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *Request For Proposal* (RFP)? Jelaskan.
 - (b) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan secara RFP oleh Kerajaan Negeri /agensi dari 2008-2020.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Sungai Dua, berhubung dengan isu RFP, *Request For Proposal*. Untuk maklumat dewan yang mulia ini, jumlah kontrak kerja ataupun projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kaedah rundingan terus dari tahun 2008 hingga 2020 adalah sebanyak 21 dengan nilai perolehan keseluruhannya berjumlah RM7.93 juta.

Senarai kerja atau projek ini akan diberikan kepada Yang Berhormat dan berhubung dengan *Request For Proposal*, ianya adalah salah satu kaedah perolehan kerajaan yang boleh dilaksanakan oleh jabatan atau agensi bagi mencari penyelesaian atau *solution* yang paling tepat mengikut keperluan sesuatu projek.

Untuk melaksanakan RFP, jabatan atau agensi perlu jelas dengan matlamat, visi dan fungsi projek yang hendak dilaksanakan bagi membantu syarikat menyediakan cadangan-cadangan penyelesaian mereka. RFP diuruskan secara tender terbuka, hendaklah mematuhi peraturan tender seperti yang ditetapkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1, iaitu Kaedah Perolehan Kerajaan dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 4/2019, menerima pakai keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jabatan atau agensi juga hendak mengambil perhatian berkaitan syarat-syarat apabila melaksanakan perolehan melalui RFP.

Jumlah projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara RFP bagi tahun 2008 hingga 2020 adalah sebanyak 77. Senarai akan juga akan diberikan kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan, pada satu ketika RFP dipertikaikan. Mengapa Kerajaan Negeri menggunakan kaedah RFP dan mungkin Yang Berhormat pun ada meneliti isu ni dibangkitkan oleh wakil NGO. Dan pada hari ini saya mendapati RFP memang satu kaedah yang digunakan di seluruh dunia termasuk Malaysia dan bukan sekadar Pulau Pinang sahaja. Kalau meneliti '*cincai-cincai*' la, meneliti iklan di surat khabar la. Kita dapati banyak iklan untuk RFP, contohnya;

- (i) Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, *Request for Proposal*;
- (ii) Bank Negara Malaysia, *Request for Proposal*;

(iii) Ini semua surat khabar satu bulan ini, bukan,...

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Bukan yang lama.

YAB. Ketua Menteri:

Bukan yang lama, Prasarana dipimpin oleh pemimpin UMNO, tadi dipimpin oleh MCA. Suruhanjaya Pelabuhan - RFP, Kerajaan Negeri Selangor - RFP, Malaysian Digital Economy Cooperation, MDEC, Sebuah Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan, Malaysia Development Bank, satu institusi perbankan Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, banyak projek pembangunan rumah kos rendah menjemput pihak swasta untuk kemukakan RFP untuk membangunkan tanah-tanah Kerajaan Negeri. Dalam satu iklan pun sudah ada sepuluh projek. Lagi banyak..MDEC lagi. Bukan sekadar di Malaysia, saya ada contoh World Health Organization juga ada RFP, World Bank ada RFP dan United Nation ada RFP.

Jadi, ini membuktikan RFP adalah satu kaedah yang boleh membantu pihak Kerajaan Negeri menarik idea yang paling bagus untuk projek yang paling bagus memenuhi matlamat yang ditetapkan oleh pihak yang memanggil dan mencapai pulangan atau kos yang paling mampan, *feasible* dan boleh dilaksanakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu soalan saya bagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey. Dalam RFP saya rasa kita akan mengutarakan semua keperluan dan juga speks-speks yang diperlukan. Jadi, bila kita utarakan speks selalunya kita bagi kepada syarikat yang kita nak pilihlah. Bila kita buat sedemikian, dia boleh kita anggap mungkin sebagai Rundingan Terus secara tidak langsung. Ini yang kita gusarkan dan apakah, boleh kita anggap RFP ini sebagai satu Rundingan Terus secara tidak langsung untuk kita memilih syarikat yang telah dipersetujui? Dan apakah beza RFP dengan tender terbuka? Dan apa pula persamaannya yang ada.

YAB. Ketua Menteri:

Sebenarnya RFP adalah satu jenis tender terbuka. Ini terbukti dengan iklan menjemput semua untuk kemukakan RFP. Jadi, RFP adalah satu jenis *open tender*. Siapa yang memenuhi perkara yang ditetapkan, misalnya ringkasan eksekutif mengenai pendekatan pelaksanaan projek, proses pelaksanaan projek-projek *milestone*, cadangan skop projek, makluman korporat syarikat berkenaan kepakaran, keupayaan, tenaga kerja syarikat, pengalaman syarikat dalam bidang berkaitan, cadangan prosedur menangani risiko seperti kelewatan projek, isu-isu pelaksanaan, risiko kewangan, *architecture* kewangan dan sebagainya perlu dimasukkan dalam RFP dengan cadangan-cadangan syarikat itu sendiri yang mereka lihat dapat memenuhi kehendak-kehendak itu.

Orang yang panggil RFP itu tidak akan menetap syarat seperti *tender*. Dia tidak akan meletakkan spesifikasi secara khusus, tetapi secara umum atau am sahaja. Berbanding dengan Rundingan Terus, ada perbandingan. Rundingan Terus itu bukan tender terbuka. Atas isu-isu atau keperluan semasa atau dalam satu krisis, projek itu perlu dilaksanakan. Jambatan runtuh tak akan ada satu *open tender* untuk membaiki jambatan itu misalnya. Jadi, itu Rundingan Terus pun dengan panel-panel kontraktor yang ada dengan jabatan. Itu satu contoh Rundingan Terus bukan satu jenis tender terbuka. Tetapi RFP, satu jenis tender terbuka.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soalan lisan pun telah tamat. Selaras dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, maka Ahli-ahli Yang Berhormat, kita beredar ke sesi, sebelum ke sesi penggulungan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Yang Berhormat Speaker, saya ada sedikit soalan sebelum penggulungan bermula. Cuma saya perhati Yang Berhormat Pantai Jerejak daripada hari kedua sampai ke hari ini tak hadir. Jadi, adakah dia maklum pada Yang di-Pertua ketidakhadiran itu?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Setakat ini, saya tidak dimaklumkan tetapi secara lazimnya kemungkinan nanti Yang Berhormat akan sampai ke Dewan pada masa-masa yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, Peraturan 6B Peraturan Dewan, "Dewan dengan tidak menyentuh perjalanan Perkara 17 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, seseorang ahli itu hendaklah memberitahu Setiausaha dengan seberapa segeranya jika ia tidak dapat menghadiri sesuatu Mesyuarat Dewan".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya faham.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya anggap ini suatu penghinaan kepada Dewan sebab ada Ahli Dewan yang nak duduk dalam Dewan ini dikemukakan usul untuk kosongkan kerusi, dah ada kerusi tak nak duduk dalam Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey lah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya ingat ini tidak menghormati Dewan, Yang Berhormat...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Yang Berhormat Seberang Jaya duduk. Saya tau. Saya akan bagi jawapan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua pun dah maklum kata bahawa dia tidak memaklumkan. / *mean this is clear.*(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Setakat ini ..mana tau nanti dia datang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

"Seberapa segera"....(gangguan). *We have a*, kita ada peraturan. Ini dah masuk 3 hari, sebab saya duduk sebelah, saya *concern* dia kena(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Oh sebab *concern*....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dia kena kuarantin dekat rumah ke, kita tak tahu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Yang Berhormat..tak sebab soalan ini saya bangkitkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dan bila kita tanya dengan Dato' Speaker pun, Dato' Speaker tak tahu. Tak Yang Berhormat Air Putih, kita *concern* kita duduk daripada hari pertama sampai sekarang....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Oh, pandai....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Tak, saya tak tau sama ada mungkin...(gangguan) rakyat di Pantai Jerejak tak ada isu kot nak dibangkitkan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ahli Dewan yang prihatin kepada Dewan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Perbahasan pun tak masuk....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah bergejalakah?...(gangguan). Boleh PKPD kenakan kepada semua....(gangguan), Duduk..duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Dato' Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukuplah.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Ini Pantai Jerejak pun tak boleh datang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Akan kesejahteraan semua Ahli Dewan..ini sangkaan jahat, tarik baliklah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk....(gangguan). Yang Berhormat Seberang Jaya, cukup.

YAB. Ketua Menteri:

Peraturan 4A..

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya sudah faham maksud. Sudahlah. Ini bukan...(gangguan), saya tau. Terima kasih....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Baca peraturan Dewan sampai habis....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Duduklah, hormat Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah, sudah. Yang lain duduk. Yang Berhormat Seberang Jaya, cukup. Cukup, cukup. Saya tau. Duduk, duduk. Perkara ini cukup jelas. Duduk, duduk Yang Berhormat Seberang Jaya, nak kosongkan? / *will* kosongkan.

(Gangguan oleh semua Ahli Dewan, mikrophone dimatikan oleh Yang di-Pertua Dewan)

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Peraturan, peraturan. Dia mesti membaca peraturan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah baca.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Baca tak habis, ada lagi peraturan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini Yang Berhormat Perai pun nak jadi Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Speaker dah minta duduk, duduk. Hormatilah Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Seberang Jaya, sudah. Duduk. Peraturan mesyuarat sudah dibaca dan saya pun bagi penjelasan. Kalau mengikut peraturan mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak diwajibkan semestinya mesti hadir ke Dewan Persidangan. Cumanya kalau mengikut peraturan, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ingin mohon cuti ataupun tidak hadir, secepat mungkin dengan segera maklum kepada Setiausaha Dewan. Itu sahaja. Dan untuk soalan yang ditujukan saya tak tau nanti mungkin Yang Berhormat Pantai Jerejak akan hadir.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Kesian la penduduk Pantai Jerejak. Kalau tak ada pun usul, boleh la saya bangkitkan usul Yang Berhormat Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita tak tahu Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Seberang Jaya.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya kira mereka takut kerajaan mereka akan jatuh. Itu saja...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Kita minta pengesahan kehadiran. Yang Berhormat *concern* kehadiran....(gangguan).

(Gangguan oleh semua Ahli Dewan, mikrophone dimatikan oleh Yang di-Pertua Dewan)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Peraturan..Peraturan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tau apa niat *you all* nak bangkitkan isu ini. Saya sudah bagi masa 5 minit lebih untuk bincang...(gangguan), mahu macam mana lagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Peraturan..Peraturan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Dia takut kerajaan dia. Kerajaan PN akan jatuh dah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berdiri lagi aku..bukan aku.. (**Ahli Dewan ketawa**). Speaker kosongkan. Sudah, *no no no*. Minta maaf sudah. Yang Berhormat Perai pun sudah....(gangguan). Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk yang seterusnya.

YAB. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan-jawapan kepada soalan lisan akan diletakkan dalam meja Ahli Yang Berhormat yang bertanya dan mengikut Peraturan 6A 1 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, saya mohon supaya masa persidangan hari ini dilanjut sehingga jam 6.30 petang dan sebelum disokong, saya berharap Yang Berhormat Seberang Jaya faham tentang peraturan ini.

Seperti dijelaskan oleh Dato' Yang di-Pertua, "*if a members of the legislative assembly is without leave of the assembly, absent from every seating there of period of six (6) months than the seat may declare...the assembly may declare his seat vacant*". Selagi seorang hadir dalam satu *seating* untuk satu minit pun, dia sudah mematuhi syarat ini.

Tak perlu setiap hari dia tak hadir, maklumkan kepada Yang di-Pertua atau Setiausaha Dewan. Kalau dalam satu sesi misalnya, Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga ahli itu tidak dapat hadir sepanjang mesyuarat ini, wajib dia mendapat, wajib dia maklumkan kepada Dato' Yang di-Pertua untuk diberi cuti. Tetapi, sekiranya dia dapat hadir satu minit pun dalam mana-mana hari sepanjang sesi itu, cukuplah. Tak semestinya *everyday he can't come, Dato' Speaker I cannot come, can I get leave from you?* Tak perlulah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Saya..penjelasan lagi....(gangguan). Tak, tak. Saya setuju. Cuma saya bercakap kesian kat penduduk Pantai Jerejak.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah, sudah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Maksudnya Yang Berhormat setuju...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Kesian kat penduduk Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ahli Dewan yang dipilih oleh rakyat datang berbahas di sini, bincang pasal hal rakyat, tak apa datang seminit saja. Kita hanya ada Dewan ini 2 kali saja setahun. Tahun ini, ni *the first time* kita dapat bahas. Perbahasan tak terlibat, apa tak terlibat, seronok makan gaji buta macam ni.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No no no. Yang Berhormat Seberang Jaya duduk.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Dato' Yang di-Pertua, peraturan Dato' Yang di-Pertua....(gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Tarik balik. Gaji buta....(gangguan), Sangkaan jahat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang sangkaan yang tidak betul itu harap Yang Berhormat Seberang Jaya jangan sesekali melemparkan kepada Yang Berhormat yang lain. Nanti sehari nanti Yang Berhormat akan juga akan ambil cuti. Nanti pula orang lain yang akan katakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ini bukan soal ambil cuti....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Peraturan Mesyuarat 13A, menuduh seorang ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat Pulau Tikus, apa *you* tak panggil saya daripada hari pertama. Ada Speaker *reprimand*? Tak ada?....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Sekarang saya minta tarik balik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Yang Berhormat Seberang Jaya. Yang Berhormat Seberang Jaya. Tadi nyatakan waktu di sini penting, jangan bazir dengan cakap macam ini. Duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bukan bazir....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya nak bahas sekarang. Saya nak bahas untuk rakyat boleh atau tidak..duduk..(gangguan) *you're wasting everybody's time. Sit down now....(gangguan).*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Datok Keramat. Duduk. *I will control the floor.* Sudah. Sudah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I want to get on with.. (gangguan), wasting the time.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah. Saya sudah kata sudah, cukup. Sudah. Satu perkara yang kecil saja. Kalau *you all* nak panas, akan jadi panas. Sudah bergejala seperti yang saya sebut tempoh hari. Oleh yang demikian, sesi belum lagi saya uruskan usul.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Dato' Speaker, Yang Berhormat Seberang Jaya belum tarik balik lagi. Belum tarik....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Oleh yang demikian, sesi....(gangguan). Hai, belum lagi saya uruskan usul. Saya telah beri amaran. Itu sangkaan yang tidak perlu dilemparkan kepada sesuatu Yang Berhormat. Okey. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah pun kemukakan usul untuk bawah Peraturan 6A(1) supaya melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 16 Oktober 2020 hari Jumaat dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Sebelum itu saya sokong dulu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tidak minta sokong. Sokongan usul. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju atas usul ini katakan “Ya”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak setuju atas usul ini, katakan “Tidak”. Usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat, telahpun kita masuk ke sesi penggulungan untuk hari ini dan sekali lagi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi penggulungan, peruntukan masa masih sama 40 minit untuk membuat penggulungan. Memandang seterusnya rakan-rakan EXCO yang berpengalaman, saya rasa mereka boleh mencontohi mereka yang membuat penggulungan semalam. Dipersilakan Yang Berhormat. Okey. Datok Keramat untuk membuat penggulungan. Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada Dato' Speaker dan terima kasih kepada semua rakan saya di Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Ingin saya sebelum mula perbahasan saya yang telahpun digendalakan kerana kekecohan tadi, yang dibuat secara ada niat yang tertentu. Teringat semua di situ mungkin mereka takut kerusi mereka akan kosong satu hari. (*Ahli Dewan menepuk meja*). Kita ada usul untuk kosongkan kerusi itu yang kita tidak *abandoned* yang akan diteruskan pada waktu yang sesuai kerana kita kerajaan prihatin. Kalau kita hendak adakan usul itu kita tahu kita akan menang bukan sahaja di *state assembly* tetapi juga di mahkamah satu hari. Mungkin mereka takut. Oleh itu mereka lihat kerusi yang sudah kosong. *Be careful*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

It is no abandoned, we were continue with that motion kerana mandat rakyat kamu tidak hormati. Tidak hormati langsung dan ingin saya nyatakan di sini, bahawa itu adalah pendekatan dan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tidak hormati mandat rakyat. Satu hari nanti, kamu akan terima nasib tetapi sebelum itu, saya hendak nasihat Dato' Speaker, masih ada masa untuk bertaubat. Boleh tak? Taubatlah. Sahabat karib saya semua saya pergi kepada semua kawasan untuk membela nasib rakyat yang undi untuk kamu, untuk projek perumahan untuk projek kerajaan tempatan, betul atau tidak? Siapa yang boleh nafikan. Tidak boleh tapi sebelum masa itu datang, yang akan datang tidak lama lagi, *save by COVID-19 all the four of you*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No, wait.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No, time cannot wait.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Hendak minta taubat. Boleh taubat atau tidak? *Okay let me get on with it.....(gangguan). Sit down, sit down you already wasted time.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Hendak bertaubat atau tidak...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah, nanti dalam perkembangan senario politik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Fikir masak-masak esok.....(gangguan). Sekarang macam Seberang Jaya kata.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Masa sekarang penting untuk bahas untuk rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Teruskan, teruskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, saya. Sila duduk. *Thank you very much.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bangun tidak bagi pula.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No, sometime lah Dato' like you said lah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Come on.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

One small thing can trigger the spark you know.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

You have wasted the time.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You all know my style, so just leave me alone lah...(gangguan). I want do, look at me how many papers...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

You know me also YB. We be sitting next to each other.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup.....(gangguan) masih berdegil-degil. Seberang Jaya....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sit down, sit down. Thank you very much.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey, Dato' Speaker.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Speaker, saya hendak tanya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Sikit saja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

All I will deduct from your time. No compromise also. Saya tidak akan compromise.....(gangguan).

Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II:

One minutes. Dato' Speaker, untuk kebaikan semua di Dewan ini. Kita memang tidak perlu usul. Kita tidak perlu apa-apa cuma ini empat orang ini boleh letak jawatan. Itu suatu prinsip moral tidak payah kita ada usul, tidak payah kita.....(gangguan). Moral.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, kami tidak akan letak jawatan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khalid Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Biarkan benda ini diputuskan oleh mahkamah. Kita bukan hakim, biar mahkamah putuskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Macam mana kami semua berbahas sepanjang empat hari. Kita beri pandangan, kita terima, pandangan Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Datok Keramat pun setuju ada beberapa pandangan kita beri. *This is what our function* untuk berbahas dalam Dewan. Soal rakyat, soal rakyat di luar sana. Soal masalah negeri yang *we are concern*, orang yang *concern* yang peduli pasal negeri you nak kosongkan kerusi. Orang luar Pulau Pinang yang tidak peduli pasal

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya sudah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Negeri, yang tidak datang Dewan you hendak bela.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Datok Keramat, sila bangun dan gulung, yang lain duduk.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang Berhormat Datok Keramat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah! Isu ini sejak hari pertama sudah diperdengar.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan, bukan. Ini cerita lain pula.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cerita lain tidak perlu.....(gangguan). Saya hendak penggulungan dimulakan sekarang yang lain duduk.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Setengah minit saja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk! Kalau tidak, EXCO pun saya keluarkan. Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sekarang memandangkan semua sudah makan masa berapa masa.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila mulakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

40 minute.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

40 minute only yang lain tidak sempat jawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Semua rakan saya tahu biasa dua setengah jam *but anyway I would do what you ask me to do but don't take away....* (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

40 minute because of everybody.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey, terima kasih Dato' Speaker. Saya terus kepada perbahasan. *Nothing personal my friends remember that* semua sahabat karib saya. Itu saja. *At the end of the day we are here to do our work. All right!*

Saya begitu berterima kasih untuk diberikan peluang untuk membahaskan apa yang telahpun dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di dalam Belanjawan yang dinyatakan beliau tempoh hari. Dan ingin saya ambil kesempatan, pada permulaannya, memandangkan kita dalam COVID-19, saya ada tiga (3) portfolio iaitu Kerajaan Tempatan yang terbaru. Hari sebelum itu, kita ada perumahan, juga Perancangan Bandar Dan Desa, ataupun sekarang PlanMalaysia yang adalah begitu mencabar tetapi saya suka cabaran sebegitu. *No problems*, tetapi *because of the new mental I taken on this is Kerajaan Tempatan, Local Government*, saya ingin mula ucapan saya dengan memberi pengiktirafan yang setinggi-tingginya dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua petugas hadapan saya di Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Dan saya harap semua boleh beri satu tepukan kepada mereka kerana mereka *deserved it. I would like to say put that on record for me that is very important I have said that from the beginning and I will continue to said it, of course* yang dekat pada hati saya dan yang penting semua portfolio. Saya mula hari ini apabila saya lihat pada perbincangan ataupun perbahasan yang telah dilakukan kebanyakannya adalah berkenaan perumahan tapi Kerajaan Tempatan ada beberapa perkara isu yang penting. PlanMalaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, saya lihat tidak ada apa, soalan pun yang dinyatakan tetapi dalam perbahasan saya sekiranya ada apa sila nyatakan ataupun *even outside I always open you know, I have a open door policy all my friend from this side and that side. Dato' Speaker, always welcome to come and see me.*

Untuk Kerajaan Tempatan, saya mula sebelum saya habiskan kepada perumahan. Untuk Kerajaan Tempatan, ingin saya nyatakan ada pertanyaan oleh rakan saya daripada Sungai Pinang yang hadir. Berkenaan bagaimana kita boleh bantu taska, tadika dan pusat-pusat jagaan warga emas? Untuk makluman Dato' Speaker, kebetulannya, *in fact* ini adalah satu perbincangan yang sudahpun begitu mendalam kita adakan di peringkat Kerajaan Negeri, di mana saya telah pun

kemukakan kepada EXCO dalam dua (2) atau tiga (3) minggu baru-baru ini. *It's a kebetulan, it's a coincident the timing*, di mana kita telah memuktamadkan satu garis panduan baru untuk memudahkan cara pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan. Di mana kita mempunyai prinsip yang terpenting adalah keselamatan mereka yang duduk *for taska and tadika*. *Of course this kanak-kanak very important also for pusat jagaan warga emas very important*. Keselamatan *is always important*. Kita dapat rungutan bahawasanya proses dan prosedurnya pelbagai agensi terlibat *number one*. So mereka pergi ke sini ke situ dan sebagainya. So kita cuba ada satu garis panduan yang mana ada kesinambungan di antara semua agensi. Nombor satu. Itu telah kita berjaya lakukan. Dan baru-baru ini, kita muktamadkan kita telah muktamadkan garis panduan tersebut.

Dato' Speaker, *for your information, a few numbers*, kita di Pulau Pinang berdasarkan semakan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, kita ada 887 taska, tadika dan pusat jagaan total number is 887. Namun demikian, Dato' Speaker, *for your information, out of that 32% or to be particular specific* khusus ialah 281 buah taska, tadika dan pusat jagaan masih tidak mempunyai pendaftaran. *That means they are not registered*. Kita hendak cuba permudahkan proses untuk mereka di *registered*. *That is the reason why they came forward to us* ada persatuan yang datang dan kita telah pun selesaikan perbincangan. Dan antara lain Dato' Speaker, *can I just be very quick*. kita telah putuskan seperti berikut. Nombor 1, kita akan memberi pengecualian kepada mereka dari segi nombor 1, sumbangan penggantian tempat letak kenderaan. Di mana mereka kalau tidak wujudkan satu tempat letak kenderaan sepertimana disyaratkan oleh PBT, kedua-dua Majlis Bandaraya saya, perlu ada satu bayaran sumbangan *just like any other operator, Speaker, they have to pay certain sum*. *So what happen is, for this particular operators*, kita setuju dapat dikecualikan.

Kerajaan Negeri sedar bahawa kawalan di pelabuhan sahaja tidak memadai, dan untuk mengekang import plastik kitar semula di Negeri Pulau Pinang. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri telah mengusul perkara-perkara kepada KPKT. Pertimbangan dan rayuan supaya Kerajaan Negeri juga diberi peluang untuk memberi ulasan bagi setiap permohonan AP HS Kod 39.15 yang dibawa masuk melalui Pulau Pinang sebelum kelulusan akhir AP tersebut diberikan oleh KPKT kepada pengimport dan pengilang. Surat pengesahan daripada negara asal dan aku janji dari negara pengeksport *import* untuk menerima semula kontena yang tidak mematuhi spesifikasi yang dibenarkan di bawah HS Kod 39.15. Jaminan daripada pengeksport dan pengimport untuk menanggung kos penghantaran pulang kontena plastik semula daripada sumber industri yang kotor dan bukan homogen kepada negara asal. Pengesahan pengimport/pengilang daripada segi pematuhan berikut beroperasi dalam zon industri, beroperasi dalam premis bangunan yang mempunyai kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan, peralatan pengilangan dan kawalan pencemaran yang diluluskan oleh JAS, beroperasi dengan kelulusan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (JKKP), hanya memproses sisa-sisa pra-pengguna (*pre-consumer plastic waste*) sahaja dan bukan *disposal waste*, memproses sisa-sisa plastik kitar semula, dengan nisbah 70% daripada sumber import dan mesti diwajibkan 30% daripada tempatan. Isu yang ke tempatan adalah Program Hari Tanpa Plastik Percuma. *Free plastic bag, no free plastic bag* dan hari tanpa plastik *beg or no plastic bag day*. Ini telah dimulakan pada tahun 2010, dan di sini, kita menghadapi banyak kesulitan iaitu kerana secara kesimpulannya, Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan Kempen Hari Tanpa Plastik Pulau Pinang secara wajib pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu mulai 1 Januari tahun 2021. Dulu kami mula dengan hari Isnin, selepas itu hari Isnin, Selasa, Rabu sebelum tiap-tiap hari, itu tanpa plastik percuma. Dasar baharu adalah hari Isnin, hari Selasa, hari Rabu tidak ada plastik beg. Dan mereka, dan untuk setiap-tiap hari, pada haritu kami caj hanya 20 sen dan mulai 1 haribulan Januari tahun 2021, hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad, hari tanpa plastik percuma. Kita akan minta dan caj RM1.00, RM1.00.

Sehubungan ini, tempoh hampir dua (2) bulan yang berbaki sebelum ketetapan dilaksanakan pada 1 Januari 2021 akan digunakan sebaik mungkin sebagai persiapan melalui program-program kesedaran dan publisiti melibatkan semua pihak berkepentingan.

Isu-isu yang dibangkitkan, berkenaan dengan konflik manusia dengan hidupan liar. Memang gangguan babi hutan dan kera ini ada beberapa kawasan. Khasnya dekat KADUN Sungai Dua dan KADUN Permatang Berangan, Sungai Acheh, Pulau Betong dan Jawi agak serius dan disebabkan oleh faktor berikut:

Kawasan tersebut mempunyai sumber makanan yang tinggi, perubahan geografi habitat haiwan-haiwan tersebut yang disebabkan oleh pembangunan yang membawa kepada konflik antara hidupan liar berkaitan dan masyarakat setempat. Jabatan Perhilitan telah mengambil tindakan sewajarnya seperti memasang perangkap dan kaedah penaikan di kawasan-kawasan berkaitan dengan 178 kali tindakan telah dijalankan. Dia tu kata tempat-tempat kita telah taruk perangkap dan lain-lain, kita boleh jalan 178 kali.

Bagi menangani aduan konflik hidupan liar di Negeri Pulau Pinang, satu Jawatankuasa Khas Konflik Hidupan Liar telah dibentuk di peringkat negeri oleh jabatan dan agensi-agensinya berkaitan. Jawatankuasa yang diwujudkan ini akan membincang isu-isu serta merangkakan pelan pelaksanaan pengurusan konflik hidupan liar dengan mitigasi pengurusan konflik hidupan liar, manusia seiring pembangunan di kawasan yang menjadi habitat hidupan liar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Pencelahan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nanti-nanti, ada satu soalan tambahan daripada ADUN Pulau Bentong, berkaitan konflik manusia dan hidupan liar, kera. Yang dimaklumkan bahawa ada kera yang dibiarkan mati dalam perangkap tersebut. Berdasar rekod Perhilitan, tidak ada kejadian kera mati yang direkodkan. Seterusnya, Perhilitan meminta kerjasama MPKK dan pengadu terus dan turut membantu memantau perangkap yang di pasang dan hubungi Perhilitan segera di talian *hotline* apabila perangkap mengkenakan. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Sungai Puyu. Cuma saya nak tambah sedikit tentang isu babi hutan. Memang Perhilitan telah ambil tindakan. Setiap kali aduan, datang untuk menyelesaikan masalah. Cuma saya nak minta mungkin pandangan daripada YB. Perhilitan, perangkap yang paling sesuai untuk kita selesaikan babi hutan, perangkap dan juga kera, kera dan babi hutan ni perangkap yang paling sesuai. Cuma bila kita nak menembak mungkin tak sesuai sebab di kawasan kampung. Ia akan menimbulkan masalah kepada penduduk di kawasan, tembakan babi hutan ni. Jadi kalau boleh, untuk isu ini berbangkit. Peruntukan untuk bilangan perangkap tu kurang. Untuk tambahkan peruntukan untuk sediakan perangkap yang secukupnya untuk banyak kawasan yang terlibat dengan babi hutan dan kera. Perangkap tu tak cukup. Perangkap ni kadang-kadang ambil daripada Kawasan Sungai Dua bawa pergi ke Permatang Berangan. Perangkap tu dia agak terhad bilangannya di peringkat jabatan. Minta tambah yang tu supaya lebih berkesan kita punya tindakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Sungai Puyu minta sikit, mencelah sedikit sahaja, berkaitan dengan Sungai Dua tadi. Saya telah mengambil inisiatif, Jawi juga telah mengambil inisiatif. Kita bina sendiri perangkap tu daripada peruntukan kita. Cuma MPKK yang kita serahkan perangkap tu memang kerjasama dengan Perhilitan dengan baik untuk datang ambil hasil yang terperangkap dalam perangkap tu, cuma mereka mendapat kekangan daripada segi nak letakkan makanan dalam tu sebab mereka terpaksa *spent* duit MPKK untuk nak tarik perhatian sama ada babi ataupun kera tu. Jadi cuma kalau ada sisa-sisa buah-buahan ataupun makanan daripada *food bank* yang lebihan yang telah *expired* ka apa ka boleh disalurkan kepada MPKK ni juga untuk diletakan di dalam perangkap yang telah disediakan itu. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rumuskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Saya ambil maklum. Tetapi kita nak minta daripada *food bank* untuk urusan ni. Saya agak MPKK kena agak lebih *resources* iaitu kata satu perangkap nak letak berapa. *The cost* daripada Penang Mutiara *Food Bank* sampai itu Sungai Acheh itu *cost*. Kalau kos 30 Ringgit, saya lebih baik pi beli tepi jalan beli RM20.00, jimat RM10.00. Baik. *Initiative* terbaru...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, okey. Setakat itu, nanti saya izinkan untuk sambung belah petang. Tapi Yang Berhormat telah pakai lebih dari 10 minit. Saya tolakan dari situ. Okey.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nanti. Saya...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tapi subject matter yang sama?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sama?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sama.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sama boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

*Okey. Inisiatif yang terbaru oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak Jabatan Perhilitan bagi mengenai isu ini ialah Projek Perintis bagi kontrak tangkapan kera di kawasan-kawasan. Pelan tindakan kera bermasalah di Pulau Pinang akan bermula pada tahun hadapan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyusulkan peruntukan dalam bentuk bekalan ubat dan perangkap ini membantu melicinkan operasi Jabatan Perhilitan dalam memerangi konflik hidupan liar. Selain itu, pihak jabatan juga akan terus giat menjalankan operasi pembasmian babi hutan dilokasi aduan iaitu kalau babi hutan, *we use what we call the population control.**

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya ada nak minta laluan tapi lepas...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan dewan untuk kita henti rehat dan kita sambung balik pada jam 2.45 nanti petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.45 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dewan mula bersidang, Dewan dalam sesi penggulungan, dipersilakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

*Terima kasih, Timbalan Dato' Speaker. Berkenaan pencemaran sungai dan laut dan perparitan, ada satu soalan berkenaan dengan biogas di Kampung Valdor dan lain-lain. Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius terhadap isu buangan sisa-sisa ternakan dan menyebabkan pencemaran sungai. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan satu *Task Force* bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut,*

sungai dan pantai. Peranan *Task Force* tersebut adalah untuk menangani isu-isu pencemaran di punca *pollution at source* yang menyebabkan pencemaran laut, sungai dan pantai. Timbalan Dato' Speaker, bagi mengatasi masalah-masalah di kampung iaitu Kampung Valdor dan Kampung Selamat, Syarikat Timeless Green Sdn. Bhd. telah mempunyai kepakaran dalam pembangunan inovatif, teknologi tenaga diperbaharui telah menunjuk minat untuk membangunkan satu stesen janakuasa 1 megawatt elektrik berasas biogas sistem daripada sisa-sisa ternakan di Kampung Valdor, SPS. Projek ini dilihat berdaya saing memandangkan terdapat sisa-sisa kumbahan yang menghasilkan daripada ternakan khinzir di Kampung Valdor, SPS yang boleh digunakan sebagai penjana tenaga elektrik. Cadangan projek oleh syarikat tersebut yakin mampu untuk menyelesaikan isu pencemaran bau dan air yang telah sekian lama menghadapi di SPS dan juga di SPU. Berdasarkan perancang asal, Stesen Janakuasa Biogas dan Biomass Sisa Ternakan di Kampung Valdor, dicadang beroperasi pada April tahun 2019. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguh bagi memenuhi kehendak tambahan kepada Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar iaitu EIA, sedia ada yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melibatkan isu pelepasan air kumbahan dari loji dan tambahan komponen Laporan Sosial Impak (SIA) yang perlu disertakan dalam laporan keseluruhan EIA.

Susulan semakan JAS, pelaksana projek ini telah sekali lagi diminta untuk mengemaskinikan dan mengemukakan semula laporan EIA beserta pindaan berdasarkan ulasan-ulasan terkini khususnya melibatkan isu langkah-langkah kawalan pencemaran dari loji stesen janakuasa ini. Pelaksana projek ini telah mengemukakan semula laporan EIA terkini yang dikemaskini kepada JAS pada 14 September tahun 2020, dan ianya dalam proses pertimbangan. Kerajaan Negeri amat berharap Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar secara dasar bersetuju dan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan meluluskan projek tersebut dalam usaha mengatasi isu-isu pencemaran ternakan babi di negeri Pulau Pinang melalui kaedah *waste to energy*.

Yang ini bila Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berjumpa dengan Menteri kami sudah dapat satu *a very positive approach* untuk selesaikan masalah ini, dan kami ada yakin bahawa dia akan selesai dengan secepat mungkin. Bila saya kata di Valdor kemungkinan ada orang nak tanya, Kampung Selamat apabila telah wujudkan stesen ini, mereka juga kehendaki wujudkan satu stesen di Kampung Selamat juga. Ini semua adalah EFI. Dan apabila sedang mereka buat, mereka disyaratkan bahawa mereka menggunakan *discharge, discharge* bermaksud, mereka akan ada dia punya *discharge* pergi ke tiap-tiap ladang untuk kutip.

Dato' Timbalan Speaker, berkenaan dengan hutan bakau, hutan bakau ini adalah satu isu yang amat sensitif di mana Pejabat Perhutanan telah diminta bahawanya semua hutan-hutan bakau dikehendaki untuk diwartakan dan proses ini telah dijalankan dan *under final survey, final survey kerana* apabila nak wartakan terlihat bahawanya, *the groove of mangrove, the groove of kayu bakau is very fast* seperti di tahun 2013 di Penaga. Di sana ada 200 meter daripada *foreshore*. Pada kini ada tujuh (7) tahun saja ada tambah lebih kurang 250 meter, pada kini kalau *foreshore* dia sudah 450 meter. So saya bagi pihak Kerajaan Negeri maklum kepada semua Kerajaan Negeri amat prihatin kepada kayu bakau supaya menjamin di *seafood security* untuk *local fisherman*.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Minta laluan Yang Berhormat Sungai Puyu, mengenai kawasan bakau untuk digazetkan, adakah ini bercanggah dengan projek ZIA di Penaga, ini soalan pertama dan soalan kedua adalah balik kepada tadi tentang Valdor sebab projek biomass ini telah bermula perbincangan sejak 2015, adakah projek ini masih dapat dijalankan disebabkan daripada ulasan-ulasan yang daripada Jabatan Alam Sekitar dengan syarat-syarat yang diberikan. Bagi saya projek ini amat penting disebabkan kalau kita melaksanakan Enakmen Penternakan Babi 2016, masih lagi tidak cukup disebabkan pelaksanaan Enakmen ini hanya untuk menukar daripada ternakan terbuka kepada ternakan tertutup tetapi tidak menyentuh tentang loji kumbahan dan kebanyakan ladang ternakan adalah sederhana atau kecil. Mereka tidak mempunyai ruang untuk membina loji kumbahan sendiri. Itu saja sekian.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang bahawanya jika ambil kira seekor khinzir, satu hari kena mandi 2 kali dan menggunakan 35 liter air. Kita, kami hendak dapat satu loji kumbahan yang begitu besar kerana untuk loji ini apa yang saya lihat sehingga kini haknya *water retention* dan bukan ada untuk *treatment* dan jikanya untuk *retention* bermaksud mereka kena simpan air di sana lebih kurang 65 hari sebelum mereka boleh pindah pi kolam kedua, memang ada teknologi dan satu sebab yang perlu perbincangan dengan penternak-penternak ada lihat satu perkara *no confidents* kerana pada dulunya terdapat kerajaan bukan kerajaan kini telah orang kata minta mereka buat sistem ini tanpa apa-apa rujukan tanpa lihat *to see thru the project* dan kebanyakan projek-projek ini gagal kerana mereka tak faham Kerajaan Negeri pada masa itu memang bukan tak dak pergi, pergi sampai Holland, hantar orang pi Holland pi tengok balik mai kata you buat ini, buat itu, so saya mencadangkan *we have to be very practical, it must be treatment*. Untuk Valdor cara untuk kutip sisa-sisa ini bukan masuk pi satu kolam tetapi, dengan *piping system* mereka keluar ke ladang terus masuk *pipe system-sytem* macam apa di *switch system* oleh IWK dan terus sampai kilang itu. *This is also part of parcel bio security*. Bermaksud di sana kita pakai kolam lah. Mereka pakai sana tetapi saya ingin bahawa mereka hendak kekalkan kolam tu untuk *emergency contingency planning* jika apa-apa terjadi sekurang-kurang ada tempat untuk simpan sementara waktu. *They had to be done* untuk di Kampung Selamat dan lain-lain tempat di mana mereka tidak dapat untuk disambung oleh paip. Syarikat Timeless Green ini dikehendaki menggunakan *this sculcher* dan kawalan *bio security* untuk pi sana ambil semua di *slouch* semua *slouch* tidak boleh disimpan di sana pergi balik pergi dia punya stesen untuk lepas di sana.

Kalau tanya saya, adakah ini selesaikan masalah, ini belum selesaikan masalah kerana selepas itu dia punya *difficult switch* selepas itu apa nak buat, perhubungan dengan negara luar iaitu Cambodia telah bersetujui bahawanya selepas proses ini semua sisa-sisa ini boleh digunakan sebagai baja untuk negara mereka dan ini sedang diuruskan. Saya ada keyakinan bahawa jika dapat satu jawatankuasa yang fahamkan industri ini dan teknologi-teknologi yang berkaitan dan bagi kuasa untuk selesaikan masalah ini, ini masalah boleh selesai, boleh selesai bukan tak boleh selesai. *The only thing is* buat, jangan cakap saja, *and* kerajaan ini akan buat.

Satu isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Bukit Tengah berkenaan kuari. Kuari ini di Pulau Pinang memang adalah amat penting untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang. Pada kini memang tidak cukup untuk kegunaan di Negeri Pulau Pinang dan juga hendak di ambil dari luar negeri. Kuari Juru saya telah di soal satu soalan, soalan adalah mengapa keluar daripada hutan simpanan. Memang Ahli-ahli Yang Berhormat ingatan ada betul tetapi tarikh dan sejarah kurang tepat sikit. Juru, Kuari Juru mula pada tahun 1951, zaman British. Pada masa itu satu tapak di mana *forest reserves* telah dikeluarkan untuk satu syarikat, satu syarikat untuk buat di kuari. Tahun 1911 mereka lagi *expend notification constitution of forest reserves in the territory Province Wellesley* bukit Juru *was listed as number nine forest reserves added in the list of Province Wellesley* dia dikeluarkan so memang dikeluarkan pada masa itu bukan daripada kerajaan kini dulu Bristish dan pada tahun 1990an apabila nak binakan jabatan masa itu, Kerajaan Negeri pada masa itu, telah minta bahawanya syarikat yang dibagi kuasa untuk buat kuari iaitu Saw Chong Teok Quarry Sdn. Bhd. untuk dikeluarkan sebidang tanah di mana mereka sudah dapat untuk satu dipanggil KGN dan diganti dengan lain-lain tanah yang juga masuk di *forest reserves*. *This is a political decision not an administrative decision* kerana pada masa itu memang Jabatan Perhutanan tidak menyokong, Jabatan Perancangan Bandar Kampung tidak menyokong, Alam Sekitar tidak menyokong, JKR tak menyokong dan *a lot of department*. Tahun 2005 juga apabila mereka memohon tanah yang lebih luas, tanah itu dibahagi untuk bukan Saw Chong Teok tapi dia kena tanah itu terus bagi lagi satu syarikat iaitu syarikat koperasi nelayan tempatan itu sejarah, saya tak mahu ambil panjang saya bagitau bahawa tidak terlibat dengan Kerajaan ini. *That is my main point*. So apabila ini telah terbuat memang saya ada lihat semua kuari di Negeri Pulau Pinang tidak syarat kepada mereka *rehabilitation policy*.

Kerajaan ini telah mula dengan *rehabilitation policy*, so apabila ada *rehabilitation policy*, apabila mereka nak memperbaharui lesen mereka, mereka hendak mengemukakan selepas kuari ini apakah yang akan jadi pada tanah ini kerana Kerajaan Negeri ada lihat tanah di Penanti di mana

empat (4) kuari berkuari di sana. Mereka bukan daripada bukit tetapi mereka masuk dalam lebih kurang 60 meter dalam lubangnyanya makin besar tanah Kerajaan.

Bila lihat kata kalau macam ini apa nak buat, bukit pun telah hilang. Apa kita boleh dibuat minta sehingga kini mereka belum kemukakan *rehabilitation policy but we definitely want the rehabilitation policy* dan lain-lain apabila mereka nak membarukan lesen *we will impose*.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih Dato' Speaker, dengan izin Yang Berhormat isu dengan kuari ini seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat memang telahpun berlaku dari zaman British lagi, saya tak mempertikaikan itu kuari itu yang diluluskan zaman British adalah setakat dua (2) ekar tapi yang saya membangkitkan adalah apa yang berlaku kemudiannya dalam tahun 1980an seperti yang dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat, pada masa itu memang seperti yang dimaklumkan agensi-agensi Kerajaan yang diminta membuat ulasan tentang permohonan masa itu tidak menyokong kawasan tersebut untuk menjadikan sebagai satu kawasan kuari ini adalah tanah-tanah tambahan bukan tanah asal yang diluluskan pada masa zaman British...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukit tengah soalan. Sejarah, *you* orang dah masuk sejarah dah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

No, no is simple. Okay soalan saya juga kepada Yang Berhormat sekarang ini ada lagi satu tanah baru PT9 yang tidak lagi yang belum lagi dikuarikan, yang belum lagi dikuarikan yang sekarang juga telahpun ingin memohon untuk mendapat permit 4C ini dan kalau kita seperti yang dikatakan tadi kita nak *balance*, memang kita ada keperluan untuk kuari, untuk pembangunan dan sebagainya tetapi ini mesti di *balance* dengan *the environment* dengan keperluan masyarakat dan sebagainya. *It cannot only before quarry proposes*, sebab kawasan itu memang seluruh bukit itu adalah hutan simpan, kalau, kalau PT9 tanah baru ini diusahakan sebagai kuari, *maka the* seluruh bukit akan dirosakkan dan tidak boleh dipulihkan balik, jadi isu yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Sungai Puyu tadi tentang rehabilitasi dan sebagainya, kita nak tau sama ada ini boleh dipertimbangkan sebab apabila saya difahamkan juga permohonan untuk Kebenaran Merancang, *The Planning Permission* untuk PT9 yang terbaru ini saya difahamkan telahpun diluluskan baru-baru ini, kepada biasanya Pejabat ADUN-ADUN akan juga dimaklumkan untuk meminta ulasan daripada pejabat kita tetapi dalam kes ini kita tak terima.

Saya tidak tahu mengapa *but at least it should have been given to us so that we can give our input* penduduk input di sana, *so* saya harap dan lagi satu isu yang saya nak minta Yang Berhormat untuk menyiasat apabila kita pergi sana memang kawasan PT9 ini telahpun dicerobohi maksudnya sebelum lesen 4C ini dikeluarkan juga pihak kuari telah pun memasuki tanah baru ini untuk bermula kuari dah, untuk saya ini adalah kelakuan besar kalau betul dan saya harap Kerajaan Negeri boleh siasat tetapi akhir yang saya nak katakan di sini, *we must see a way in which* kita boleh menolong penduduk-penduduk di sana. Kalau kita sudah potong bukit ini dan tambah lagi dengan PT9 ini musnahkan seluruh bukit *then* penduduk-penduduk yang akan susah dan *we want to protect the hill* lah Yang Berhormat, saya harap Kerajaan boleh membantu dalam melihat bagaimana kita boleh selesaikan isu ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih cadangan Yang Berhormat, akan diambil kira. Pada dulunya apabila mereka buat di untuk kuari, mereka tak payah Pelan Merancang. Kerajaan ini *impose* Pelan Merancang. Apakah nak buat di batu cara macam mana semua telah minta kalau tak ada mereka tidak boleh mulakan operasi dan PT9 ini, memang telah di telah ditangani dan bagi *list* kepada mereka dan tidak boleh ditarik balik kalau tanpa alasan yang benar dan betul. Tetapi apa yang dicadangkan bahawanya saya hendak bagi satu maklum balas. Apakah yang akan jadi pada bukit setelah mereka buat kuari? Ini adalah soalan yang amat berasas dan saya bagi janji saya akan lihat pada perkara itu. Sebetulnya dua (2) minggu dahulu, semua Pejabat-Pejabat Teknikal telah turun padang untuk siasat dan laporan akan diserahkan kepada MBSP supaya boleh bersama dengan Pelan

Merancang supaya taruh syarat kepada mereka apakah hendak telah mereka orang kata selesaikan di kuari di sana dan mesyuarat dalam mesyuarat juga ada ahli yang mencadangkan bolehkah Kerajaan Negeri minta *have to give security deposit*. Ini juga dalam perbincangan bukan lulus tapi dalam pertimbangan dan untuk kes Juru jika ada apa mesyuarat berkenaan saya sendiri akan menjemput Yang Berhormat sebagai ADUN kawasan yang amat prihatin kepada kebajikan keamanan dan pembangunan penduduk-penduduk di sana untuk hadir mesyuarat, boleh?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Berkenaan dengan kebajikan, sekarang kita dalam membicarakan soal kebajikan rakyat di Negeri Pulau Pinang, sudah tentu kemiskinan akan menjadi isu pertama yang akan dibincangkan. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang menjadi penanda aras kemiskinan sesebuah isi rumah semakin hangat diperkatakan lebih-lebih lagi apabila PGK baharu diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan akan berkuatkuasa pada tahun 2021. Daripada Menteri telah umumkan bahawa nak gunakan 2208. Perdana Menteri telah umumkan daripada semua bantuan akan dibagi satu RM1,000. Kerajaan Negeri ambil maklum. Sehingga kini belum dapat apa-apa maklum balas atau garis panduan atau SOP untuk uruskan ini kerana ini akan melibatkan impikasi kewangan dan apabila kata-kata impikasi kewangan Kerajaan Negeri amat prihatin bahawa kena ambil kira keadaan semasa.

Oleh demikian Ketua Menteri telah bagi kelulusan cadangan saya untuk menaikkan garis paduan RM220 sehingga RM260 bermaksud dengan ini BA, Bantuan Am dan AES kalau mencantum sekali dipanggil BAES, Bantuan Agenda Ekonomi Saksama. Di sini bila kami buat kiraan, kami bagi satu jaminan, satu keluarga di Negeri Pulau Pinang mesti ada pendapatan satu isi rumah satu keluarga dikira lima (5) orang adalah RM1,300 kalau tak cukup, kami akan *top-up*, kalau tak cukup ambil kira bantuan lain-lain agensi dan apa kekurangan kami, bagi jaminan, Kerajaan Negeri telah siap sediakan untuk menjaga kepentingan rakyat khususnya kemiskinan.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, semasa MCO kebajikan main satu peranan yang amat penting. Pegawai-pegawai daripada kebajikan adalah *frontlines*, kami menjaga kepentingan supaya setiap-tiap rumah ada bekalan makanan di seluruh Pulau Pinang. Kebajikan telah menyerahkan 18,000 bentuk makanan kepada kelima-lima daerah, 18,000. Kerajaan Negeri juga menyerahkan 20,000 bungkus makanan. Ini juga disokong oleh Mutiara Food Bank di mana apa-apa panggilan untuk bantuan akan salur melalui MPKK. Satu persoalan mengatakan. Apakah sistem perantaraan semua penerima penyeragaman bantuan bulanan daripada JKN, menerima bantuan AES daripada BPEN, semua penyewa-penyewa PPR adalah dalam senarai nama. Itulah cara Kerajaan Negeri mengagihkan makanan kepada orang sasaran. Kebajikan telah buka lima (5) *office* untuk panggilan di setiap daerah. Pengusaha pagi, 8.00 sampai sehingga 6.00 petang. Selepas itu maklumat-maklumat yang dikutip akan diserahkan kepada pejabat saya, dan pejabat saya akan urus hantar melalui ADUN, bila saya buat macam ini, tidak ada sesiapa yang telah tertinggal. Bila saya bagi kotak makanan pembangkang-pembangkang juga terlibat, betul tak? Daripada Penaga, dia sibuk sikit. Dia tidak turun padanglah tetapi dia ada hantar dia punya wakil. Betul tak Penaga?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Minta pencerahan sedikit YB EXCO, cuma saya hendak dapatkan maklumat yang jelas mengenai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama. Saya hendak tahu sama ada ianya telah diimplementasikan ataupun kita tunggu ke tahun hadapan. Sama ada ia telah dijalankan pada September yang lalu ataupun akan bermula pada 1 Januari? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

BAES telah dimulai pada bulan 9 pada dulunya. Untuk Bantuan Am (BA) akan disiasat oleh pegawai-pegawai daripada JKM, untuk AES adalah oleh Penghulu di setiap daerah. Dan di setiap daerah, kami turun kuasa kepada JKKK, dan lepas itu MPKK untuk dia di kawasan mencadangkan sesiapa yang mereka ingin dan percaya bahawa kehendak di bawah senarai AES. Saya telah turun kuasa kepada semua Pejabat Daerah untuk buat keputusan dalam mesyuarat bulanan, iaitu kata Mesyuarat Kemiskinan Daerah, di mana semua wakil-wakil daripada ADUN hadir. Pada kini saya telah minta bahawa supaya semua dicantum oleh JKM supaya JKM, akan siasat dan untuk gunakan prinsip Bantuan Am dan AES cantum sekali untuk buat siasatan dan buat ketetapan. Jika yang mana permohonan daripada ADUN dan MPKK tidak dapat kelulusan, anda boleh bangkitkan ini semasa Mesyuarat Kemiskinan Daerah. Setiap rayuan akan disiasat. Ini akan menjimatkan masa dan *take away all the red tapes* supaya cepat sikit sampai bantuan kepada orang sasaran. Inilah telah mula pada 1 September 2020, dan jika hendak kata 2208 itu saya kena tunggu kementerian. Kalau hendak tunggu 1000 sekurang-kurangnya 1000, itu juga hendak tunggu daripada Pejabat Perdana Menteri supaya ada satu garis panduan. Sehingga kini belum mendapat apa-apa lagi.

Satu isu yang dibangkitkan semasa MCO adalah bantuan daripada Kerajaan Pusat. Diumumkan bahawanya Kerajaan Pusat telah bagi sebanyak RM22 juta supaya 222 MP boleh dapat bantuan makanan. 1 kotak 1 bakul ada RM100.00, dan setiap-tiap MP akan mendapat RM1000.00. Ini telah diputuskan semasa mesyuarat. Amat dukacita hanya di Daerah Timur Laut wakil rakyat dapat RM500.00 bukan RM1000.00, yang lain-lain wakil rakyat PH langsung tidak dapat kerana datang satu surat daripada Timbalan Menteri bukan berkaitan dengan kebajikan tetapi pendidikan, mengarahkan Pengarah Kebajikan Negeri Pulau Pinang supaya tidak boleh serah kepada wakil rakyat. Pada masa ini juga main politik, tidak boleh, hanya melalui orang-orang yang dinamakan oleh Timbalan Menteri itu. Mengapa hendak nafikan rakyat apabila kita menghadapi suatu keadaan di mana Kerajaan Negeri sentiasa dan rela berusaha bersama-sama dengan Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri bila bagi peruntukan pembangkang semua dapat. Kerajaan Negeri hendak salur makanan juga jemput ADUN-ADUN daripada pembangkang untuk bersama-sama untuk pengagihan makanan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Puyu, sesi petang ini juga sudah 45 minit. Boleh percepatkan sikit gulung ataupun jawapan bertulis boleh diberikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan soalan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, ini arahan atau nasihat?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ini adalah supaya kita dapat menghabiskan ADUN-ADUN lain dan Ahli-ahli lain dapat menamatkan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau nasihat, tidak ambil kira baru arahan akan datang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nasihat tidak diambil baru jadi arahan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baiklah, saya ambil nasihat kerana saya hormati YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Memang isu ada banyak dan banyak isu-isu yang saya belum dapat jawab untuk mengambil nasihat daripada YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya di sini minta sahaja. Kerajaan Negeri adalah *open policy no wrong door policy*. Ada beberapa soalan-soalan daripada pembangkang mengapa hendak tunggu sampai Dewan untuk tanya. Kerajaan ini rela bekerjasama dengan semua orang? *Open door no wrong door policy* supaya you faham apa yang dibuat. So oleh yang demikian

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, soalan-soalan yang saya tidak dapat jawab, tidak sempat jawab, saya menjemput sesiapa pun boleh jumpa saya, saya akan jawab. Sebelum saya akhiri, saya hendak tanya ada apakah lagi hendak tanya?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Berkenaan dengan paya bakau, so boleh saya dapatkan penjelasan sedikit jelas tentang bagaimana Kerajaan Negeri hendak *protect this mangrove area*? Sebab menurut jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat sendiri, dinyatakan tidak ada apa-apa projek pertanian ataupun di kawasan paya bakau tetapi kita lihat di Juru, di sepanjang Sungai Juru ada projek pertanian yang sedang dijalankan. Menurut maklumat yang diterima daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai, dan saya pula diberi jawapan yang memang tidak ada apa-apa kelulusan diberi, dua maklumat yang berbeza. Saya hendak tahu apakah komitmen Kerajaan Negeri dalam menyelamatkan kawasan paya bakau ini? Dan juga sebab ia adalah salah satu *natural treasure* yang kita ada, so saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang di Juru terdapat ada pencerobohan, ADUN daripada Bukit Tengah dia tahu, iaitu pencerobohan itu memang dia telah memohon tanah TOL untuk satu projek pertanian akuakultur tetapi sebelum dibagi apa-apa kelulusan, mereka telah mula korek tanah untuk akuakultur. Berkenaan itu, Pejabat Daerah bersama dengan Pejabat Perhutanan telah mengambil tindakan bagi dia tebus balik tanah itu, itulah tindakan yang telah diambil untuk menjaga kepentingan hutan bakau. Kerajaan Negeri, tadi saya telah cakap, jadi tidak perlu ulang iaitu Kerajaan Negeri telah meminta perhutanan untuk buat *survey* dan *final survey* telah dibuat untuk mewartakan paya bakau sebagai hutan simpanan. Dan apabila *you* tanya sama saya akuakultur saya telah minta semua akuakultur yang dekat dengan kayu bakau atau dimana-mana tempat pun tidak boleh ada *discharge*. *Discharge* tidak boleh kerana *it you must be zero waste policy* khasnya jika Kerajaan Negeri tidak teliti kepada perkara ini sudah lama ZIA telah mula.

We want to protect the environment we also want to have food security. Itu juga apabila ZIA telah diumumkan walaupun pada mulanya saya tidak bersetuju tetapi saya hendak bersetuju kerana ini dasar kerajaan dan saya telah letak syarat bahawa *zero discharge*, itulah kita buat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Puyu. Sudah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Satu sahaja lagi. Semalam Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya telah menuduh Kerajaan Negeri bahawa mempunyai atau Ahli EXCO bahawa mempunyai konflik dalam projek ZIA ini, seolah-oleh kita tidak kisah tentang pendirian, tidak mempunyai apa-apa pendirian dalam menyelamatkan kawasan paya bakau ini. Oleh itu saya hendak pandangan Sungai Puyu, adakah, apakah yang dinyatakan oleh Seberang Jaya itu betul atau hanya satu retorik politik?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Timbalan Yang di-Pertua Dewan, kelmarin telah dengar daripada EXCO daripada Batu Maung, sekarang ada banyak scam. Kadang-kadang di dalam bidang politik. Itulah cara untuk menjatuhkan seseorang untuk membuat kenyataan yang langsung tidak ada. Jika ada, tunjuk bukti, Jangan kata macam ini. So oleh demikian jika mereka lagi terus hendak panjangkan lagi perkara ini tanpa bukti yang kukuh *refer them to the press community* kerana tidak boleh kerana politik jahanamkan jenama orang, itulah pendirian saya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon mencelah YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, dan YB. Ahli Sungai Puyu. Saya hendak bercakap tajuk lain sedikit tetapi berkaitan dengan portfolio yang disebut tadi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tajuk lain sedikit ada buat soalan tak semasa perbahasan?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Ada, ada, berkaitan dengan soalan saya dan ada jawapan tadi berkaitan dengan yang disebut oleh YB. Sungai Puyu, berkaitan dengan sisa buangan najis khinzir tadi. Ada cadangan untuk menjadikan najis khinzir sebagai baja tanaman, saya cuma hendak menyebut di sini bahawa Permatang Berangan menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta supaya Kerajaan Negeri tidak mempertimbangkan cadangan tersebut kerana dalam isu ini sedangkan air sisa kumbahan yang dialirkan ke sungai pun mampu merosak hasil sawah padi apatah lagi hendak dijadikan baja tanaman. Jadi kalau boleh tidak mempertimbangkanlah cadangan untuk menjadikannya sebagai satu baja tanaman.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya amat kesian pada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Berangan. Saya ada kata sisa-sisa itu akan di beli oleh orang-orang syarikat-syarikat tertentu dari Cambodia. Kena dengar baik-baik lah, jikanya apabila kita telah wujudkan itu sistem untuk *waste to energy*. Mereka akan ambilkan semua di sana dan saya ada kata tidak boleh kata untuk air ini kena ada *treatment system* bukan *filtration system*. Kemungkinannya Ahli Yang Berhormat tak faham antara *filtration* dengan *treatment*. *No discharge without treatment*, bila kata *treatment* memang jelas akan ada satu *standard*. Kalau ini lagi tak terima apakah boleh terima? *If this is not good what else is better*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Sungai Puyu, jelas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jelas ahh.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Boleh, terima kasih kepada YB. EXCO Sungai Puyu yang begitu komited dengan bantuan-bantuan kepada rakyat dan juga saya pun ucapkan terima kasih kepada JKM Barat Daya yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada DUN Bayan Lepas. Cuma satu persoalan, apabila Bantuan Agenda Ekonomi Saksama ini dilaksanakan, sedikit sebanyak akan menjejaskan pada mereka yang sebelum ini menerima bantuan. Contohnya sebelum ini mereka menerima bantuan sebanyak RM790.00 melalui AES RM220.00, kali dua (2) orang kalau dua (2) orang dan melibatkan pesakit terlantar.

Sebab saya difahamkan sebelum ini, ketika AES kita buat, bantuan pesakit terlantar ini tidak dikirakan sebagai pendapatan. Tetapi apabila kita melaksanakan Bantuan Agenda Ekonomi Saksama ini, walaupun kapita dia RM260.00 tetapi bila kita kali dua (2) baru dapat RM520.00 dia akan hilang sejumlah RM350.00. Saya rasa YB. faham apa yang saya maksudkan, boleh macam mana nak menyelesaikan masalah jika berlaku keadaan situasi begini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Apabila kiraan untuk AES atau BAES, pesakit terlantar tidak diambil kira. Itulah dasarnya sepanjang ini. Seorang pesakit terlantar memang tidak ambil kira dan apabila terdapat kiraannya pendapatan mereka, saya boleh kata pada bulan tahun 2019, saya ada 700 lebih penerima bantuan AES. Pada kini tinggal hanya 400 lebih kerana inilah kemajuan Negeri Pulau Pinang yang berfaedah pada semua yang mereka telah meningkat pendapatan mereka. Semua kiraan adalah melalui siasatan oleh pegawai-pegawai daripada JKM dan juga daripada Penghulu. Pendapatan mereka berapa, seisi keluarga berapa, semua jatuh sekali kami buat kira.

Ada dulu bukan banyak tetapi terdapat orang yang bagi maklumat palsu. Tapisan telah dibuat tahun lepas. Kalau kes spesifik macam ini, saya minta Ahli Yang Berhormat bagi kerja sama panjangkan nama, *ic number* dan skim bantuan daripada JKM. Saya sendiri akan minta pegawai siasat, lapor pada saya dan saya akan panjang kepada Ahli Yang Berhormat. Boleh terima dak, faham?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, Sungai Puyu. Dah di jawab soalan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, dengan ini Dato' Speaker, saya nak ucapkan terima kasih kepada semua NGO-NGO, semua persatuan-persatuan yang tampil hadapan bersama-sama dengan kerajaan semasa kecemasan bencana MCO untuk menangani keadaan-keadaan semasa. Saya ucapkan terima kasih pada semua pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan kerajaan yang sentiasa rela bantu kerajaan dan khasnya yang nasihat pada saya masa ke semasa untuk tangani masalah.

Dengan ini saya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ingin saya menyampaikan kepada semua kakitangan barisan hadapan daripada petugas-petugas kesihatan, anggota-anggota keselamatan dan para sukarelawan yang telah berganding bahu semasa Kerajaan Negeri dalam menangani wabak COVID-19.

Saya mohon seluruh Ahli Dewan memberi satu penghargaan kepada semua iaitu semua kakitangan barisan hadapan. Kita anda, adalah wira kami. Akhir kata, ayuh kita bersatu hati kepada arah merealisasi Visi Penang2030, sebuah Negeri Pulau Pinang hijau berteraskan keluarga menginspirasi negara. Dan di sini sebelum saya mengakhiri, saya ada *make own statement* di sini. Ucapan terima kasih dan saya nak buat bantahan pada laporan STAR yang mengatakan bahawa yang MCO di Penjara dan warden-warden ini keluarga mereka tidak ada apa makanan. Makanan yang sudah cukup di sana dan saya juga bagi tahu sama dia orang, kebajikan telah bagi makanan yang mencukupi. Kerajaan bagi peruntukan cukup dan apa-apa kenyataan orang yang tak tahu, tak faham di luar dan siarkan di surat khabar dan ini tidak betul.

Untuk mengatasi perkara ini, saya telah dapat kebenaran bahawanya apa-apa yang kehendak mereka boleh pergi Mutiara Food Bank untuk *draw down*. Tiga (3) pihak yang di bagi kuasa, satu (1) daripada JKM, satu (1) daripada Pejabat Daerah dan satu (1) daripada Pejabat Ketua Menteri. Penduduk di sana tak cukup, *we will give you and we will ensure no body* lapar. Negeri Pulau Pinang ini, *I ensure you no body will starve because we fully committed to take care the welfare of the people in Penang*. Sekian, saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Sungai Puyu, seterusnya Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan ke atas ucapan belanjawan tahun 2021 yang di bentang oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Juga ucapkan terima kasih kepada YB-YB yang telah membangkit isu-isu berkaitan dengan portfolio saya.

Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB. Ketua Menteri kerana terus menyokong PWDC dan juga memberi peruntukan untuk melancarkan lebih banyak program-program lagi pada tahun depan. Saya amat menghargai kenyataan daripada YB. Bukit Tambun yang mencadangkan penambahan peruntukan PWDC daripada RM1.5 juta kepada RM2.0 juta. Jadi saya rasa memang kerajaan akan menambah peruntukan kepada PWDC kerana penumbuhan portfolio Pembangunan Sosial akan melihat PWDC memainkan peranan yang lebih luas dan ketara. Jadi kita menunggulah nanti kerajaan ataupun Ketua Menteri akan buat pengumuman.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri melalui perbadanan iaitu PWDC telah berusaha untuk merapatkan jurang gender di Pulau Pinang. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, indeks jurang gender Malaysia pada tahun 2019 adalah 0.711 dan jurang gender di tahap penglibatan politik adalah 0.106 dan ekonomi adalah 0.727. Jadi angka yang belum mencapai 1.0 menunjukkan jurang gender masih wujud di dalam bidang itu.

Jadi kita lihatlah ini bidang politik penglibatan politik adalah amat rendah. Jadi kita, tapi saya rasa kita boleh lihat di dalam Dewan ini juga. Di dewan ini ada 40 orang Ahli Yang Berhormat, ada enam (6) orang adalah wanita, 34 orang adalah lelaki. Jadi merupakan 15% lah, jadi masih ada 15% lagi belum dipilih. Jadi haraplah pada tahun-tahun yang akan datang tak tahu bila, tapi pada tahun yang akan datang, tahun-tahun ataupun pilihanraya yang akan datang angka ini akan bertambah semakin tambah, semakin bertambah. Dan saya *I find it very interesting, in this Dewan*, kita semua sudah ucap dan Berapit menimbulkan isu bilik laktasi, kemudahan-kemudahan *parking* untuk ibu yang mengandung. Dan Sungai Pinang pula membentangkan isu taska, tadika dan juga pusat jagaan ibu baru bersalin. Ini *very exclusively*, memang wanita punya isu. Kalau saya rasa tak ada YB. lelaki di sini akan menimbulkan masalah ataupun isu ini. Walaupun saya tahu umpamanya YB. Bagan Dalam memang dia jaga bayi dia juga tapi dia tak timbul juga isu laktasi isu bilik laktasi....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat saya menjaga tapi tak menyusui.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Itu lah, memang betul, memang betul, kerana pengalaman seorang bapa adalah tidak sama dengan seorang ibu. Jadi ibu lebih tahu keperluan kaum ibu. Jadi sekiranya perwakilan ibu kurang di dalam Dewan ini, jadi isu-isu yang mendatangkan kesan kepada ibu dan bayi akan kurang dibawa di dalam Dewan ini. Itu lah sebabnya kita memerlukan, meningkat perwakilan wanita di dalam Dewan ini. Jadi memang kita di Pulau Pinang khasnya wanita adalah sangat bertuah kerana Kerajaan Negeri senantiasa mengambil berat tentang perwakilan wanita. Jadi kita ada PWDC yang akan membawa isu-isu wanita, yang akan melaksanakan program untuk wanita dan keluarga. Tidak ada di negeri-negeri lain, tak ada PWDC dan negeri-negeri lain, dia tak ada dasar keterangkuman gender, hanya Pulau Pinang sahaja. Jadi sekarang kita pun sudah ada sedikit pencapaian.

Umpamanya kita sudah wujudkan platform-platform seperti JPWK yang memberi platform kepada wanita untuk mengambil bahagian di dalam program Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kita juga menetapkan 30% wanita di dalam MPKK. Ini merupakan Pulau Pinang tidak sama dengan negeri-negeri yang lain. Kita sudah lebih di depan kalau berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Jadi saya harap untuk ke depan kita akan mengguna pakai juga ini keterangkuman gender untuk meningkatkan, meningkatkan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan dan Wanita dan juga sekiranya boleh kita pun meningkatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Sekiranya kita boleh, kita boleh mencapai objektif ini, ini saya rasa akan sangat bermakna. Bukan untuk wanita sahaja tetapi untuk kaum bapa juga dan juga untuk kanak-kanak kerana suara mereka akan lebih dibawa di Dewan ini. Kita di Dewan ini akan mencari penyelesaian untuk isu-isu ini.

Jadi sebelum kita mencapai objektif itu, saya rasalah, *you know*, ada, ada bapa-bapa yang, yang muda di sini, mereka pun tau, mesti jaga anak mereka. Umpamanya saya lihat ini, Yang Berhormat KOMTAR, semalam seperti dia tak tidur. Dia balik rumah, dia *iron* lagi dia punya baju. Dan selepas itu dia jaga anak dia. Malam tak tau pukul berapa, saya rasa 2, 3, dia pun tau sudah hujan, dia pun naikkan *post in facebook*, dia kata Oh! Sudah hujan. Saya lihat dia macam semalam tak tidur. Saya tengok pagi. Saya *wake up* pagi pukul 6.00 saya tengok. Jadi saya rasa, sekarang, bapa sekarang, kaum bapa sekarang pun banyak membantu dalam penjagaan anak-anak. Dan kaum bapa sekarang pun menghargai sumbangan isteri mereka dalam bekerja dan menyumbang kepada pendapatan isi rumah. Jadi saya rasa, kerajaan, kita kerajaanlah, kita kerajaan, kita mesti mengadakan lebih banyak polisi supaya kita boleh mengadakan sistem sokongan untuk ibu bapa yang bekerja. Untuk keluarga. Umpamanya mengadakan *Childcare Centre* dan juga bilik laktasi di tempat-tempat kerja. Dan juga *confinement centre* di mana-mana yang diperlukan supaya ibu-ibu dapat pergi kerja, kaum bapa, suami pun senang hati, tak susah. Nanti kalau tidak dia balik, dia mesti *iron*, dia mesti buat banyak kerja. Nanti kedua-dua akan sangat letih. Itu tidak baik untuk perhubungan isteri dan suami. Jadi, sokongan, sokongan kerajaan adalah sangat penting. Kita adalah kerajaan, jadi kita mesti sokong dasar-dasar seperti ini.

Jadi saya nak, nak hurai sedikit tentang ini, JPWK. Saya rasa semua orang sudah tau, bukan semua oranglah, ramai YB. sudah tau kerana mereka pun sangat menghargai, ini platform ini, JPWK. Banyak membantu mereka menganjur program di komuniti. Jadi saya amat berbesar hati kepada umpamanya YB. Bukit Tambun dan YB. Pulau Betong yang mereka mengiktirafkan peranan JPWK. Jadi sejak penubuhannya pada tahun 2019, sejumlah 447 program telah dilaksanakan dengan oleh JPWK dengan penyertaan seramai 88,890 peserta. Jadi bagi tahun 2020 sehingga bulan September, walaupun MCO tetapi sebanyak 243 program telah dilaksanakan. Antara program yang menarik, yang dijalankan adalah penerbitan komik "Macam-Macam Berapit", lain Karnival Harmoni oleh JPWK Berapit, di mana ianya juga telah disiarkan di TV8. Selain itu, JPWK Seri Delima, Air Putih dan Air Itam telah bekerjasama untuk menerbitkan lagu patriotik "Setia" sempena Hari Merdeka tahun 2020. Ini, YB. Air Itam pun menyanyi di dalam video ini. Saya dan suara dia memang baik untuk menyanyi. Jadi saya ucapkan syabas kepada JPWK-JPWK seperti ini. Di sini kita telah menampak ada bakat, ada banyak bakat yang, yang kita dapat lihat.

Ketika tempoh PKP, JPWK masih menjalankan program. Menggunakan teknologi atas talian. Jadi pencapaian JPWK amat membanggakan dan mencapai objektif penubuhan walaupun baru lebih setahun ditubuhkan. Saya yakin, bahawa JPWK mampu mencapai lebih banyak lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Jadi saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini tentang Sidang Wanita, satu *platform* yang julung kali diadakan pada tahun ini. Jadi sebagai usaha untuk melahirkan lebih ramai pemimpin wanita, Kerajaan Negeri bersama PWDC akan menganjurkan Sidang Wanita, di mana sidang seumpama ini adalah yang pertama diadakan di Malaysia. Ini pada *next Tuesday*, di sini juga. Sidang ini bertujuan untuk memberi pemahaman tentang proses demokratik pembuatan keputusan dan juga memberi pendedahan mengenai kepimpinan untuk menjadi seorang wakil rakyat. Di sinilah kita harap itu pengalaman itu, *experience to be one day in the Dewan will inspired them to be want to be in the politics*. Jadi dalam program ini, 500 peserta wanita yang dipilih pada fasa pertama iaitu Jelajah Daerah disenaraipendekkan kepada 100 orang wanita bagi menghadiri bengkel persediaan pada fasa kedua dan akhirnya 40 peserta yang terdiri daripada ahli JPWK, MPKK, Ahli Majlis dan juga wanita daripada latar belakang berlainan telah dipilih untuk menghadiri ke Mesyuarat Sidang Wanita yang merupakan satu simulasi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada YB. Yang di-Pertua, YB. Timbalan Yang di-Pertua, ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen yang telah memberi sokongan untuk menjayakan program Sidang Wanita ini. Dengan ini, saya jemput semua ADUN untuk menghadiri Mesyuarat Sidang Wanita yang akan diadakan pada 20 Oktober ini, iaitu hari Selasa yang akan datang. Jadi wanita jurang ekonomi gender juga sangat besar...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Penjelasan YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya, okey.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih Padang Lalang atas beberapa kali sebut tentang Berapit. Memang pun saya setuju dengan Padang Lalang, kalau ada keperluan wanita, wanita sendiri akan rasanya dan bentangkan. Jadi saya juga setuju dengan peningkatan penyertaan wanita, lebih lagi isu wanita akan disentuh. Di sini saya nak tanya, walaupun adanya pencapaian nampak daripada PWDC dan JPWK tetapi bukan sahaja dari usaha wanita untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam masyarakat. Malahnya kena ada juga kerjasama daripada lelaki disebabkan masyarakat ini ada lelaki dan ada wanita. Jadi apakah usaha atau visi Padang Lalang dengan PWDC untuk menggalakkan lelaki terutamanya pemimpin keluarga untuk menggalakkan isteri mereka supaya beserta dalam program-program pemimpin wanita? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Berapit. Ya, saya rasa ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di sini sangat memberi sokongan kepada JPWK umpamanya Bukit Tambun, Pulau Betong, ini KOMTAR dan juga Bagan Dalam. Kerana mereka faham, bahawa program-program JPWK ini akan membantu mereka untuk turun ke padang dan ada ramai wanita yang akan kenal mereka. Jadi apabila pilihanraya akan datang, jadi ini semua menjadi pengundi. Ini difaham oleh Bukit Tambun, sangat difaham oleh Bukit Tambun. Jadi Bukit Tambun buat banyak program besar wanita yang disokong oleh JPWK dan juga Pusat Khemah Belia.

Jadi saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, kita memerlukan sokongan wanita juga, pengundi wanita dan macam mana kita nak mereka tahu bahawa kita memang nak sokongan mereka sekiranya kita tak buat apa-apa program langsung. Jadi kita haruslah membanyakkan program untuk golongan wanita. Gunapakailah RM30,000.00 yang harus diperuntukan untuk program wanita. Dan juga JPWK ada peruntukan RM10,000.00. Dan kalau saya rasa, di Bukit Tambun, dia guna lebih daripada itu kerana dia pandai cari *sponsor*. Program-program JPWK banyak *sponsor*. Ya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat, saya nak minta penjelasan. Bercakap dengan tentang JPWK, saya pun ingin merakamkan penghargaan saya kepada Kerajaan Negeri dan kepada Yang Berhormat kerana mewujudkan JPWK di setiap KADUN ini. Di kawasan saya mereka amat membantu saya. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Pengerusi JPWK saya, Katherine Susan dan juga setiausaha di dalam Dewan ini. Tetapi Yang Berhormat nyatakan tadi RM10,000.00 dikhususkan untuk mereka dan kalau boleh, boleh tak PWDC menambahkan amaun ini, mungkin RM5,000.00 pada tahun sebab memang saya pun memberikan peruntukan daripada peruntukan saya, tapi tak cukup kerana kita ada lapan (8) MPKK dan satu (1) JPWK. Ada macam Jawi semua, dia ada 15 MPKK, memang tak cukup. So kalau boleh, kita minta sebahagian daripada bajet yang diterima oleh PWDC boleh jugalah tambahkan sedikit peruntukan untuk JPWK, itu pertama.

Dan soalan kedua saya adalah, bercakap tentang bilik laktasi yang kita bincang panjang lebar tadi, ada tak Pejabat PWDC sediakan bilik laktasi dan lain-lain agensi yang semalam telah saya rujuk di mana ramai pekerja wanita daripada lelaki. Ada tak mereka menyediakan bilik laktasi, kalau tidak kenapa ini belum dilaksanakan? Itu, saya minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Saya minta untuk penjelasan soalan saya tadi. Soalan saya adalah macam mana PWDC di bawah Padang Lalang untuk menggalakkan lelaki terutamanya pemimpin keluarga supaya boleh menggalakkan isteri mereka atau wanita untuk menyertai program menjadi seorang pemimpin masyarakat, terima kasih. Bukan tuju kepada ADUN-ADUN di Dewan sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini soalan yang baik ya. Macam mana kita mahu menggalakkan isteri-isteri YB. dan juga pemimpin-pemimpin lelaki juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di dalam komuniti. Saya rasa isteri-isteri YB.-YB. ini sudah diantaranya ada yang sangat aktif di dalam Pertubuhan Mutiara, iya. Wanita Mutiara baru-baru ini mereka lancarkan satu program fokus kepada isu kesihatan mental. Saya rasa itu satu program yang baik dan harap semua isteri-isteri kepada YB.-YB. sini akan mengambil bahagian khususnya Timbalan Speaker, iya. Isteri ada mari iya?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada. Tapi satu isteri saja bukan dua, isteri-isteri.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Satu isteri iya, okey. Saya rasa kita boleh adakan program kalau kita nak menggalakkan sesiapa untuk mengambil bahagian, jadi kita tujukan kepada mereka, sasarkan kepada mereka. Program sasarkan kepada mereka.

Untuk Bagan Dalam, peruntukan untuk JPWK, kami dalam pertimbangan kerana ada JPWK yang tidak begitu aktif. Jadi kerana mereka tidak begitu aktif, wang mereka tak habis, RM10,000 itu tak habis. Jadi kita dalam pertimbangan untuk menggunakan wang yang tidak habis itu untuk guna untuk program yang kepada JPWK yang sangat aktif, yang sudah habiskan RM10,000 itu. Selepas itu kita tengok ada program yang bernas, kita akan mempertimbangkan untuk membagi bajet itu untuk program yang sangat bernas. Sekiranya boleh kita mintalah lebih peruntukannya daripada Kerajaan Negeri.

Dan lagi satu, dia kata ini bilik laktasi, bilik laktasi di Dewan ini belum ada, mengapa? Kerana siapa yang akan gunanya. Pada 1995, saya gunalah, bukan di sini. Dan guna pun beberapa hari saja. Sampai sekarang 2020, baru ada seorang YB. yang mungkin perlu guna bilik laktasi. Jadi sekarang kerajaan apa-apa program kita pun akan *consider, what is the implication* kewangan. Jadi saya rasa, sekiranya tidak diisi, tidak diwujudkan bukan kerana dia tak faham kepentingannya tetapi kerana tak ada keperluan. Sekiranya ada keperluan, jadi mesti diwujudkan, saya rasa mesti diwujudkan. Saya merayu *a few* semua pengarah-pengarah, ketua-ketua di sini, sekiranya ada keperluan bilik laktasi, tolong wujudkan. Tapi tak semestinya, mesti ada satu bilik. Kita *can see the condition*, mungkin dia sudah, kalau dia pegawai dia sudah ada satu bilik. Jadi dia boleh gunakan bilik dia ataupun satu *corner*. Jadi mengikut keperluan dan juga mengikut mana yang sesuai lah, iya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Chook Aik):

Minta laluan. Terima kasih pada Padang Lalang untuk tadi Paang Lalang sentuh tentang JPWK, di kawasan saya memang aktif dalam menjalankan program. Di sini, saya menyeru pihak Padang Lalang dan PWDC memberi penekanan lebih kepada program kepimpinan. Kita sedia maklum, apabila diadakan program, kaum wanita akan merancang dan melaksanakan dengan begitu berjaya. Akan tetapi apabila PWDC mengadakan Sidang DUN Wanita, di SPS, terutamanya DUN Bukit Tambun yang terpilih mereka menarik diri pada saat-saat terakhir. Mereka memberi alasan untuk tidak menghadiri seminar atau taklimat dua hari tersebut. Oleh itu, saya berharap pihak PWDC lebih memberi penekanan terutama dalam program kepimpinan.

Kedua adalah mereka terlalu sukar untuk menyertai program yang lebih ke arah kepimpinan kerana mereka perlu mendapat *endorsement* daripada suami. Itu saja, Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Perlu mendapatkan kebenaran atau *endorsement* itu memang sebagai satu halangan yang besar untuk wanita menyertai program-program ataupun menyertai politik kerana suami tak suka. Kita ada dapat satu bakat yang sangat potensial, satu soalan yang dia tanya ialah macam mana boleh mendapat sokongan suaminya untuk men *endorse* lah untuk dia menyertai politik. Jadi ada banyak suami di sini, saya tanya macam mana kamu suami juga, jadi saya harap...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ketua Pembangkang ada jawapan? Sila jawab Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Jadi saya harap....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Speaker tolong jawab. Dia macam ni lah. Dia satu kena minat, isteri tu kena minat, minat dalam aktiviti masyarakat ataupun politik. Saya sebagai suami, saya tak galakkan. Cuma aktiviti masyarakat saya galakkan. Politik saya tak galakkan sebab saya dah tak dok di rumah lama. Kalau dia sendiri libat politik, dia pun keluar. Sapa nak tengok anak-anak? Masalah.

Jadi cadangan itu betul, kena cari satu kaedah. Pertama kena tanamkan minat dulu kepada wanita ni kerana dia minat dengan aktiviti masyarakat baru dia boleh terlibat. Kedua, kena bagi pencerahan kepada si suami. Itu pun satu benda susah nak bagi kefahaman kepada si suami tapi kita kena pilih yang mana yang kita nampak isteri yang berpotensi lah bukan bagi kepada semua

suami, pada suami yang isteri dia yang berpotensi. Panggil suami tu kita kaunseling lah untuk dia libatkan isteri dia. Dari segi Islam susah, kalau suami tak bagi isteri tak boleh keluar. Itu masalahnya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Ketua Pembangkang. Takut bini masuk PH, itu saja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang, ada wanita, ada isteri yang sangat minat dan juga sangat potensial tetapi tak dapat persetujuan dari suami. Ini merupakan satu halangan sosial yang paling besar yang menghalang wanita masuk ke dalam politik.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Sikit saja. Saya mahu minta Padang Lalang, adakah setuju dengan Ketua Pembangkang? Kenyataan tadi dia tidak akan membenarkan isterinya campur dalam politik. Adakah ini satu pendekatan progresif dari segi gender?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini memang bukan satu sikap progresif dari segi gender tetapi sekiranya ada, kalau isterinya nak juga dan tidak hirau apakah perasaan suaminya nanti akan masalah perkahwinan. Jadi itu yang susahlah, ramai kaum wanita mereka tak mau masalah keluarga, masalah perkahwinan. Jadi mereka pun, mereka korban diri lah. Memang mereka suka tapi ada juga. Saya lihat ada seorang wanita yang sangat pandai, muda dan memang sangat potensi. Dia cakap, mesti *slow talk, slow talk* dengan suaminya. *Slow talk*, lambat-lambat cakap kalau saya pergi ke *workshop* ini, jadi mungkin ada kerja tak dapat habis, tapi saya habis dulu. *Before this* saya buat lah, buat semua kerja baru baru keluar. Ataupun dia kata, saya buat ini boleh abang tolong kah ini sedikit, tolong ini sikit. *Slow-slow* abang dia pun kata "Oh okey lah". Jadi ini adalah strategi, ini mesti ada pakai strategi ...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees AL Muniandy):

Padang Lalang, saya nak tanya...(gangguan)

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya memang, apa ini Padang Lalang seorang yang menyokong perjuangan gender wanita, tapi saya rasa ada dua hal di sini. Satu, tanggungjawab dalam keluarga, satu adalah hak wanita. Saya juga tahu dari penjelasan tadi dan juga pandangan Ketua Pembangkang di mana kita ada garis satu perjuangan wanita. Satu perjuangan dan persamaan wanita. Satu adalah tanggungjawab keluarga. Macam YB. Pembangkang ni dia lebih dia lebih kepada keperluan Islam, keluarga dan sebagainya. Ini saya rasa bertentang dengan yang di perjuangkan oleh wanita. Jadi saya minta penjelasan...(gangguan). Duduk lah...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon laluan, sikit saja. Saya nak tanya Perai setuju tak beri laluan kepada isteri untuk menyertai...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya nak beri penjelasan. Saya bukan pakar, saya bukan pakar. Saya mahu tanya pandangan supaya kita menghalusi hujah-hujah kita supaya kita mempertahankan hak wanita, itu saja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Iya, banyak terima kasih kepada YB. Perai....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon laluan dulu Yang Berhormat, sikit saja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti, nanti saya, saya rasa sekiranya kaum lelaki, suami boleh berfikir sedikit untuk isteri mereka kerana isteri memang banyak berkorban untuk keluarga dan untuk suaminya. Sekiranya suami juga boleh fikir sedikit untuk mereka. Sokong mereka, sokong isteri kalau mereka mahu menyertai politik juga, baru lah itu dikatakan hubungan yang sama rata, hubungan yang boleh *sustain* yang boleh bahagia. Sekiranya selalu tekankan isteri sahaja, jadi tak bahagia. Jadi suami seorang sahaja yang bahagia, jadi itu tak baik untuk keluarga. Iya Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Saya cuma tanya padangan daripada Perai tadi sebenarnya. Perai mengatakan Yang Berhormat Sungai Dua tidak memberi kebenaran isteri untuk bergiat dalam politik. Apa pula padangan daripada YB. Perai, adakah memberi kebenaran kepada isterinya untuk turut serta dalam politik? Dan dalam masa yang sama saya cuma tambah sikit lah, berkaitan wanita ni. Wanita ni dia lebih fokus kepada rumah tangga bila dah ada suami, ada anak-anak ni. Kadang-kadang terpaksa memberi laluan kepada suami untuk bergiat aktif, walaupun hakikatnya dia mempunyai potensi dan juga kelayakan untuk menjadi calon-calon dalam pilihanraya atau sebagainya. Tetapi disebabkan kekangan keluarga dan keutamaan yang diberi kepada keluarga untuk mencari jalan bahagia maka dia terpaksa bertoleransi untuk memberi laluan kepada suami.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat saya minta laluan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Bila dia sudah sentuh Perai, mesti bangun....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Lepas Perai saya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya setuju soalan dituju kepada Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Oken, terima kasih kepada YB. Permatang Berangan. Dia bertanya sama ada saya akan benarkan. Saya sudah tanya awal-awal dulu isteri saya, dia tak minat. Saya tak boleh paksa dia. Katakan lah....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Sama juga lah dengan Ketua Pembangkang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Katakan lah saya yang menghadkan. Saya tidak menghadkan. Saya mempunyai dua (2) anak perempuan yang belajar sampai PhD. Saya memberi laluan hak yang sama kepada lelaki dan wanita. Misalnya saya punya dua (2) anak perempuan dapat PhD dari UK dan sebagainya. Dulu lain, dulu masyarakat lain, sekarang lain. So jadi, kalau isteri saya, kalau dia ceburi dalam politik. Dia tak minat, bukan saya yang menghadkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat, saya nak tambah satu.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Padang Lalang tolong habiskan penggulungan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Permatang Berangan, komen Permatang Berangan saya nak jawab. Dia kata wanita tak minat dalam politik, Permatang Berangan sendiri seorang wanita dan saya memberi beberapa contoh pemimpin-pemimpin wanita yang berjaya, Jacinda Arden di New Zealand....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya merujuk kepada isteri Ketua Pembangkang. Saya minat untuk menyertai politik.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya nak tambah satu(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bagan Dalam duduk. Padang Lalang boleh sambungkan gulung, satu minit lagi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey, Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Boleh beri laluan. Di sini saya juga tertarik sebab saya juga ada menceburi dalam bidang politik. Saya juga nak tahu macam mana Padang Lalang *convince* suami kamu. Saya di sini nak kongsi sebab itu saya rasa adalah bersefahaman dan(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sat lagi lepas bersidang *you* boleh bersebang dengan Padang Lalang terus. Itu lebih personal....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Saya nak balik tentang Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan Bayi sebab isu ini saya nampak ada beberapa agensi yang terlibat sama ada di bawah portfolio Padang Lalang ada melibatkan pembangunan sosial. Pembangunan sosial ini sangat luas. Ibu wanita semua ada terlibat. Jadi agensi, beberapa agensi dalam mengaris panduankan pusat jagaan ibu bersalin dan bayi. Maka di sini saya ingin bertanya bahawa adakah Padang Lalang akan bekerjasama...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat *confinement*, bagi lah *chance* menjawab sekarang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Untuk mengadakan garis panduan untuk Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan Bayi, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih, saya tahu Sungai Pinang memang sangat perihatin tentang isu ini. Dan ini memang mengambil beberapa agensi. Walaupun apabila ada masalah mengenai *Confinement Center* ini kerana *client* dia adalah wanita dan bayi, jadi mereka akan datang jumpa saya. Tetapi saya memang tak ada, dia memerlukan *local government*, *local government* bukan di bawah saya, JKM. JKM sekarang, kalau *social development*, jadi JKM boleh di bawah saya dan juga Bomba dan Keselamatan, Bomba juga bukan di bawah saya. Sekiranya kesihatan, dia *cross* beberapa agensi. Jadi dia ada sedikit susah. Tetapi kita akan mengatasi masalah ini. Selepas ini kita akan duduk bersama-sama untuk mengadakan satu *guideline* dan saya harap pda sidang yang akan datang itu Sungai Pinang tidak perlu kata tiada *guard line* lagi. Saya harap pada sidang akan datang, Sungai Pinang akan datang mengucapkan terima kasih kerana sudah ada *guardline*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, berapa lama lagi?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tidak lama, saya dalam 10 minit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya minta secepat mungkin.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

10 minit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

10 minit ya. Terima kasih. Minta pegang janji.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Untuk merapatkan jurang ekonomi. Jadi, PWDC dan portfolio saya kita pun cubalah untuk wanita kita menjana untuk sedikit dana untuk wanita atau ibu untuk menjana rezeki. Kita *identified* produk-produk mereka yang rasanya boleh jual dan kita bagi sedikit RM1,000.00 supaya dia boleh membeli peralatan untuk menambahkan produktiviti mereka dan harap 10 orang ini akan berjaya dan kita akan buat lebih lagi. Ini adalah ekonomi dan untuk membanyakkan SME wanita. SME yang dimiliki oleh wanita. Jadi kita akan adakan program. Program mentor usahawan wanita. Ini akan mengambil 6 bulan dan haraplah selepas proses ini, mereka akan menjadi usahawan yang berjaya. Jadi untuk saya rasa sekiranya kita mahu mengadakan keluarga yang lebih baik dan juga wanita yang ataupun wanita yang lebih menyertai politik ataupun ekonomi, kita perlukan ada *enablers*. Jadi inisiatif seperti keseimbangan kerja dan kehidupan, *work life practices*. Penggubalan dasar serta penyediaan kemudahan seperti bilik laktasi, TASKA di tempat kerja, cuti bersalin, *maternity* dan *paternity leave* sebagainya merupakan *enablers* yang dapat meningkatkan penglibatan wanita dalam tenaga kerja dan juga pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Dalam hubungan ini saya ingin mengetengahkan bahawa penyediaan ekosistem mesra keluarga bukan sahaja merupakan tanggungjawab Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial, malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Sumber Manusia, majikan dan pekerja yang sama-sama perlu memahami kepentingan membentuk institusi keluarga yang kukuh sebagai asas kepada pembangunan negeri selaras dengan Visi Penang2030.

Berikutan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *Breastfeeding Friendly State*. Saya bersetuju dengan cadangan ADUN Berapit untuk mewujudkan bilik laktasi ini dan tadi sudahpun jawab ya.

Dan untuk memperbanyakkan pusat jagaan kanak-kanak. Kerajaan sudah, baru sahaja meluluskan dua (2) skim iaitu Skim Bantuan Pengasuhan Kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak Negeri Pulau Pinang bagi golongan isi rumah B40. Skim ini disediakan untuk ibubapa golongan B40 yang menghantar anak-anak ke taska yang berdaftar, yang mengenakan yuran bulanan sebanyak RM500.00 dan ke bawah. Melalui skim ini mereka layak menikmati subsidi yuran sebanyak RM50.00 setiap bulan iaitu RM600.00 setahun.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sedikit tambahan. Saya tertarik dengan YB. sebut tadi, saya dah terlepas sedikit, tentang bantuan untuk ekonomi kepada wanita. Kita bagi RM1,000.00 seorang untuk 10 orang. Itu satu langkah yang baik untuk kita bantu dari segi peningkatan ekonomi. Cuma setakat kita bagi kepada dia satu benda untuk dia keluarkan tapi tidak ada *ending* dia, saya rasa dia tidak akan ke mana. Jadi, kalau boleh MMK Padang Lalang mungkin boleh bincangkan sedikit tentang kaedah-kaedah pemasaran ataupun lantik satu *group* untuk pasarkan produk-produk wanita ini, macam yang saya buat dulu di Kawasan Sungai Dua.

Keduanya, tentang ibu tunggal. Saya tidak nampak Padang Lalang sebut tentang ibu tunggal langsung dalam apa yang dibangkitkan, apa yang digulung. Jadi, kalau boleh ibu tunggal juga menjadi satu keutamaan kepada MMK ini sebab saya nampak ramai ibu tunggal yang ada di Pulau

Pinang ini, termasuk semua kaum yang memerlukan satu pembelaan, satu benda yang boleh kita rancangkan untuk ibu tunggal ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Dua memang fasih, tahu tentang isu ini dan selalunya pun tahu tentang kesusahan ibu tunggal. Tapi, masih ada satu lagi golongan besar yang tidak pernah dibincang di sini ataupun dibentang di sini iaitu ibu tunggal. Ibu tunggal lebih susah lagi apabila diberi bantuan kerajaan, bantuan semuanya tidak boleh dapat kerana dia masih kahwin dan ketua keluarga ialah suaminya tapi suami tak tahu lari ke mana. Itu lebih susah lagi tapi tidak pernah bawa di Dewan ini. Mengapa? Kerana tidak cukup ahli Yang Berhormat wanita di sini, ataupun ada banyak perkara lain yang ingin dibawa. Jadi, dilihat golongan ini tidak begitu penting tapi kita akan, kita tahu, kita buat kecil-kecilan dan sekiranya kita boleh, kita akan tambahkannya.

Ada satu lagi ialah Skim Pemberian Geran Kepada Usahawan Untuk Menubuhkan Taman Asuhan Kanak-Kanak yang baru di Pulau Pinang. *Start up grant*. Jadi sesiapa yang minat boleh hubungi PWDC ataupun pejabat saya lah kerana tidak cukup masa, jadi tidak boleh huraikan *detail* nya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kerana terlalu banyak YB. bagi laluan kepada mereka.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tiadalah. Sedikit sahaja. Ini bagilah *chance* kerana kurang ada wanita, isi wanita.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, saya tahu. Tapi sini Dewan dan sesi penggulungan, bukan forum untuk anda semua.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey, kita ada Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang dan baru-baru diluluskan. Ia ini untuk buat tiga (3) perkara.

Yang pertama, banyakkkan sokongan kepada mangsa keganasan rumahtangga iaitu menjadikan kaunter-kaunter agensi kerajaan menjadikan ia sebagai *first support point*. Kita bagi latihan kepada dia supaya dia boleh memberi sokongan apabila ada mangsa datang untuk meminta pertolongan, sokongan.

Dan untuk mencegah situ kita harap, kita boleh memperbanyakkan lagi *pre-marital* kaunseling dan mesti masukkan, ini suami isteri mesti hormat menghormati, tidak boleh gunakan keganasan di dalam rumah.

Yang ketiga, carikan *temporary shelter* untuk mangsa yang lebih banyak lagi. Kita juga ada bantuan kewangan untuk NGO yang memberi sokongan kepada mangsa keganasan rumahtangga. Ini supaya membanyakkkan sokongan kepada mangsanya. Ada satu lagi yang saya mesti baca. Pertubuhan. Pemberian Geran.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Just a little bit more.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

10 minutes you have left only reading 2 minutes. Tak pa, terlupa nanti sesi akan datang baca sekali lagi tak pa.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Bukan terlupa, Ini adalah penting mengenai pembangunan sosial.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hilang?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey, maksudnya, semua yang saya, semua platform yang saya katakan tadi dia akan diserapkan masuk ke dalam MMK Pembangunan Sosial dan Pembangunan Sosial ini akan meluaskan lagi skop yang saya ada sekarang supaya lebih banyak masalah-masalah sosial dapat ditangani.

Okey, saya tidak dapat cari. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua pegawai yang membantu dalam melaksanakan kerja-kerja dan juga kerja-kerja untuk mengadakan platform-platform ini, dan juga pegawai-pegawai di PWDC yang menerajui semua tugas ini, dan saya juga nak kerana ini bajetkan jadi saya nak mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang menyediakan bajet ini, dan juga kepada Yang Berbahagia Dato' Sarul Bahiyah binti Haji Abu yang telah bertukar, dia PKN dahulu yang telah bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atas segala kerjasama yang telah diberikan kepada saya, dan juga Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan, saya juga ingin mengucapkan selamat bertugas dan selamat bekerjasama kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari, Pegawai Kewangan Negeri yang baru. Jadi, sekian terima kasih. Saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Padang Lalang. Seterusnya saya persilakan Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, sebagai mukadimah, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak yang besar kepada pasaran tenaga kerja. Negeri Pulau Pinang juga tidak berkecuali, daripada terkena tempas, di mana Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pekerja yang dihentikan secara pemberhentian tetap atau sukarela dari bulan Mac hingga September 2020 seramai 5,443 orang.

Manakala Survey Tenaga Buruh (STB), yang dijalankan oleh Jabatan Statistik Malaysia melaporkan bahawa kedua kadar pengangguran di Pulau Pinang telah meningkat kepada 4.4% pada suku tahun kedua 2020, dari 2.1% pada suku tahun pertama 2020.

Dalam hubungan itu, bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Sungai Acheh tentang tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan yang kehilangan kerja, Yang Berhormat Batu Uban tentang bantuan dan sokongan Kerajaan Negeri kepada pekerja yang dibuang kerja, dan Yang Berhormat Seberang Jaya tentang Program *Re-employment* yang dilaksanakan untuk golongan pekerja yang terkesan oleh pandemik COVID-19.

Pusat Bantuan Kerjaya Dan Bakat Pulau Pinang (*Penang Career Assistant* dan *Talent - CAT Center*) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang kehilangan kerja. Antaranya menjalani pepadanan kerja ataupun *job matching* secara berkumpulan untuk membantu pencari kerja dengan menjalankan perpadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan daripada majikan atau syarikat. Pusat CAT akan mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan, pada syarikat yang mengalami penutupan.

Susulan itu, pusat CAT yang akan menjalani prosedur perpadanan kerja secara berkumpulan dengan syarikat yang perluaskan operasinya. Pencari, nombor dua, pencari kerja juga boleh memohon pekerjaan yang ditawarkan oleh para majikan menerusi laman sesawang pusat CAT yang merupakan satu perkhidmatan percuma.

Tiga, pusat CAT juga bekerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan sebagainya.

Empat, bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mempromosikan maklumat tentang peluang pekerjaan yang tersedia seperti dengan pihak berkuasa Koridor Utara - NCIA, bagi program 'Jom Kerja dan Jom Niaga' di bawah pelan jana semula ekonomi negara PENJANA.

Soalan kedua. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat Pengkalan Kota agar keupayaan dan kapasiti operasi pusat CAT ditingkatkan supaya dijadikan saluran padanan kerja utama untuk pihak majikan dan pekerja. Untuk makluman Yang Berhormat, pusat CAT telah ditubuhkan pada awal tahun 2009 dengan objektif asal untuk membantu pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja akibat kemelesetan ekonomi pada masa itu.

Memandangkan keadaan pengangguran ini, pengangguran di Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan *trend* menurun sejak tahun 2009, di mana kadar pengangguran Pulau Pinang pada tahun 2019 dicatatkan sebagai 2% iaitu kedua terendah, terendah di seluruh negara. Pusat CAT telah beralih tumpuan kepada aktiviti-aktiviti mempromosikan Pulau Pinang, sebagai destinasi kerjaya melalui slogan Kerajaan Negeri iaitu '*Penang great place to work, live, learn, play*' dan '*My Penang, My work place*' bagi menampung keperluan pasaran tenaga kerja yang tinggi di Pulau Pinang.

Berikutan itu, pusat CAT secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mengekalkan modal insan sedia ada, dan menarik bakat baru ke Pulau Pinang untuk menyumbang dalam pembangunan pelbagai sektor ekonomi Pulau Pinang. Dengan penurunan pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi, dan meningkatkan kadar pengangguran di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerja Sektor Pasaran Tenaga Kerja dibawah *Penang Social Economic Recovery Consultative Council*, telah mengenal pasti pemerkasaan peranan pusat CAT, dalam pemadanan kerja sebagai salah satu strategi untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang pada masa ini.

Soalan ketiga, ataupun soalan yang berkaitan satu sama lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Permatang Pasir yang mengesyorkan supaya semua syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang, diwajibkan untuk muat naik tawaran kerja di Portal pusat CAT untuk membantu mengurangkan pengangguran. Kerajaan Negeri ingin menyarankan kepada pihak syarikat di Pulau Pinang, untuk mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem pusat CAT untuk membolehkan pemadanan kerja dijalankan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan peranan pusat CAT, agar dapat berfungsi sebagai saluran pemadanan kerja utama bagi pihak majikan dan juga pencari kerja di Pulau Pinang.

Empat, berkaitan pertanyaan Yang Berhormat Sungai Dua, tentang bilangan peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dan Yang Berhormat Batu Uban yang menyarankan agar Kerajaan Negeri menarik lebih ramai pelabur untuk mewujudkan peluang pekerjaan dari Januari 2019 hingga Jun 2020. Pulau Pinang telah mencatatkan nilai pelaburan pembuatan yang telah diluluskan sebanyak RM20.97 bilion dengan anggaran jumlah 25,857 peluang pekerjaan yang akan tercipta dalam tiga (3) hingga lima (5) tahun akan datang.

Kerajaan Negeri akan meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi lain melalui Invest Penang dalam usaha mempromosi dan menarik pelaburan sama ada pelabur baru ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana tempatan bagi mewujudkan. *Just let me finish this*. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat Pulau Pinang. Ya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Yang Berhormat Perai. *Just* nak tanya sebab untuk mendapatkan lebih banyak pelabur-pelabur pada masa depan, untuk mendapat lebih banyak pelabur-pelabur untuk masa depan, kita juga mesti membawa naik bakat-bakat daripada anak-anak muda kita,

diantaranya adalah melalui pendidikan. Oleh itu, saya nak minta juga, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk institusi-institusi STEM seperti Penang Tech Dome untuk masa depan. Apakah rancangan untuk Penang Tech Dome lah pada untuk beberapa tahun akan datanglah? Sebab kita mesti mencari dan memberi mereka, memberi mereka, *give them the in that...(dengan izin)*. Okay. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Pulau Tikus. Ini merupakan satu soalan saya rasa yang memerlukan satu jawapan yang menyeluruh. Apa yang penting kepada Pulau Pinang ialah, kita perlu mewujudkan satu *ecosystem*. Apabila saya sebutkan *ecosystem* di mana kita akan bagi tumpuan kepada pendidikan khususnya sains dan teknologi, sebab itu kita telah wujudkan STEM, Program STEM di mana Pulau Tikus sendiri adalah salah satu anggota dalam *close Science Cluster* apakah kemudian itu. Tujuan mewujudkan STEM ini mungkin dalam ini adalah penggal kedua, supaya dapat menanam minat dikalangan pelajar-pelajar di Pulau Pinang tentang sains dan teknologi.

Kita memahami bahawa, minat dalam sains dan matematik sudah turun di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah ataupun sekolah rendah. Ini satu *trend* yang saya rasa, kita perlu ditangani. So, apakah peranan walaupun pendidikan bukan di bawah *domain* Kerajaan Negeri Pulau Pinang, itu satu kuasa di bawah jabatan di Kerajaan Pusat. Tak pa, walau bagaimanapun saya rasa kita ada satu peranan yang penting. Dan peranan itu ialah mewujudkan satu suasana, atau *environment*, satu *eco system* di mana kita akan mewujudkan *interest* itu penting. Kemudian ini saya akan mungkin, saya tidak mahu panjang lebar.

Dan isu ini ialah tentang sistem eco. Dan walaupun masa, walaupun sekarang dikatakan zaman COVID, ini pusingan kedua. Tapi, saya minat tentang Pulau Pinang ini begitu meningkat. Mungkin saya rasa *slow* sikit, saya rasa kita sudah berfaedah daripada perang, perang antara apa ni pasaran antara Amerika Syarikat dengan China. Ini saya rasa, Malaysia sudah berfaedah. Tapi dan satu contohnya, ada banyak apa ni pelabur asing pergi ke Kedah. Ada yang pergi ke Kedah kemudian balik ke Pulau Pinang. Ini bukan saja Kedah, ini tidak ada kemudahan. Kedah ini, bagi lebih subsidi kepada pelabur-pelabur. Tapi, akhir sekali mereka rasa sistem *eco* ini, adalah kekuatan Pulau Pinang. So. *I don't want to go further*.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Ya.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

I got lot to explaining to you.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

And you will become a lecturer.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya, ya. Tapi saya ingat Pulau Tikus faham la. Apa, apa fokus saya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)

Okay, okay. Saya faham. *Just* nak minta, adakah Kerajaan Negeri ingin merancang untuk mempebesar institusi macam Tech Dome dan sebagainya untuk mencari minat itu dalam pelajar-pelajar.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya. Ya. Kita punya model ini, *financial architecture* ni sangat penting. Kerajaan Negeri ni kita memang ada limitasi dari segi kewangan. Kita tidak boleh membagi semua program-program yang wujudkan. Tapi di sini, kita minta bahawa sektor swasta akan apani bertungkus-lumus dengan Kerajaan Negeri, supaya mewujudkan program-program. Misalnya kita ambil Penang Science Cluster yang telah mereka ini, saya rasa dana yang mereka terima daripada Kerajaan

Negeri sangat kurang, sebab mereka dapat sokongan industri. Di samping itu, kita ada Tech Dome. Tech Dome ini mungkin saya rasa, dana kita memang sudah meningkat. Mungkin kita akan dapat lihat pada masa depan, bahawa bagaimana *financial infrastructural*, bagaimana kita akan jemput mungkin syarikat-syarikat MNC supaya mereka dapat bantu dari segi kewangan dan sebagainya. Okey. Terima kasih. Okey. Mana tadi saya...(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Tak. Soalan 5, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Air Putih, Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai usaha untuk menjadikan pendidikan sebagai jentera penggerak ekonomi.

Selain dengan itu, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada usaha untuk membangunkan bakat tempatan khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Untuk memenuhi permintaan modal insan oleh industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang, seterusnya memajukan perkembangan ekonomi negeri ini.

Sehubungan itu, pada tahun ini Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM3.24 juta untuk penubuhan makmal pencipta, *maker's lab* di 87 buah sekolah di Pulau Pinang. *Makers Lab* merupakan inisiatif yang menyediakan peralatan *coding*, *embedded system*, serta *3D design and printing* untuk melengkapkan pembelajaran kurikulum pelajar sekolah dalam subjek Reka Bentuk Teknologi dan Asas Sains Komputer yang merupakan kemahiran yang penting dalam era Industri 4.0.

Soalan 6, tambahan itu, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kebun Bunga dan Yang Berhormat Pulau Tikus, Kerajaan Negeri juga meneruskan usaha dalam mempromosikan pendidikan STEM melalui Penang Math Platform, Tech Dome Penang, Penang Science Cluster dan juga Penang Digital Library.

Soalan ke 7, Bagi persoalan tentang program *re-skilling* untuk golongan penganggur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya pula, Penang Skills Development Centre (PSDC) sedang dalam proses perolehan kelulusan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi 14 program latihan *re-skilling* untuk graduan diploma dan penganggur. PSDC akan bekerjasama dengan pihak industri dan kolej vokasional bagi program latihan tersebut.

Soalan yang ke 8, Yang Berhormat Sungai Dua bertanya tentang hasil dan bilangan penyertaan program Pembangunan Modal Insan yang telah dilaksanakan khususnya oleh PSDC dan NCIA. Untuk makluman, pada tahun 2019, PSDC telah melatih seramai 7,612 pelajar dalam program-program seperti berikut:

- (i) Kursus Aplikasi Kejuruteraan;
- (ii) Diploma dan Sijil Kejuruteraan;
- (iii) Program Peningkatan Kemahiran Industri;
- (iv) Program German Dual Vocational Training; dan
- (v) Kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, *Soft Skills* dan IT.

Manakala NCIA telah melaksanakan program-program pembangunan modal insan seperti berikut bagi seramai 3,392 orang peserta dalam tahun 2020. NCER Talent Enhancement Program, Meprogram empower NCER dan Program JomKerja @ NCER. Program-program Pembangunan Modal Insan yang dijalankan oleh PSDC dan NCIA ini telah mencapai hasil seperti peningkatan kebolehpasaran dan memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang menganggur, pekerja yang dihentikan kerja dan lepasan sekolah dengan kerjasama dengan sektor swasta.

Soalan ke 9, oleh yang demikian, krew kabin yang dihentikan kerja kerana sektor pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong boleh memohon kepada PSDC dan juga NCIA untuk menyertai kursus dan program yang disediakan.

Soalan ke 10, dalam menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Seri Delima yang mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat melaksanakan inisiatif *Hire Graduates*, dan juga cadangan Yang Berhormat Machang Bubuk agar Kerajaan Negeri melaksanakan skim *apprenticeship*, sukacita dimaklumkan bahawa PSDC menawarkan kursus jangka pendek untuk graduan yang belum mendapat pekerjaan iaitu Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP) sejak tahun 2001.

Program INSEP bertujuan untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran dan kecekapan yang bersesuaian dengan permintaan pihak industri. Graduan yang terpilih akan dilatih di PSDC untuk tiga (3) bulan yang pertama, sebelum menjalani latihan industri di syarikat yang terpilih untuk tiga bulan yang seterusnya. Penyusunan sedemikian mewujudkan situasi menang-menang di mana syarikat dapat meningkatkan produktiviti dengan mengambil graduan yang telah mengikuti program INSEP, manakala graduan dapat memperoleh lebih banyak pengalaman kerja.

Sejak bermulanya program pada tahun 2001, seramai ataupun lebih 3,000 orang graduan telah menjalani program ini dan menurut kajian pengesanan PSDC, sebanyak 95% daripada graduan tersebut telah berjaya mendapat pekerjaan. Minta maaf Speaker, dengan ini pengalaman baru. *Face mask*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. *New normal*.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan ke 11, Yang Berhormat Bukit Tambun telah mengesyorkan supaya cawangan PSDC dibuka di Seberang Perai. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan pada tahun 1989, PSDC berjaya menyediakan pelbagai kursus dan latihan kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang, sama ada di kawasan Pulau dan juga Seberang Perai. Tambahan pula, terdapat pusat-pusat latihan kemahiran yang sudah tersedia di Seberang Perai seperti Politeknik Seberang Perai, Kolej Vokasional Butterworth dan juga Institut Kemahiran Tinggi Belia Bukit Mertajam. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membuat sebarang pertambahan cawangan PSDC dalam masa yang terdekat.

Yang 12, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Batu Lancang...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat minta laluan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey. Tentang?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Tentang PSDC. So cadangan ini pernah juga saya timbulkan pada beberapa Sidang sebelum ini di kawasan Butterworth untuk diwujudkan salah satu cawangan PSDC kerana kita nampak sekarang kawasan Batu Kawan, Bukit Tambun cukup banyak industri-industri baru, FDI baru tertumpu di kawasan tersebut. Walaupun kita ada IKBN, politeknik yang dia tidak ada imej seperti PSDC sebab industri dia lebih suka kepada PSDC, so saya minta kalau dalam masa terdekat boleh buat kajian jika *maybe in 5 or 10 years* satu cawangan dibuka juga ataupun Seberang Perai Skill Development Center (SPSDC).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Sebenarnya saya ataupun Kerajaan Negeri tidak bertolak cadangan tadi. Ini kita merupakan PSDC satu institusi terkemuka di Pulau Pinang dan saya harap bahawa institusi seperti PSDC diadakan tiap-tiap negeri di Malaysia dan saya juga suka bahawa suatu masa nanti kita ada PSDC di Seberang. Tapi, pada masa terdekat tidak ada apa-apa rancangan supaya mewujudkan institusi ataupun satu cawangan PSDC di Seberang Perai ataupun Seberang Jaya. Jadi walau bagaimanapun, saya rasa bahawa kualiti graduan daripada PSDC adalah sangat tinggi dan *job matching* ataupun keperluan industri dapat dicapai apabila graduan ini mengeluarkan dan saya rasa mungkin hampir 100% dapat pekerjaan dengan gaji yang saya rasa cukup baik.

Ke 12, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Batu Lancang tentang *attachment* di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri bagi pelajar universiti yang telah tamat pengajian dan belum bekerja, para graduan ini boleh memohon jawatan kontrak di bawah Kerajaan Negeri melalui, tapi saya rasa boleh juga mereka memohon untuk Kerajaan Negeri, tapi lebih elok mereka ini ada *attachment* dengan industri-industri lah.

Soalan ke 13, Yang Berhormat Bukit Tengah telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri menaikkan gred pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) J41 supaya setara dengan gred pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) J48 memandangkan beban tugas pegawai JPS yang berat. Untuk makluman Yang Berhormat, JPS Pulau Pinang sedang menyediakan cadangan pengukuhan jawatan yang lengkap merangkumi naik taraf jawatan Jurutera Daerah Gred J41 kepada J48 untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri adalah kerajaan yang menghormati dan meraikan kepelbagaian dan kebebasan beragama di Pulau Pinang. Sehubungan itu, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang telah memainkan peranan yang utama dalam melindungi hak dan kepentingan penganut Hindu di Pulau Pinang. Lembaga tersebut telah menjadi pemudah cara untuk mendapatkan tanah yang sah bagi kuil-kuil yang menghadapi ancaman perobohan seperti Kuil Devi di Sri Karumariamman, Kuil Dewi Sree Ruthra Maha Kaliyamman dan yang telah diroboh oleh Kerajaan PAS di Kedah baru-baru ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta penjelasan sedikit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, sila.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Perai di atas penerangan khususnya tentang peranan Penang Hindu Endowment Board yang bertungkus-lumus untuk memastikan rumah-rumah ibadat di negeri ini tidak akan dirobohkan sewenang-wenangnya seperti mana yang kita boleh lihat di Negeri Kedah ini. Jadi jawapan yang diberikan oleh EXCO juga telah mengukuhkan lagi peranan dan pendirian Kerajaan Negeri bahawasanya tiada tindakan sebarang boleh di ambil ke atas Rumah Ibadat Bukan Islam ini tanpa sebarang perbincangan ataupun apa. Jadi, kita cuma nak dapatkan satu kepastian sebab banyak juga penganut-penganut di Negeri Pulau Pinang ini bertanya kepada kita di mana mereka takut kalau kuil atau tokong mereka tiba-tiba awal pagi, tengah malam, terdapat Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan penguatkuasaan dan merobohkan kuil....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, isu ini sudah beberapa kali timbul dan telahpun beberapa kali dijelas oleh pihak EXCO. Saya minta Yang Berhormat Perai kalau...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat Speaker, yang ini penting sebab saya nak tambah satu saja. Berkenaan dengan, sebab ADUN kawasan itu tidak boleh bersuara dalam Dewan ini...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Siapa?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat Sungai Bakap. So saya bagi pihak dia saya perlu....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tau..isu ini..Yang Berhormat Perai pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Isu Sungai Jawi di mana 3 Sungai Kecil, 3 kuil telah dikeluarkan notis oleh mahkamah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Semua Yang Berhormat Perai tau.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Respect kepada Yang Berhormat Speaker, apa ini cuma Lembaga Wakaf ini satu-satu di Pulau Pinang. Tidak ada Lembaga Wakaf Hindu di mana-mana negeri. Itu semasa Pakatan Harapan ini, jadi satu manifesto di mana kita tubuhkan Lembaga Wakaf Hindu. Lembaga Wakaf Hindu bukanlah badan agama. Ia cuma badan pentadbiran yang menguruskan hal ehwal macam kuil Hindu dan sebagainya. So itu bukan badan agama. Lembaga Wakaf Hindu dan seperti kita tahu apa sejarahnya. So jadi dalam Pulau Pinang, apabila Pakatan Rakyat kemudiannya Pakatan Harapan ambil alih dari 2008 hingga hari ini tidak ada mana-mana kuil Hindu mana-mana yang telah dirobuhkan. Kita runding. Kalau kuil itu di tanah bukan milik dia, kita runding tuan tanah. Kalau tuan tanah itu Kerajaan Negeri, kita runding kemudian kita selesaikan. Itu cara yang terbaik dan kita akan mengamalkan prinsip ini dan baru-baru ini ada satu usaha di Ladang Sungai Kecil di Nibong Tebal di mana pemilik tanah sudah ambil *court order*. Semalam, *stakeholder* pun sudah gagal ambil *court order* supaya dia masuk *eviction*, dan di samping itu, MBSP sudah halang dia. Ya *eviction* tapi tidak boleh usik struktur sana. Ada 23 rumah, ada tiga (3) buah kuil dan sebagainya. Tebang pokok pun tidak boleh.

So jadi kita merunding dengan pemilik. Satu penyelesaian yang terbaik seperti beberapa tapak kita runding dan mendapat satu persetujuan. Tapi Kerajaan Negeri pun juga supaya kita buat pengambilan. Tapi saya rasa, mahkamah sudah memberi tarikh 19 hari bulan supaya pemilik boleh menguatkuasakan itu, *plaintiff order bailiff*. Tapi kita jugalah runding, kalau kita runding kita boleh, kalau dia jual tanah saya rasa ada juga pihak ini mahu beli tanah dan selesaikan perkara ini. So kita tunggu lagilah. Tengok apa jadi pada 19 hari bulan, okey.

Yang Berhormat Bagan Dalam, bahawa Lembaga Wakaf Hindu akan bermain satu perantaraan antara Kerajaan Negeri, antara pemilik-pemilik supaya kita dapat satu pencapaian, satu penyesuaian yang terbaik untuk kepentingan Kerajaan Negeri dan kepentingan penduduk di Pulau Pinang.

Jadi, kita adalah satu badan yang rasional dan sebagainya. Jadi, akhir sekali sebagai penutup, bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan soalan-soalan mengenai portfolio saya iaitu Pembangunan Modal Insan, Pendidikan serta Sains & Teknologi. Saya berharap dengan cadangan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dapat membantu saya dan Kerajaan Negeri untuk memperkembangkan lagi pelaksanaan dan arah tuju yang dirancang dalam memberikan nilai kepada pendidikan dan Pembangunan Modal Insan di Pulau Pinang serta memperkasakan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Perai, dan saya ingin mempersilakan Pinang Tunggal.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. (Bacaan doa). Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *Alhamdulillah*, syukur kepada Allah SWT yang memberi peluang kepada saya untuk berucap, menggulung di hari Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan Dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 pada 12 Oktober 2020 yang lalu dengan tema "Transformasi Pemulihan dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baharu Terbilang".

Belanjawan tahun 2021 ini memberi tumpuan kepada empat (4) teras utama untuk memulihkan ekonomi Pulau Pinang pasca COVID-19 iaitu Fokus Meningkatkan Pelaburan dan Produktiviti, Membangunkan Infrastruktur, Menambah Baik Kualiti Hidup Rakyat serta Memperkasakan Peranan dan Bakat Modal Insan.

Semoga dengan semua inisiatif yang telah dirangka melalui Belanjawan Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2021 serta usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Khas untuk merangsang pertumbuhan ekonomi pasca COVID-19 iaitu *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* atau PSERCC, ekonomi negeri kita akan kembali pulih kepada situasi sebelum dilanda wabak COVID-19.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, tali leher. Nanti siaran langsung, tak cantik. Nanti isteri marah.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan. Patutnya tegur saya awal lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sorry lah. Maafkan saya kerana lambat.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Sedar atau tidak. Tak sedar langsung. Tirai 2020 bakal berlabuh dalam masa dua (2) bulan lagi. Tiga perempat daripada tahun ini, kita diasak dengan cabaran-cabaran hebat di mana tiada satu pun negara yang terkecuali dengan usaha-usaha untuk menstabilkan penularan wabak COVID-19 serta usaha-usaha untuk memulihkan apa jua yang telah terkesan dengan wabak ini.

Ketika berlakunya penularan wabak di negeri Syam, satu ketika dahulu, Khalifah Umar bin Khattab telah membatalkan hasrat beliau untuk melawat seorang sahabat Baginda S.A.W. iaitu Abu Ubaidah al-Jarrah sebaik sahaja mendengar Abdul Rahman bin Auf membaca sebuah hadis yang bermaksud:

"Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Maka, mengambil iktibar daripada kisah ini, marilah sama-sama kita mematuhi SOP dan mengamalkan norma kehidupan yang baharu serta meningkatkan kawalan keselamatan sendiri di mana sahaja kita berada bagi membendung penularan wabak COVID-19 di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sentuh tentang Hal Ehwal Agama Islam. Selaku Pengerusi Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Agama Islam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas komitmen yang diberikan bagi memartabatkan Agama Islam sebagai agama rasmi Negeri Pulau Pinang ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada sepotong ayat suci Al-Quran yang menjadi pegangan dalam mengemudi bahtera pentadbiran agama Islam di negeri ini.

Allah SWT berfirman:

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)"

Berbekalkan motivasi inilah, saya menerusi MMK Hal Ehwal Agama Islam telah merangka sebuah pelan pembangunan 10 tahun khusus buat umat Islam Pulau Pinang yang dinamakan sebagai agenda Khaira Ummah 2030.

Dato' Yang di-Pertua,

Khaira Ummah adalah merupakan inisiatif MMK Hal Ehwal Agama yang telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 1 Muharram 1442 Hijrah (bersamaan 19 Ogos) di Masjid Albukhary Bandar Sri Pinang. Gagasan ini tercetus untuk, dengan membawa tema "Membangun Khaira Ummah".

Selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Agenda Penang2030, Khaira Ummah berjalan seiring dan sejalan dalam menjayakan wawasan umat Islam khususnya dan rakyat Pulau Pinang amnya.

Demi memastikan relevansi pelan pembangunan ini, terdapat lima (5) rasional telah dikenalpasti seperti berikut:

- (a) Keperluan *road map* jelas untuk menyusun pentadbiran Islam Pulau Pinang;
- (b) Menggembeng kekuatan semua agensi Islam dalam satu (1) kesatuan pemikiran '*wahdatul fikr*';
- (c) Penyediaan perancangan bersepadu selama 10 tahun yang boleh diukur dan disemak dalam setiap Mesyuarat MMK Agama;
- (d) Menjadi benteng kepada fitnah-fitnah yang menyerang pentadbiran Islam Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan
- (e) Meningkatkan prestasi semua agensi Islam Pulau Pinang dalam memberi khidmat yang terbaik buat umat.

Demi menyampaikan hasrat dan kesungguhan pentadbiran Islam negeri ini kepada umat Islam, Jelajah Khaira Ummah 2030 telah diatur ke semua daerah. Program ini merangkumi ceramah motivasi, pameran Khaira Ummah 2030 dan juga pameran agensi-agensi Islam Pulau Pinang.

Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Tanggungjawab Sosial. Penularan virus COVID-19 telah menjadi suatu topik global yang hangat ketika ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan, YB. Tentang Khaira Ummah terutamanya saya nak buat tambahan sedikit soalan tentang berkaitan dengan Khaira Ummah. Berapa peruntukan yang disediakan untuk keseluruhan? Mungkin untuk tahun ini sahaja ka atau untuk keseluruhan sampai ke ni? Kedua tentang sebelum kita buat program ni, adakah kajian dilaksanakan? Kajian yang terdahulu, program terdahulu dan kajian untuk pelaksanaan program ni. Dan yang ketiga, tentang kewujudan satu

stakeholder ni. Ada cadangan untuk wujudkan satu *stakeholder*. Adakah dia merupakan orang tempatan, ataupun orang luar? Dan adakah dia dipilih oleh pihak Majlis sendiri?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Baik, terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Khaira Ummah, Gagasan Khaira Ummah ni sebenarnya adalah, bukanlah satu *strategic planning persay*, bukan satu yang asing. Dia lebih kepada penyusunan semula semua aktiviti-aktiviti dan perancangan yang telahpun dibuat oleh semua agensi-agensi Agama Islam di Negeri Pulau Pinang ni, selama ni. Jadi, ianya memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti tersebut memberi, ataupun kita meletakkan *priority* supaya kesannya akan lebih efektif kepada umat. Apa yang dijalankan selama ini akan lebih berkesan. Jadi, tidak ada perbelanjaan khas untuk tujuan tu. Di mana perbelanjaannya adalah perbelanjaan pembangunan negeri, ataupun pentadbiran negeri setiap tahun. Itulah perbelanjaan yang digunakan, cuma kita menyusun semula perbelanjaan-perbelanjaan itu supaya ianya lebih berkesan dan lebih efisien.

Dan *stakeholder* pulak kita memilih *stakeholder* untuk menjalankan ataupun untuk memberi panduan-panduan kepada Gagasan ini, kepada strategik inisiatif ini berdasarkan kepada penglibatan mereka lah di dalam Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam ini, kerana dan mereka bukanlah sahaja daripada negeri ini, malah kalau kita fikirkan, kalau kita *identify*, kenalpasti ada pihak-pihak lain yang dapat memberi sumbangan, maka kita namakan mereka sebagai *stakeholder*.

Baik, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Zakat Pulau Pinang dan tanggungjawab sosial. Penularan virus COVID-19 telah menjadi suatu topik global yang hangat ketika ini. Bagi Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa pendekatan strategik sama ada melalui operasi pentadbiran yang lebih berkesan dan pengumuman pakej ransangan ekonomi yang menjurus kepada sektor dan golongan yang terjejas teruk disebabkan oleh langkah pembendungan dan mitigasi seperti PKP yang dilaksanakan. Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang berjumlah RM155.5 juta (sehingga 30 September 2020) telah disalurkan kepada golongan yang terkesan dan mengaktifkan kembali sektor ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Pada masa yang sama, Bantuan Khas COVID-19 Zakat Pulau Pinang juga termasuk dalam jumlah keseluruhan inisiatif Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang tersebut. ZPP merupakan institusi zakat di Malaysia yang paling awal melancarkan Skim Bantuan Khas COVID-19 kepada golongan yang terjejas khususnya golongan asnaf di Pulau Pinang. Keseluruhan Pakej Bantuan Khas COVID-19 ZPP berjumlah RM15.7 juta setakat 15 Ogos 2020.

Pakej Bantuan COVID-19 ZPP ini didorong oleh tiga (3) objektif iaitu:

- (a) Melindungi masyarakat;
- (b) Menyokong jaminan ekonomi isi rumah; dan
- (c) Mengukuhkan institusi sosial.

Berdasarkan data statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan badan-badan penyelidikan ekonomi seperti Malaysian Institute of Economic Research (MIER) dan sebagainya, ZPP telah dapat menjangkakan corak golongan yang terkesan dengan krisis COVID-19 itu. Pada 23 Mac 2020, ZPP telah melancarkan Pakej Bantuan Khas COVID-19 Fasa 1 yang berjumlah RM5.631 juta kepada golongan yang paling awal menerima impak akibat pelaksanaan Perintah Pergerakan oleh kerajaan.

Empat (4) Pakej Bantuan Fasa 1 telah dilancarkan iaitu:

- (a) Bantuan Pertama: Mensasarkan golongan peniaga kecil dan penjaja gerai tepi jalan dengan setiap ketua keluarga diberi bantuan sebanyak RM500.00.
- (b) Bantuan Kedua: Merupakan Bantuan Kewangan Sara Hidup Bulanan yang dipercepatkan penyalurannya kepada asnaf fakir dan miskin.
- (c) Bantuan Ketiga: Bantuan Kecemasan Kariah. Bantuan ini menfokuskan kepada masyarakat muslim yang terputus makanan semasa krisis dibuat melalui masjid-masjid.

- (d) Bantuan Sumbangan Kepada Masjid Dan Surau Di Pulau Pinang yang berjumlah lebih 712 buah yang melibatkan 236 kariah. Peruntukan ini untuk kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman sebabnya adalah masjid dan surau dikenalpasti sebagai *risk* tinggi untuk penyebaran COVID-19 bagi.

Bantuan ZPP Fasa ke-2 bertujuan membantu pihak-pihak pemegang taruh (*stakeholders*) ke atas rakyat di Pulau Pinang seperti Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan merancang pengawalan kesan ekonomi dalam bentuk jaminan sosioekonomi khususnya pada masyarakat muslim sebanyak RM2.6 juta telah diperuntukkan melalui agihan dana zakat kepada golongan sasar seperti pekerja yang bergaji harian, terutama dalam bidang industri, pemandu e-hailing, pemandu teksi dan guru-guru agama dan tahfiz yang terjejas pendapatan isi rumah. Bagi bantuan ini, peruntukan sebanyak RM3.0 juta untuk meringankan beban yang akan dihadapi sepanjang tempoh krisis ini. ZPP juga telah mengambil inisiatif terhadap keperluan pasukan barisan hadapan, *frontliners* di Pulau Pinang. Sumbangan diberikan dalam bentuk pakaian, perlindungan diri PPE, yang terdiri daripada suit perlindungan, gaun plastik, pelindung kepala dan kasut pelindung kepada petugas-petugas kesihatan di Hospital Seberang Jaya. Pada pertengahan April 2020, ZPP menyedari bahawa masyarakat muslim akan menyambut Ramadan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan. Tentang bantuan kepada *frontliners*. Saya cuma hendak cadang, kalau boleh Sekolah Agama Rakyat ini akan dibuka. Jadi kalau boleh Zakat tengok sikit untuk bantuan *sanitizer*, *mask* kepada sekolah. Banyak sekolah yang menghadapi masalah.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Baik, terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Untuk makluman, bantuan kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat baru saja diberikan melalui bantuan Kerajaan Negeri. *Insyallah* kita akan lihat juga peralatan *sanitizer* dan perkara-perkara yang serupa dengannya. Terima kasih.

Pada pertengahan April, ZPP menyedari bahawa masyarakat muslim akan menyambut bulan Ramadhan dalam suasana krisis COVID-19. Sebelum berakhir menyedari keadaan ini, ZPP juga responsif dalam menyantuni golongan asnaf untuk mengharungi situasi getir yang melanda. Justeru, peruntukan sebanyak RM6.23 juta diagihkan melalui dana zakat kepada golongan fakir miskin yang dianggarkan hampir 12,000 orang. Keseluruhan agihan dana melalui pakej bantuan COVID-19 adalah berjumlah RM15.7 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, prestasi semasa zakat sehingga sekarang. Berdasarkan prestasi semasa operasi kutipan zakat, menerima impak yang *significant* sepertimana institusi zakat di negeri lain akibat krisis pandemik COVID-19. Impak yang ketara penyusutan jumlah kutipan zakat berlaku penyusutan jumlah kutipan zakat berlaku bermula bulan April. Justeru pada penghujung Julai 2020, ZPP telah melakukan semakan unjuran zakat pada tahun ini dan kerana ianya telah menurun sebanyak 10% daripada sasaran awal tahun 2020. Sehingga 30 September, jumlah kutipan zakat harta menyusut sebanyak 1.5% berbanding jumlah kutipan zakat pada tahun 2019. Sementara bantuan agihan dan penerima zakat telah meningkat dengan ketara bermula April 2020 sehingga 30 September, jumlah agihan zakat meningkat sebanyak 8% seiring dengan peningkatan jumlah penerima bantuan zakat sebanyak 34.64%.

Berdepan dengan fenomena luar biasa ini, ZPP perlu segera mengambil langkah proaktif secara konkrit dan komprehensif dalam pelbagai aspek sosial ekonomi ummah untuk menjadi benteng umat Islam di Pulau Pinang, meningkatkan keupayaan diri untuk berdepan dengan realiti baharu yang lebih mencabar. ZPP sangat bertuah mendapat kerjasama yang erat daripada Kerajaan Negeri dan pemimpin-pemimpin khususnya di kalangan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini.

Saya sentuh pula Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), satu lagi agensi di bawah MAINPP. Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang merupakan institusi Pengajian Tinggi milik penuh MAINPP. Pada permulaannya, Ma'ahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Pulau Pinang yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 dengan bilangan tenaga pengajar

enam (6) orang dan 30 orang pelajar telah dinaiktaraf menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi dan dinamakan kepada Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB).

KITAB Pulau Pinang pada dasarnya telah ditubuhkan pada 12 Mei 2004 dengan mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia memulakan pengambilan pelajar pertama pada tahun 2005. Selama hampir lebih kurang 15 tahun KITAB telah beroperasi, KITAB telah melahirkan 1,237 graduan Diploma dan Pensijilan dalam bidang Tahfiz, Syariah dan Kewangan Islam. Graduan-graduan diploma KITAB telah berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah, Sarjana Muda di universiti-universiti tempatan mahupun universiti-universiti di Timur Tengah, Jordan dan Mesir. Dalam kalangan mereka, ada berjaya menjadi peguam professional, pendakwah, selebriti, usahawan dan sebagainya.

Seterusnya saya akan menyentuh tentang wakaf. Wakaf Pulau Pinang merupakan sebuah lagi institusi di bawah Majlis Agama Islam walaupun dalam usianya yang masih setahun jagung. Namun peranan Wakaf Pulau Pinang pada landasannya sangat mengujakan. Wakaf Pulau Pinang bersama-sama dengan MAINPP bertanggungjawab mengurus, mentadbir dan mengembangkan potensi harta wakaf dengan tadbir urus yang terbaik.

Wakaf Pulau Pinang secara khususnya berperanan untuk memberi kesedaran atau wakaf *awareness* kepada masyarakat melalui promosi kreatif dan *strategic marketing*...(dengan izin) sehingga masyarakat mengetahui dan memahami betapa pentingnya wakaf produktif dalam kehidupan masyarakat Islam. Dalam usaha untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat, pengurusan dan dana wakaf perlu diagihkan dengan kadar segera mengikut keutamaan projek dan manfaatnya. Ini adalah amanah awam yang perlu diurus tadbir oleh Wakaf Pulau Pinang, dan MAINPP dengan telus dan efisien. Kejayaan MAINPP membangunkan perumahan berkonsepkan wakaf terbukti dengan kejayaan projek Waqaf Seete Aishah Seberang Jaya, Pangsapuri Wakaf An Nur, Telok Air Tawar, Pangsapuri Wakaf Mohamad Hashim, Seberang Jaya, Pangsapuri Siti dan Hajjah Norijah, Sungai Nibong Pulau Pinang dan banyak lagi yang lain.

Institusi Pendidikan berteraskan wakaf telah wujud di Pulau Pinang sejak berdekad yang lalu. Madrasah Al-Mashoor ada contoh terbaik. Untuk itu, perancangan pembangunan 10 tahun KITAB adalah untuk menjadikan ianya sebuah universiti berkonsepkan wakaf dengan mengambil panduan dari Universiti di Turki dan Mesir. Ianya menjadikan Pulau Pinang hub pendidikan berteraskan wakaf di Malaysia.

Tanah kosong perlu dibangunkan daripada terus terbiar, terbengkalai atau dibiarkan tidak diusahakan. Projek jangka pendek tanaman nenas di tanah wakaf Al Masriyah seluas 12 ekar dengan lebih 100,000 pokok menjadi projek sulung wakaf hybrid usahasama MAINPP, Zakat Pulau Pinang, Wakaf Pulau Pinang dan Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya akan ulas soalan-soalan yang dikemukakan. Pertama daripada Yang Berhormat Sungai Dua dan Yang Berhormat Bayan Lepas telah melahirkan harapan supaya peruntukan pembangunan yang diperuntukan bagi institusi keagamaan dapat digunakan dengan baik memandangkan peruntukan yang diperolehi adalah tinggi sebagaimana ucapan Bajet Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 12 Oktober yang lalu. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bagi tahun 2021, sejumlah RM64.16 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan, penyelenggaraan dan kelengkapan institusi keagamaan di Pulau Pinang. Ini adalah sebanyak kos pembinaan projek-projek yang terlibat. Sementara kos untuk pembangunan yang di *provide* oleh peruntukan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM18.6 juta.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Yang Berhormat TKM, dalam ucapan saya, saya ada menyentuh mengenai apa yang disuarakan oleh Sungai Dua, yang mana Ketua Pembangkang maklumkan bahawa RM64.61 termasuk dengan belanja pengurusan. Jadi mohon pecahan. Adakah ia masuk sekali dengan bajet pengurusan macam bayar gaji dan sebagainya? Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya akan semak dan kemukakan kepada Yang Berhormat nanti. Saya faham daripada pembacaan itu adalah RM64 itu adalah kos projek yang akan dilaksanakan pada tahun kos semua projek yang sedang dan akan diteruskan dalam tahun 2021.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Pinang Tunggal, saya dapat jawapan bertulis. Saya minta penjelasan tentang peruntukan tahun 2019. Pecahan daripada jumlah RM5.8 juta. Apa pecahan perbelanjaan sehingga bulan Sembilan 2019? Dijawab dalam jawapan bertulis pecahan termasuk emolumen daripada RM5.8 juta itu ada emolumen Majlis Agama, emolumen Jabatan Agama, emolumen Kehakiman Syariah dan sebagainya. Tolak daripada emolumen itu, cuma 30 % untuk pembangunan Islam pendidikan dan sebagainya. Itu yang saya dapat jawapan, biasa. Itu yang akan 2021 pun macam itu pecahannya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya akan *confirm* kemudian. Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pembangunan di bawah P.13 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sebanyak RM18.61 juta. Ini adalah yang saya sebutkan tadi. RM18.61 adalah peruntukan pembangunan bagi tahun 2021 berbanding RM11.09 juta bagi tahun 2020, ada peningkatan sebanyak RM7.52 juta di situ. Memperlihatkan peningkatan sebanyak RM7.52 juta atau 67.8%.

Bagi tahun 2021 beberapa masjid baharu akan dibina atau dinaik taraf seperti Masjid Habib Almas di Tanjung Tokong, Masjid Sungai Nibong Besar di Bayan Baru, Masjid Permatang Bogak di Kepala Batas, Masjid Bandar Tasek Mutiara di Simpang Ampat dan Masjid Taman Pelangi di Juru. Selain itu, peruntukan tersebut juga disediakan bagi kerja-kerja pembaikan kecil seperti menaik taraf tandas, membaiki kebocoran bumbung serta membina kantin bagi Sekolah Agama Rakyat, Sekolah KAFA, Sekolah Islam dan Tadika Islam (TADIS). Projek-projek baru turut melibatkan kerja-kerja meroboh dan membina baharu Madrasah Al-Ittihadiyah Al-Wataniyah, Machang Bubuk dan kerja-kerja membina baharu Sekolah Agama Rakyat Masjid Telok Air Tawar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Di Permatang Bogak dan Sekolah Agama Rakyat Permatang Buluh, saya rasa yang ini peruntukan yang tahun lepas, yang lama.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya, penerusan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penerusan. Masukkan dalam peruntukan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

RM14.6 itu adalah termasuk dalam penerusan untuk membiayai projek-projek yang sedang berjalan. Selain pembinaan atau naik taraf beberapa masjid, dan pembinaan baharu institusi pendidikan Islam turut dalam perancangan bagi tahun 2021, adalah cadangan pemindahan Pejabat Agama Daerah Timur Laut daripada pejabat sedia ada di aras 34 KOMTAR ke bangunan lama dua tingkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. Lokasi baharu pemindahan ini adalah berdekatan dengan bangunan baharu Mahkamah Syariah. Cadangan pemindahan ini adalah untuk memudahkan orang awam berurusan dan mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Pejabat Agama Daerah Timur Laut.

Yang Berhormat Sungai Dua juga telah membangkitkan isu berkaitan perancangan strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan 10 Tahun Umat Islam Pulau Pinang atau Khaira Ummah 2030 dapat dilaksanakan secara menyeluruh mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Yang Berhormat Sungai Dua juga telah menyuarakan kekhawatiran beliau sekiranya Khaira Ummah 2030 tidak dapat dilaksanakan sebagaimana dirancang. Misalnya jika berlaku pertukaran EXCO pada masa hadapan.

Untuk makluman, Yang Berhormat Khaira Ummah 2030 tidak hanya menumpukan kepada perancangan pembangunan seperti yang saya sebutkan tadi. Ia adalah penyusunan semula aktiviti-aktiviti dan juga belanjawan yang memang telahpun ada pada setiap tahun. Cuma kita membuat penekanan kepada beberapa aktiviti untuk memberi keberkesanan yang lebih baik. Inisiatif ini akan menilai semula memberi nafas baru dan melaksanakan secara bersepadu dan *integrated*. *That's* semua program pembangunan umat Islam supaya lebih berkesan dan efisien. Ke semua komponen dalam Khaira Ummah 2030 telah disusun dan diberi penekanan agar selari dan menyokong pelaksanaan agenda Penang2030 yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Sererusnya Yang Berhormat Sungai Dua, juga mengharapkan agar penglibatan yang menyeluruh daripada semua agensi dan tidak hanya kepada jabatan/agensi yang bertanggungjawab menguruskan Hal Ehwal Agama Islam sahaja untuk melaksanakan program-program yang dirancang dalam Khaira Ummah 2030.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak perangkaan pelan tersebut, pelbagai jabatan/agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) dilibatkan untuk mendapatkan input serta maklumat. Terbaharu, satu bengkel perbincangan pelan ini telah diadakan pada 21 September 2020 melibatkan lebih 100 orang pemegang taruh (*stakeholders*). Selain daripada Jabatan atau agensi berkaitan Hal Ehwal Agama Islam, NGO Islam dan orang perseorangan, pemegang taruh yang hadir ke bengkel tersebut terdiri daripada wakil jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang lain seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Pendidikan, MARA dan lain-lain lagi.

Mengenai cadangan berkenaan pembinaan hospital yang berkonsep mesra ibadah yang terletak di Bayan Baru. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan hospital mesra ibadah ini adalah projek Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP). Pihak YIPP telah mengemukakan dokumen Kebenaran Merancang kepada MBPP pada 22 Januari 2020. Namun akibat PKP, perkara ini turut terjejas. Pada 13 Oktober yang lalu, pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah meluluskan pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah YIPP yang baru untuk meneruskan perancangan pembinaan hospital oleh YIPP ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Sungai Dua turut membangkitkan isu berkaitan harga dan konsep jualan Rumah Jabatan Wakaf Dan Haji (JAWHAR) di Telok Air Tawar. Projek ini adalah kerjasama antara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan JAWHAR untuk membangunkan dua (2) blok bangunan pangsapuri yang terdiri daripada 152 unit rumah, dewan serbaguna, ruang kedai, tadika, 272 unit tempat letak kereta dan pondok pengawal.

Untuk makluman, pada 10 September 2020, MAINPP telah membuat keputusan supaya unit-unit kediaman bagi Pangsapuri Wakaf An-Nur disewakan terlebih dahulu disebabkan oleh kesulitan untuk mendapatkan menyelesaikan urusan hak milik strata disebabkan projek ini dijalankan melalui jabatan kerajaan. Oleh sebab itu, MAINPP telah memutuskan untuk disewa kerana unit-unit berkenaan sebab perlu digunakan unit telah siap tersedia. Kalau ada masalah tentang sistem jual beli maka ianya tidak dapat dilaksanakan maka unit-unit itu akan terbiar. Jadi kita buat keputusan untuk menyewa terlebih dahulu sebelum diselesaikan skim sewa beli yang dicadangkan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Sungai Dua bahawa projek ini dapat membantu menyediakan kemudahan kediaman kepada penduduk Islam yang berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri melalui MAINPP akan terus berusaha untuk menyediakan lebih banyak kediaman berbentuk unit rumah mampu milik di tanah-tanah wakaf dan Baitulmal kepada golongan berpendapatan rendah. Yang Berhormat Sungai Dua juga telah membangkitkan isu berhubung Rang Undang-Undang (RUU) Pengembangan Agama Bukan Islam (Kawalan dan Sekatan) (Negeri Pulau Pinang) 2020 serta mencadangkan supaya RUU tersebut dapat diteliti dan dipinda pada masa akan datang. Kerajaan Negeri menyambut baik syor tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Dua, draf RUU tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Undang-Undang dan dalam proses untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Undang-Undang yang selanjutnya. Sehingga kini, RUU tersebut dirancang untuk

dibentangkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri yang akan datang, dijangka pada bulan April 2021.

Seterusnya Yang Berhormat Sungai Dua telah mengutarakan soalan berkaitan tanah perkuburan yang tidak mencukupi di kawasan Sungai Dua. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat keseluruhan 12 kariah, di mana tiga (3) kariah adalah di bawah pengurusan Pejabat Agama Daerah SPU di Kepala Batas, dan sembilan (9) lagi di dalam pengurusan Pejabat Agama Daerah SPU di Butterworth. Kerajaan Negeri prihatin dengan isu kepadatan kubur di negeri ini termasuk ketiadaan tanah perkuburan di DUN Sungai Dua. Oleh sebab itu, MAINPP melalui JHEAIPP telah membuat permohonan bajet tahun 2021 bagi melaksanakan pengambilan tanah seluas 1.13 hektar di Lot 3457, Mukim 16, SPU bagi cadangan tapak Perkuburan Berpusat Daerah Seberang Perai Utara. Tanah Perkuburan Berpusat ini dijangka dapat menampung 2,000 lot kubur melibatkan anak-anak kariah seramai 60,000 orang bagi masjid-masjid yang belum mempunyai tanah perkuburan sendiri seperti Masjid Al-Amin, Masjid Telaga Air, Masjid Mak Mandin, Masjid Abdul Qadir dan Masjid Padang Menora.

Bagi mengatasi isu kepadatan atau ketiadaan tanah perkuburan dalam tempoh terdekat, dicadangkan supaya kariah terlibat berkongsi tanah perkuburan dengan kariah terdekat yang masih kosong seperti yang dipraktikkan oleh Masjid Al-Amin yang berkongsi dengan Masjid Al-Rasyid. Manakala bagi tempoh jangka masa panjang, pembangunan Tanah Perkuburan Berpusat yang sedia ada secara bertingkat boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah kepadatan ini. Untuk makluman YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, MAINPP telah diberimilik tanah Kerajaan seluas 1.46 ekar di Jelutong dan MAINPP dalam perancangan untuk mewujudkan tanah perkuburan tersusun dan boleh digunakan secara berulang kali (*recycle*). Kapasiti pengkebumian mayat untuk pusingan pertama dijangkakan dapat menampung 1,000 jenazah dan ini dipraktikkan di Singapura.

Yang Berhormat Bukit Tambun pula ingin mendapatkan maklumat berkenaan status Masjid Bandar Cassia...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Minta laluan, tanah perkuburan berpusat ini yang lama dah ka atau pun buat yang baru. Yang lama ada dekat Pinang Tunggai.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ini untuk kawasan ya di Sungai Dua, Butterworth.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Baru la, okey, terima kasih banyak-banyak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Masjid Bandar Cassia, untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja menambun tanah dan pagar telah pun siap di atas tapak seluas 4.0 ekar Lot 282 dan telahpun siaplah pembinaan penambunan tanah dan telah pun diserahkan kepada MAINPP lah untuk dirancang pembinaan masjid disitu.

Yang Berhormat Bayan Lepas pula berminat untuk mengetahui berkenaan pembinaan Pusat Pendidikan Al-Itqan yang telah melebihi tiga (3) tahun dan turut memohon campur tangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memudahkan memudahcara isu tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes pembinaan Pusat Pendidikan Al-Itqan, MAINPP hanya terlibat secara usahasama Pusat Pendidikan Al-Itqan bagi membeli lot tanah bersebelahan bangunan sekolah yang sedia ada sahaja dan tidak pernah terlibat dengan cadangan pembinaan bangunan sekolah yang baru. Itu diurus sendiri oleh Sekolah Al-Itqan.

Walau bagaimanapun, menurut pentadbiran sekolah, pihak kontraktor pernah menjalankan kerja-kerja pembersihan tapak pada Julai 2020 yang lalu. Namun sehingga kini, belum terdapat sebarang kerja-kerja tapak dilaksanakan. Pihak sekolah setakat ini masih menyewa bangunan di sebuah sekolah agama di Sungai Ara sejak tiga (3) tahun yang lalu.

Dato' Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada MMK Pemerkasaan Komuniti. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Pulau Pinang bagi Penggal 2019/2020 pada awalnya adalah program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) manakala MPKK Kampung Baru di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kedua-dua Kementerian menyediakan peruntukan elaun ahli-ahli MPKK dan Kerajaan Negeri topup dan mengurus bayaran elaun-elaun tersebut. Walau bagaimanapun, berikutan peralihan pucuk pimpinan Kerajaan Pusat pada 29 Februari, MPKK telah diletakkan keseluruhannya di bawah pengurusan Kerajaan Negeri termasuklah elaun diperuntukkan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri bermula Julai 2020. Bagi tahun 2020, KPLB telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM3.158 juta dan Kerajaan Negeri pula menyalurkan peruntukan sebanyak RM5.408 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan keanggotaan MPKK Negeri Pulau Pinang Penggal 2019/ 2020 akan berakhir pada 31 Disember ini dan pelantikan anggota bagi Penggal hadapan 2021/2022 akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua ahli MPKK yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat. Pada tahun ,...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Minta penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Pinang Tunggal. Saya nak bangkitkan satu isu mengenai MPKK jugalah kerana kita boleh melihat bahawa pindaan perlembagaan telahpun dibuat di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk memberi peluang kepada anak-anak muda untuk memilih pemimpin-pemimpin mereka. Sekarang pengundian sudah turun ke umur ke 18, so saya harap untuk Kerajaan Negeri kita pula untuk peluang-peluang untuk masuk agensi-agensi atau jawatankuasa-jawatankuasa macam MPKK pun boleh memberi peluang yang sama pada mereka yang berumur 18, untuk memberi anak-anak muda satu peluang untuk menyumbang kepada masyarakat, terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus, saya ingat Yang Berhormat Bagan Jermal pun telah masukkan perkara tersebut di dalam penggulungan beliau, saya ingat saya tak perlu ulang lagi ya. Pada tahun ini, Pertandingan MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan semula. Terakhirnya, program ini diadakan pada tahun 2016. Jadi pertandingan ini kita buat untuk memberi galakkan kepada MPKK untuk meningkatkan perkhidmatan mereka. Jadi Johan kita bagi RM30,000.00, Naib Johan RM10,000.00, Tempat Ketiga RM5,000.00. Jadi pertandingan ini atau pun penilaian sedang dilakukan sekarang.

Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri Pulau Pinang. Selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada Mac 2020, Majlis Penasihat Perpaduan Negara telah ditubuhkan sebagai sebuah badan yang menjadi mekanisma perpaduan di peringkat kebangsaan. Majlis Penasihat Perpaduan Negara bertindak sebagai penasihat kepada Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan. Majlis Penasihat Perpaduan Negara disokong oleh dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara di peringkat kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri bagi peringkat negeri. Bagi peringkat negeri, saya telah diberi amanah sebagai Pengerusi manakala Yang Berhormat Padang Lalang sebagai Timbalan Pengerusi, Keahlian anggota-anggota lain adalah terdiri daripada pegawai perpaduan daerah, wakil Badan Bukan Kerajaan, pihak swasta dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan. Jawatankuasa ini akan menyediakan platform perbincangan di peringkat negeri berhubung sebarang perkara atau aspek yang menyentuh agenda perpaduan negara secara bersepadu demi kepentingan bersama agar keharmonian masyarakat dan kesejahteraan negara terus terpelihara.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Bukit Tambun agar Kerajaan Negeri menjaga kebajikan MPKK dengan memberi peruntukan tambahan kepada MPKK, khususnya bagi usaha-usaha memperkasakan *urban farming* melalui MPKK, perkara ini telah dijelaskan dengan terperinci oleh Yang Berhormat Penanti dalam ucapan penggulungan beliau. Seiring dengan Agenda Penang2030 untuk menjadi Negeri Pintar, Hijau berteraskan Keluarga Inspirasi yang

menginspirasi negara. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk menggalakkan penyertaan serta memperkasakan komuniti untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Perkara ini termasuklah pemberdayaan MPKK untuk meneraju penglibatan komuniti setempat dan melaksanakan pelbagai dasar dan program kerajaan.

Di samping itu, bagi mewujudkan potensi pemimpin masyarakat dalam semua aspek perkembangan fizikal dan mental, meningkatkan kemahiran komunikasi, serta memupuk semangat di kalangan ahli-ahli jawatankuasa MPKK, Kursus Pemantapan Kepimpinan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, telah diadakan di kawasan-kawasan DUN berkaitan bagi kelima-lima daerah pada tahun ini.

Kursus ini akan diteruskan, bagi melaksana lagi pelaksanaannya pada tahun hadapan bagi memberi peluang kepada Ahli Jawatankuasa MPKK termasuk MPKK belia, yang bakal dilantik penggal baharu mempelajari kaedah dan strategi pengurusan dan kepimpinan yang berkesan, dan seterusnya dapat meneraju komuniti masing-masing dengan lebih cemerlang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Seterusnya saya akan menyentuh MMK Koperasi. Berkuatkuasa 15 September yang lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk saya mengambil alih dan meneraju Portfolio Koperasi. Oleh itu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan atas kepercayaan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Dato' Abdul Halim yang telah memacu MMK Koperasi sebelum ini.

Saya menyambut baik pertukaran portfolio ini, dan akan berusaha untuk memperkasakan pergerakan koperasi di Pulau Pinang yang seharusnya dapat memainkan peranan yang lebih baik sebagai sektor ketiga, dalam membantu meningkatkan sosio ekonomi anggota-anggotanya dan seterusnya menjana ekonomi negeri serta negara.

Koperasi adalah sebuah pertubuhan sosio ekonomi, yang ditadbir secara sukarela berasaskan semangat dan kerjasama dalam memajukan kepentingan anggota-anggota. Dalam erti kata lain, koperasi merupakan persatuan yang menjalankan aktiviti perniagaan yang bertujuan membantu dan meringankan beban anggota-anggotanya.

Selain mendapat pulangan dalam bentuk dividen, anggota koperasi juga menikmati harga yang lebih murah dari pasaran dan kemudahan-kemudahan khas seperti pinjaman dan sebagainya.

Menurut Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Jun 2020, sebanyak 747 buah koperasi telah didaftarkan di Pulau Pinang dengan jumlah keanggotaan seramai 130,472 orang, manakala pendapatan tahunan Koperasi Pulau Pinang merekodkan jumlah RM225 juta.

Gerakan membudayakan koperasi kepada kariah masjid pula, akan ditingkatkan. Saya suka untuk menarik perhatian Dewan bahawa sehingga Jun 2020, terdapat 42 buah Koperasi Masjid telah berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Jumlah pendapatan oleh 42 buah koperasi ini, adalah sebanyak RM2.0 juta, dan ini perlu ditingkatkan lagi. Modal syer adalah sebanyak RM1.23 juta, dengan aset terkumpul berjumlah RM3.2 juta.

Melihat kepada angka ini, Koperasi Kariah Masjid sebenarnya berpotensi untuk memacu ekonomi ummah. Oleh itu, MMK Koperasi dan MMK Hal Ehwal Agama akan bekerjasama untuk membudayakan pergerakan koperasi di kalangan kariah masjid, kerana fakta dan angka di atas menunjukkan koperasi kariah mampu dan berpotensi untuk memajukan ekonomi ummah.

Dalam masa yang sama, MMK Koperasi juga akan memperhebatkan usaha untuk membudayakan koperasi kepada pelbagai kelompok masyarakat merentasi kaum, bahasa dan agama. Kesemua langkah yang digariskan adalah bagi memastikan koperasi dapat menangani isu-isu berkaitan, berkaitan koperasi sekaligus memastikan koperasi-koperasi di Pulau Pinang masih relevan dan dapat membantu memperkasakan komuniti.

Seterusnya saya akan menyentuh Jawatankuasa *Task Force* Nelayan. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk melaksanakan Projek *Penang South Reclamation* untuk menyediakan pembangunan lestari di Pulau Pinang pada masa hadapan. Kerajaan Negeri akan memastikan tiada komuniti terpinggir dari arus pembangunan Negeri Pulau Pinang termasuk golongan nelayan.

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan nelayan-nelayan yang bakal menerima kesan terus daripada projek PSR ini dan telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Nelayan untuk merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang akan mendatangkan manfaat kepada komuniti nelayan agar mereka turut maju dan menikmati pembangunan yang dibawa oleh projek PSR ini.

Pelan-pelan mitigasi yang telah dirangka bagi memastikan golongan nelayan yang terkesan dengan penambakan laut, yang akan mendapat manfaat melalui projek ini adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang akuakultur, perikanan laut dalam, teksi air, perindustrian, keusahawanan serta dalam bidang perikanan, pelancongan dan rekreasi;
- (b) Penambahbaikan dari segi pendidikan dan kemahiran untuk rakyat tempatan, nelayan dan anak-anak mereka;
- (c) 30% perumahan awam akan diperuntukkan dan keutamaan akan diberikan kepada para nelayan yang layak; dan
- (d) Penambahbaikan infrastruktur tempatan seperti melaksanakan program tebatan banjir, program peningkatan mutu air sungai, membina jeti terapung, pengindahan dan pengukuhan kawasan pesisir pantai, program penambahbaikan dan pemuliharaan kampung dan menaik taraf jalan raya.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Seberang Jaya berkenaan perincian pakej bagi nelayan-nelayan terkesan ini, di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial bagi projek PSR (SIMP), Kerajaan Negeri sedang memuktamadkan pakej *ex-gratia* seperti berikut:

- (a) Pakej Bantuan Hidup iaitu berupa bayaran *ex-gratia* dan elaun bulanan;
- (b) Pakej Pemerksaan merangkumi pembinaan jeti nelayan baru, koperasi nelayan, skim tuisyen dan pendidikan untuk anak-anak, skim latihan untuk nelayan dan anak-anak, dan peluang pekerjaan bagi mereka yang berkecayaan; dan
- (c) Keutamaan bagi pendaftaran rumah mampu milik bagi membantu nelayan yang belum memiliki rumah sendiri.

Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan sedang mengumpul maklumat terperinci bagi merangka pakej-pakej ini yang boleh memenuhi keperluan dan kehendak nelayan dengan sebaik mungkin. Manakala perincian kuantum sebenar akan diumumkan oleh Kerajaan Negeri selepas proses rundingan, selepas proses rundingan bersama nelayan-nelayan ini selesai dalam masa yang terdekat, Yang Berhormat.

Kerajaan Negeri juga komited dan akan memastikan syarat-syarat EIA dan *Social Impact Assessment* (SIA) dipenuhi. Program *offset* ekologi yang merangkumi penanaman bakau, melabuhkan tukun tiruan dan unjam, pelepasan benih ikan dan udang, dan penambahbaikan ekologi pesisir pantai, *shore line eco enhancement* akan dilaksanakan untuk mewujudkan habitat baru bagi hidupan laut dan menyumbang kepada kelestarian industri perikanan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri juga dalam peringkat pelantikan perunding untuk pelaksanaan program *offset* ekologi ini.

Yang Berhormat Bayan Lepas mengharapkan agar koperasi nelayan diberikan dana permulaan berjumlah RM20 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menetapkan anggaran awal bagi pelaburan dana penubuhan koperasi, yang dicadangkan oleh agensi-agensinya yang berkaitan SKM dan lain-lainlah ya, melalui satu bengkel kerja berkaitan Pelan Pengurusan Impak Sosial bagi projek PSR.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Bayan Lepas untuk keperluan penambahan dana koperasi, sekiranya bersesuaian dan bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Jadi, tentang koperasi ini pun masih lagi perlu dirundingkan dengan nelayan-nelayan ya. Kita akan berunding dengan nelayan, dalam masa terdekat untuk kita cadangkan kepada mereka apa yang telah dicadangkan di dalam bengkel yang telah dijalankan tersebut.

Maka diharapkan, penjelasan yang diberikan ini akan turut menjawab persoalan-persoalan yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Dua dan Yang Berhormat Telok Bahang.

Saya juga ingin menegaskan sekali lagi, bahawa penangguhan usul Perkara 14A (1) Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012, berhubung pertukaran parti politik wakil rakyat dibuat melalui Mesyuarat EXCO setelah mengambil kira situasi krisis kesihatan semasa.

Ini adalah selepas melihat peningkatan kes baharu COVID-19 yang direkodkan di seluruh negara selepas Pilihan Raya di Sabah. Maka dalam waktu sukar ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil keputusan untuk mengutamakan keselamatan dan kesihatan rakyat terlebih dahulu.

Saya mengambil kesempatan ini juga, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, Bahagian Khidmat Pengurusan, semua Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, seluruh Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), anggota Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Pengurusan Masjid-masjid dan Surau-surau di seluruh Pulau Pinang serta semua agensi, jabatan, institusi berkaitan yang mana, dalam tempoh hampir setahun ini bertungkus-lumus untuk menjayakan dan melaksanakan Dasar dan perancangan di bawah portfolio saya.

Sebagai penutup, ingin saya berpesan-pesan bahawa sebagai pemimpin, kita memikul tanggungjawab yang amatlah berat. Kepada diri saya serta semua pemimpin dalam kalangan kita, sebagaimana ungkapan bermakna yang diterjemahkan oleh Datuk A. Samad Said, Sasterawan unggul negara melalui sebuah puisi yang berbunyi:

“Diri pemimpin patut menjadi watak tunggal berdiri;
tangan dan hatinya wajib seimbang memandu kemudi”
“Walau tak diperasan, siapa yang berada di sisi,
wajar dipantau rakyat yang disedari terketepi”.

Dengan lafaz (*membaca potongan ayat Al-Quran*), saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pinang Tunggal. Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya menangguhkan Dewan untuk hari ini, dan kita bersidang semula pada 19 haribulan nanti, hari Isnin jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang.